

MAHMUD BIN AHMAD RASYID



SOAL JAWAB FIQH AL-BANI





Soal Jawab Fiqh Al-Bani

Oleh
Mahmud bin Ahmad Rasyid

Penterjemah:
Dr. Muhammad Amar Adly

Terbitan:



BERLIAN PUBLICATIONS SDN. BHD.

Soal Jawab Fiqh Al-Bani

Penulis : Mahmud bin Ahmad Rasyid
Terbitan : Mesir
Penterjemah : Dr. Muhammad Amar Adly
Editor Kanan : Sakina Begum bt. Zainal Abidin
Penolong Editor: Fatimah bt. Mohamed Ibrahim

Cetakan Pertama 2008

ISBN 978-967-5047-49-7

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar semula manapun bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit iaitu Berlian Publications Sdn. Bhd.



Penjana Kemantapan
Rohani Dan
Intelektual

Penerbit:

BERLIAN PUBLICATIONS SDN. BHD.
No. 15, Jalan Puteri 5/8, Bandar Puteri, 47100 Puchong, Sel.
Tel: 03-8060 0687 Fax: 03-8060 7687
Email: berlian _@tm.net.my
Website: www.berlianbooks.com.my

Diuruscetak oleh: PS Potensi Enterprise, Lot 1857, Seri Kembangan, Selangor.

KATA PENERBIT



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

SEGALA puji bagi Allah s.w.t. tuhan seru sekalian alam. Semoga selawat dan salam dilimpahkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w., keluarga, sahabat dan seluruh orang yang memperjuangkan syari'atnya sampai hari kiamat. Amin ya ilahal 'alamin.


Dengan penuh rasa kesyukuran yang tidak terhingga beserta berkat taufik dan hidayah-Nya, akhirnya kami dapat menerbitkan buku yang saat ini berada di tangan saudara.

Besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat serta bimbingan kepada sekalian muslimin dan muslimat agar memperolehi ilmu untuk menghadapi cabaran bagi meneruskan kehidupan di dunia ini serta mendapat keredaan Allah s.w.t. di akhirat kelak. Semoga penerbitan buku ini turut menyumbangkan ke arah membina generasi masa kini sebagai generasi yang berjaya dan beruntung di dunia maupun di akhirat. Insya Allah.

Sebarang kesilapan harap dimaafkan dan teguran anda yang membina adalah amat dialu-alukan.

Hanya Allah jualah yang memberi pertolongan Dialah sebaik-baik pembantu dan penolong, semoga Allah meredai usaha kita, amin.

Penerbit



Kalau anda sedang marah dan tengah berdiri, maka duduklah, kalau anda masih marah juga, maka berbaringlah, kalau anda masih marah juga, bangunlah dan pergi mengambil wuduk, kerana marah itu adalah daripada syaitan, syaitan berasal daripada api dan api takut kepada air.


Kandungan

Kata Penerbit	iii
Mukadimah	1
1. Thaharah (Bersuci)	11
A. Air	11
B. Bejana	13
C. Istinjaq	15
D. Wuduk	16
E. Hal-hal Yang Membatalkan Wuduk	21
F. Membasuh Khuffain (Stoking)	25
G. Mandi	26
H. Tayamum	33
I. Haid	36
2. Solat	43
A. Waktu-waktu Solat	45
B. Azan	51
C. Syarat-syarat Solat Dan Tata Caranya	60
3. Hukum-hakam Masjid	69
A. Hukum-hakam Masjid	69
B. Sifat Solat Nabi	77
C. Solat Sunnah	91
4. Solat Jemaah	99
A. Solat Jemaah	99
B. Solat Jumaat	110
C. Solat Aidil Fitri Dan Aidil Adha	116
E. Solat Safar (Dalam Bepergian)	118

5. Hukum-hukum Jenazah	123
6. Zakat	150
7. Puasa	158
8. Haji, Umrah Dan Ziarah	174
9. Jual Beli, Usaha Dan Zuhud	180
10. Nikah Dan Pendidikan Anak	189
11. Sumpah Dan Nazar	201
12. Jihad	208
13. Hukum, Muamalat Dan Hudud	213
14. Makanan	233
15. Minuman	240
16. Pengubatan	247
17. Pakaian Dan Perhiasan	254
18. Pelbagai Jawapan Daripada Syeikh Albani	269



Mukadimah



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

SEGALA puji bagi Allah, kami memuji, memohon pertolongan, petunjuk serta keampunan kepada-Nya. Kami berlindung kepada Allah s.w.t daripada keburukan diri dan perbuatan kami. Sesungguhnya mereka yang diberikan petunjuk Allah s.w.t tidak akan tersesat dan mereka yang tidak diberikan petunjuk akan mengalami kesesatan. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, Yang Maha Esa, Yang tidak ada sekutu bagi-Nya. Dan, aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah hamba dan utusan-Nya. Semoga Allah melimpahkan selawat dan salam kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Sesungguhnya ungkapan yang paling benar adalah Kitabullah; Al-Quran, dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad s.a.w. Seburuk-buruk perkara adalah hal-hal asing dan yang baru dimasukkan menjadi sebahagian daripada ajaran agama. Setiap yang baru adalah bidaah, dan setiap bidaah dalam agama adalah kesesatan dan setiap kesesatan itu tempatnya adalah neraka. Kepada mereka yang memiliki pandangan hati, pentingnya roh dalam agama adalah suatu hal yang sangat zahir dan tidak tersembunyi, bahkan keperluan umat kepadanya melebihi keperluan mereka kepada makanan dan minuman. Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Mu'awiyah r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda,

“Barang siapa yang ingin Allah berikan kebaikan kepadanya, nescaya Dia memberikannya pemahaman dalam agama.”

(HR. Al Bukhari)

Adapun perselisihan pendapat yang tampak, taasub mazhab, dan banyaknya pendapat yang tidak jelas sumbernya, seperti yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w, sebagaimana tersebut dalam sabdanya,

“Sesungguhnya Allah tidak menarik ilmu dengan kerana mencabutnya secara langsung daripada seorang hamba, namun Dia menarik ilmu dengan cara mematikan ulama, sehingga apabila tidak tersisa seorang alim pun, maka manusia menjadikan pemimpin-pemimpin mereka daripada kalangan orang-orang bodoh, maka apabila mereka ditanya, mereka mengeluarkan fatwa tanpa ilmu, sehingga mereka sesat dan menyesatkan.”

(HR. Al Bukhari)

Dan ilmu fikih apabila lebih mengutamakan pendapat ulama daripada dalil syar'i, mengutamakan hawa nafsu daripada petunjuk dan hanya sekadar mengikuti daripada berfikir dan mengamati, maka hukum-hukum syariat akan hilang dan tidak ada kesannya, sehingga Allah s.w.t disembah dengan dasar kebodohan. Ekoran daripada itu, manusia terjerumus pada pelanggaran-pelanggaran dan bidaah sama ada dalam masalah akidah maupun ibadat.

• Semoga Allah melimpahkan rahmatnya kepadamu, bahawa fikih dalam agama tidak mungkin difahami dan diperolehi kecuali ianya yang diberikan kecerdasan yang kuat dalam memahami, niat yang baik dan ilmu yang bermanfaat. Hal itu akan lebih memudahkan diterimanya amal perbuatan dan terlepas daripada taklid buta.

Seiringan dengan adanya keinginan kuat yang mem-

bawa berkat dan bangkitnya keilmuan yang semakin bergelora dari masa ke semasa, bahkan terlihat adanya pertambahan kecenderungan para generasi Islam untuk menuntut ilmu, kerana mereka mengetahui bahawa keadaan umat tidak akan menjadi baik kecuali dengan berpandukan kepada asas-asas pertama yang telah menjadikannya sebagai umat terbaik, dan tidak ada jalan untuk mencapai matlamat itu kecuali dengan menuntut ilmu dan bertungkus-lumus untuk mendapatkannya.

Oleh itu, di sini saya ingin mendedahkan kepada saudara-saudaraku. Apa yang saya lakukan ini termasuk pelaksanaan ajaran, bagi mendekatkan ilmu kepada para penuntutnya dan menunjukkan arah bagi orang-orang yang menginginkannya. Dengan meminta pertolongan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya, kumpulan fikih yang telah dipilih dan *di-tarjih* (diteliti untuk dicari yang lebih *rajih* [benar]) oleh Syeikh Al Albani, dalam sebuah kitab yang saya beri tajuk, *“Taujih As-Sari Li Ikhtiyarat Asy-Syeikh Al Albani”* iaitu kumpulan hukum yang dipilih oleh Syeikh yang pakar dalam bidang ilmu hadis dan sangat luas keilmuannya; iaitu Syeikh Muhammad Nasiruddin Al Albani (Semoga Allah melimpahkan rahmat kepadanya) yang diambil daripada karyakarya dan kitab-kitabnya yang telah diedarkan kepada majoriti penuntut ilmu dan yang bukan penuntut ilmu.

Semoga Allah melimpahkan rahmat kepada Syeikh al-Bani. Beliau adalah seorang pencari kebenaran dan pengorek semua bentuk ilmu untuk menemukan dalil yang jauh daripada taasub dan taklid buta, dan bukan hanya sekadar berkata-kata sahaja. Beliau akan menyekat pendapat orang yang mencabarnya, bahkan beliau terkenal sebagai orang yang sangat berwaspada ke atas pendapat dan juga tingkah laku orang-orangnya. Dia, juga termasuk dalam golongan orang yang paling keras

menyerukan kepada kita untuk mengikuti Rasul dan Sunnahnya, bahkan dia juga memperingatkan kita daripada pendapat-pendapat yang menyimpang atau yang dibuat-buat dan tidak termasuk dalam kategori ijtihad ulama salaf.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa dia berasal daripada madrasah ilmiah yang menolak taklid, mendahulukan dalil daripada pendapat-pendapat orang. Itulah madrasah yang jalur dan lunas-lunasnya telah ditetapkan oleh *Syaiku Islam*, Ibnu Taimiyah -semoga Allah melimpahkan rahmat kepadanya - yang kemudian benderanya dikibar oleh muridnya yang berbakti; iaitu Ibnu Qayim Al Jauzi . Semoga Allah melimpahkan rahmat kepadanya. Sebelum mereka berkibar dengan benderanya, ada empat imam iaitu; Hanafi, Malik, Hambali dan Syafie, di mana semuanya sepakat dalam satu ketetapan iaitu kewajipan berpegang teguh kepada Sunnah dan kembali kepadanya serta meninggalkan semua perkataan atau pendapat yang mencabarnya, sehebat manapun orang yang mengatakannya.

Oleh itu, Syeikh Nasiruddin Al Albani memilih pendapat-pendapatnya dan mentarjihnya walaupun beranggah dengan pendapat-pendapat mereka. Pendapat-pendapatnya yang *di-tarjih-* kadang-kala sesuai dengan salah satu mazhab atau sering kali sesuai dengan pendapat *Syeikhul Islam*

* Walaupun pada kesempatan lain pendapat ibnu Taimiyah terkadang sesuai dengan pendapat Ibnu Hazm. Hal itu bukanlah sesuatu yang tabu atau aib, kerana yang hak adalah yang paling berhak untuk diikuti dan Sunnah adalah yang paling utama untuk dijadikan pedoman. Merupakan suatu yang pasti bahawa Syeikh tidak terikat dengan mazhab tertentu sebagaimana mazhab *muhadditsin* (ulama hadis), dan alangkah indah orang

yang mengatakan di dalam syairnya,

Ahlul ilmi adalah ahlun nabi (orang-orang yang mengikuti sunnah nabi), walaupun mereka tidak pernah menggauli jiwa baginda, akan tetapi mereka menggauli nafas-nafas baginda.

Ada yang mengatakan bahawa Syeikh bukanlah seorang ahli fikih, dia hanya pakar dalam bidang hadis. Tentu saja ini adalah penisbatan yang batil dan dusta. Alangkah baiknya jika orang yang menyebarkan hal tersebut tahu bahawa perkataannya tidak ada harganya. Kerana ahli hadis adalah orang yang paling dekat kepada pengetahuan tentang akidah, hukum dan akhlak yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w.

Bagi Allah cahaya Al Kabnuwi, ketika dia berkata, "Sesiapa yang memandang dengan pandangan objektif - dan menyelami lautan fikih dan usul, serta menghindari pemikiran yang tidak berasas, maka ia akan mengetahui dengan yakin bahawa banyak daripada permasalahan *furu'* (cabang) dan usul yang dipertikaikan oleh ulama, maka mazhab ulama hadis merupakan mazhab yang paling kuat daripada mazhab-mazhab lainnya. Dan, setiap kali mengharungi pelbagai bentuk perselisihan, saya mendapati pendapat ulama hadis yang lebih objektif - bagi Allah cahaya dan rasa syukur mereka. Begitu pula di dalam permasalahan-permasalahan usul. Mereka adalah pewaris Nabi s.a.w yang sebenar, dan wakil yang menyampaikan syariat yang terpercaya. Semoga Allah memasukkan kita ke dalam golongan mereka dan mematikan kita dalam keadaan cinta terhadap mereka serta selalu meniti jalan mereka

Di samping tohmahan di atas, ada juga yang menuduh bahawa Syeikh Nasiruddin ada seorang murid yang jumud dan bermazhab Zhahiriyyah (mazhab yang hanya melihat

pada zahir nas), padahal, dia adalah orang yang bersih daripada tohmahan tersebut.

Jika dilihat, maka kita dapat mengetahui bahawa tohmahan itu hanya bermatlamat untuk membuat keraguan pada manhaj muhaddisin (jalan/metod yang dipakai oleh para ahli hadis), dan ternyata usaha mereka menuai kegagalan. Bukti terbesar kegagalan tersebut adalah ketidak benaran tohmahan mereka sebab ternyata dia adalah pengikut mazhab ahlul ilmi yang pertama dari pada kalangan salaf soleh dalam mengetahui petunjuk-petunjuk nas.

Iaitu dengan cara mengumpulkan jalur-jalur hadis dan mengecek kebenarannya, lalu berdalikan dengan hadis yang terbukti sahih dan mengetahui sisi-sisi makna yang ditunjukkan oleh dalil dengan fahaman salaf soleh.

Tohmahan bahawa Syeikh Albani adalah orang yang tidak mahir dalam fikih sebenarnya bukanlah hal yang baru dan aneh, kerana para imam yang datang sebelumnya juga mendapat tohmahan yang sama, seperti Imam Ahmad bin Hambal yang hakikatnya sebagai Imam Ahlussunnah wal Jama'ah. Jadi jelas bagi kita bahawa tohmahan seperti itu hanyalah fitnah dan kebohongan daripada mereka yang dengki.

Dalam sebuah syair dikatakan,

*Sekiranya semua makhluk melempari bintang,
nescaya lemparan itu tidak akan sampai kepadanya*

Syeikh Albani pernah mengulas permasalahan ini, ketika dia ditanya, "Apa hubungan antara ilmu fikih dengan ilmu hadis? Dan apakah seorang ahli hadis mesti pandai dalam hal fikih atau ia hanya seorang ahli hadis saja?

Syeikh Albani menjawab, "Seorang ahli fikih mesti

mahir dalam hal hadis, dan seorang ahli hadis tidak semestinya pandai dalam fikih; kerana dengan sendirinya ahli hadis pandai dalam hal fikih, apakah para sahabat Nabi s.a.w mempelajari fikih atau tidak? Dan apakah fikih yang mereka pelajari adalah apa yang mereka ambil daripada Rasulullah s.a.w? Jika demikian, bererti mereka mempelajari hadis. Manakala para ulama fikih yang mempelajari perkataan dan fikih ulama serta tidak mempelajari hadis Nabi s.a.w yang merupakan sumber fikih, maka dikatakan kepada mereka bahawa kamu wajib mempelajari hadis, kerana kita tidak membayangkan adanya seorang ahli fikih yang benar tanpa mengetahui hadis, baik dalam bentuk hafalan, pensahihan, dan pendaifan. Dalam waktu yang sama, kita tidak dapat membayangkan adanya ahli hadis yang tidak pandai fikih. Al-Quran dan Sunnah merupakan sumber fikih, manakala fikih yang kita kenal sekarang ini adalah fikih ulama bukan fikih Al-Quran dan Sunnah. Benar bahawa sebahagiannya ada di dalam Al-Quran dan Sunnah, dan sebahagian lainnya merupakan pendapat-pendapat dan ijтиhad-ijтиhad ulama, namun banyak di antaranya yang bercanggah dengan hadis, kerana mereka tidak menguasai hadis." Ini kerana Syeikh Albani pernah merubah pendapatnya, maka dalam buku ini saya ingin menjelaskan pendapatnya yang terakhir atau menyebut pendapatnya yang terdahulu, kemudian memaparkan pendapatnya yang terakhir.

Begitulah keadaan orang pandai, dan demikianlah keistimewaan mereka. Jika ada perubahan ijтиhad, maka hal itu menunjukkan dua perkara:

- a. Berwawasan luas dan teliti dalam berijтиhad serta ada indikasi bertambahnya ilmu.
- b. Bertakwa dan mempunyai sifat amanah ilmiah.

Sehingga sesuatu yang tidak nampak sebelumnya menjadi jelas. Dengan demikian, maka dia mendapat ganjaran dalam ijtihad pertama dan yang terakhir.

Untuk memperjelaskannya, maka mari kita semak perkataan Syeikh dalam masalah ini; Syeikh Albani dalam Mukadimah cetakan baru pada jilid pertama kitab (*Silsilah Al Ahadis*) *Adh-Dha'ifah*, hal. 2-4 mengatakan, ‘Di antara tabiat manusia yang diciptakan oleh Allah s.w.t adalah lemah pengetahuannya, hal ini sebagaimana diisyaratkan dalam firman-Nya, “...dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya....” (*Al Baqarah* (2): 255), maka seorang peneliti seharusnya tidak jumud terhadap pendapat atau ijtihad lamanya jika nampak baginya bahawa yang benar adalah pendapatnya yang baru. Oleh kerana itu, dalam kitab-kitab ulama pernah kita dapat pendapat-pendapat yang kontradiksi daripada satu imam baik dalam hal hadis, terjemahan para perawinya dan juga dalam masalah fikih. Khususnya di dalam kitab Imam Ahmad. Dan, yang sangat istimewa dalam hal ini adalah Imam Syafie, sebab dia dikenali mempunyai dua pendapat; pendapat lama (*qaul qadim*) dan mazhab baru (*qaul jadid*). Oleh sebab itu, para pembaca tidak perlu merasa aneh bila saya menarik semula sebahagian daripada pendapat dan hukum yang pernah saya ucapkan.

Antara tujuan saya menghimpun fikih pilihan milik Albani adalah keinginan untuk menghimpun hukum yang berserakan dalam buku-buku hadis dan fikih yang dia karang. Dalam masalah ini saya bukanlah orang pertama yang melakukan hal demikian sebab di banyak tempat terdapat pelbagai buku pilihan yang terkenal di kalangan orang yang cerdik pandai; di antaranya adalah milik *Hujjatul Islam*, Ibnu Taimiyah, yang telah dihimpun oleh Al Ba'li, dan milik Ibnu Quddamah yang mengulas

mengenai masalah fikih, yang dihimpun oleh Dr. Said Al Ghamidi.

Adapun manhaj saya dalam menulis buku ini adalah sebagai berikut;

1. Mendedahkan dalam bentuk permasalahan bahawa Syeikh telah menentukan hukum seseorang dalam kitabnya, atau menyusun karyanya yang telah *di-tarjih* oleh Syeikh, kemudian saya menukil pilihan Syeikh dengan nasnya sebagaimana yang telah disebutkan. Kaedah Syeikh dalam karyanya terkadang menyebutkan dalil terlebih dahulu, lalu mensarikannya, kemudian mentarjhinya atau menyebutkan suatu perkataan, kemudian diikuti dengan dalil pilihan. Terkadang saya menukil hasil daripada pentarjihan Syeikh dengan menyebutkan dalil untuk memperingkas sarinya, namun dalam permasalahan-permasalahan yang sangat jarang sekali- terkadang saya menambah kalimat atau membuat redaksi yang ingin *di-tarjih* oleh Syeikh, hal itu saya letakkan di dalam tanda kurung.
2. Mempermudah para pembaca, maka dalam hal ini saya menyebutkan karya-karya yang berkaitan dengan pembahasan, di mana setiap hukum atau penjelasan saya kembalikan kepada kitab rujukan yang dikarang oleh Syeikh, dengan matlamat agar wawasan terhadap pendapat Syeikh menjadi bertambah.
3. Saya membuat daftar isi dengan tajuk-tajuk permasalahan yang khusus pada setiap bab, sehingga mudah merujuk kepadanya ketika mencari suatu permasalahan.
4. Terkadang saya menyebutkan *takhrij* hadis pada nota kaki, sebagaimana yang digunakan oleh Syeikh, namun ada beberapa *takhrij* hadis yang saya ringkas.

Walaupun demikian, tentu dalam mengumpulkan dan mensarikan pendapat Syeikh Albani masih ada kemungkinan terdapat kesalahan yang saya sendiri belum mengetahuinya. Sebab boleh jadi Albani telah menerangkannya, namun belum membukukannya dalam bentuk cetakan, atau boleh jadi sebahagian kitabnya belum saya dapatkan. Mudah-mudahan Allah memberi kemudahan kepadaku untuk melakukan perbuatan lain di dalam kitab ini dalam bentuk yang lebih bermanfaat dan lebih luas pada cetakan berikutnya.

Kepada Allah sahaja aku meminta, semoga buku ini bermanfaat, dan Dia menjadikan pekerjaanku sebagai bentuk keikhlasan kerana mencari keredaan-Nya. Sekiranya ada kesalahan, maka itu bersumber daripada diri saya dan syaitan, sementara hal-hal yang benar tidak lain hanyalah kerana taufik Allah Yang Maha Pemurah.

Semoga selawat dan salam tercurah kepada Nabi Muhammad s.a.w, penutup para nabi, juga kepada keluarga dan para sahabatnya yang setia.

1

Thaharah (Bersuci)

A. AIR

Masalah:

Air laut

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa air laut itu suci.

Masalah:

Air Musta'mal (yang sudah digunakan untuk bersuci)

Jawapan:

Syeikh berpendapat bahawa air yang *musta'mal* (yang telah digunakan untuk bersuci) hukumnya masih tetap suci (dapat digunakan untuk bersuci) kerana Nabi s.a.w mandi daripada sisa air mandian Maimunah.

Masalah:

Air yang mencair, yang kejatuhan najis.

Jawapan:

Al Hafizh berkata dalam menjelaskan hadis Maimunah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang seekor tikus yang jatuh ke dalam minyak samin? Maka baginda menjawab, ‘Keluarkan tikus itu dan apa yang

dan
emung-
menge-
annya,
takan,
patkan.
padaku
dalam
takan

buku ini
sebagai
Sekira-
diri saya
ak lain
nh.

Nabi
pada

1

Thaharah (Bersuci)

A. AIR

Masalah:

Air laut

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa air laut itu suci.

Masalah:

Air Musta'mal (yang sudah digunakan untuk bersuci)

Jawapan:

Syeikh berpendapat bahawa air yang *musta'mal* (yang telah digunakan untuk bersuci) hukumnya masih tetap suci (dapat digunakan untuk bersuci) kerana Nabi s.a.w mandi daripada sisa air mandian Maimunah.

Masalah:

Air yang mencair, yang kejatuhan najis.

Jawapan:

Al Hafizh berkata dalam menjelaskan hadis Maimunah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w pernah ditanya tentang seekor tikus yang jatuh ke dalam minyak samin? Maka baginda menjawab, "Keluarkan tikus itu dan apa yang

ada di sekitarnya, lalu buanglah.” Syeikh berdalil dengan hadis ini untuk salah satu daripada dua riwayat Ahmad; Bahawa air yang mencair apabila kejatuhan najis, maka air itu tidak najis kecuali terjadi perubahan (pada warna, bau dan rasa), dan pendapat ini juga menjadi pilihan Al Bukhari.

Masalah:

Kesucian semua darah kecuali darah haid.

Jawapan:

Kesimpulannya adalah: Setahu kami tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa hukum darah adalah najis dalam pelbagai jenis dan bentuknya, kecuali darah haid. Manakala dakwaan adanya kesepakatan ulama atas najisnya darah merupakan dakwaan yang batil. Ini kerana asal hukumnya adalah suci, maka ia tidak boleh ditinggalkan, kecuali dengan nas *sahih* yang membolehkan untuk meninggalkan hukum asal. Namun jika tidak ada satu nas pun yang menyalahi hukum asal, maka harus tetap pada hukum asal, dan itulah yang wajib dilaksanakan.

Masalah:

Hukum kesucian mani

Jawapan:

Menghukumi air mani sebagai suatu yang suci adalah benar. Cukuplah sebagai dalil yang mengukuhkan dalam masalah ini bahawa Ibnu Abbas menghukuminya sebagai suatu yang suci secara pasti, kerana posisinya disamakan dengan hingus dan ludah. Tidak ada seorang sahabat pun yang mencabar pendapat tersebut dan juga tidak ada satu nas Al-Quran mahupun hadis yang berbenturan dengannya.

Masalah:

Cara menyucikan tanah yang najis

Jawapan:

Tanah yang terdapat najis disucikan dengan cara menambahkan tanah lain, sebagaimana di dalam hadis seorang Arabi. Boleh juga dengan cara dijemurkan pada panas matahari serta dengan tiupan udara, jika tidak tersisa bekas najis tersebut.

B. BEJANA

Masalah:

Hukum menggunakan bejana emas dan perak untuk makan dan minum.

Jawapan:

Diharamkan secara nas menggunakan bejana emas dan perak untuk makan dan minum, namun dibolehkan menggunakan bejana yang di dalamnya terdapat rantai perak disebabkan suatu hajat, dan demikian juga dengan emas; secara qiyas (menqiyaskan emas dengan perak).

Masalah:

Hukum menggunakan bejana milik orang-orang kafir.

Jawapan:

Dibolehkan menggunakan bejana milik orang-orang kafir; sebagaimana diriwayatkan dalam hadis *sahih*, bahawa Nabi s.a.w berwuduk daripada wadah perbekalan wanita musyrik. Akan tetapi, jika bejana tersebut biasanya digunakan untuk memakan daging babi dan mereka menampakkan hal tersebut, maka tidak boleh digunakan, kecuali tidak didapati barang lain yang boleh digunakan, dan dalam keadaan seperti itu, maka bejana tersebut wajib dicuci.

Masalah:

Pensyariatan menutup bejana

Jawapan:

Menutup bejana merupakan suatu yang dianjurkan, sebagaimana tersebut dalam sebuah riwayat, "Tutupilah bejana", dan dalam riwayat lain,

"Dan, sebutlah nama Allah atasnya, walaupun hanya meletakkan kayu, dan tutupilah tempat air minum dengan tali gerabah. Kerana dalam setahun terdapat satu malam di mana wabak penyakit akan turun, (wabak itu) tidak melintasi suatu bejana yang tidak memiliki tutup atau tempat air minum yang tidak memiliki penutup tali gerabah kecuali sebahagian wabak itu turun padanya."

(HR. Muslim)

Masalah:

Kesucian kulit binatang dengan disamak

Jawapan:

Ulama berselisih pendapat tentang apakah samak itu dapat menyucikan atau tidak? Jumhur ulama berpendapat bahawa yang pertama adalah suci. Dan, pendapat yang paling benar adalah bahawa kalimat *ihib* ertiannya kulit yang belum disamak, ia dilarang untuk digunakan. Dan, apabila telah disamak, maka ia menjadi suci. Sesiapa yang ingin pembahasan tersebut secara terperinci, hendaklah merujuk kepada kitab *Nail al-autar* dan kitab-kitab yang lain.

Masalah:

Hukum kesucian khamar

Jawapan:

Imam Nawawi berkata dalam kitab *Al Majmu'* (1/72) dan ramai ulama termasuk ulama kebelakangan daripada

Baghdad dan Qurawi, yang berpendapat bahawa khamar itu suci, dan yang diharamkan adalah meminumnya sebagaimana diterangkan di dalam tafsir *Qurtubi* (6/88), dan inilah pendapat yang *rajih*.

C. ISTINJAK**Masalah:**

Hukum membuang air kecil dan besar menghadap kiblat

Jawapan:

Membuang air kecil dan besar menghadap kiblat hukumnya haram. Larangan tersebut berlaku secara umum (di mana sahaja) walaupun di padang pasir.

Masalah:

Hukum membuang air besar menghadap ke timur dan barat.

Jawapan:

Yang benar adalah dibolehkan membuang air besar menghadap ke arah timur dan barat, kerana Rasulullah S.a.w bersabda,

"Janganlah kamu menghadap kiblat dan jangan pula membela kanginya ketika buang hajat akan tetapi menghadaplah ke arah timur dan barat."

(H. Bukhari dan Muslim)

Masalah:

Apakah boleh beristinjak dengan batu yang kurang daripada tiga?

Jawapan:

Tidak boleh, walaupun telah dipastikan kesuciannya dengan dua batu, maka wajib menggunakan batu yang ketiga. Bila kesuciannya didapati dengan batu yang keempat, maka hendaknya diganjilkan dengan bilangan yang setelahnya (iaitu batu kelima), hukum pelaksanaan

ini adalah dianjurkan.

Masalah:

Hukum berbicara dalam bilik mandi

Jawapan:

Berbicara dalam bilik mandi hukumnya dibolehkan, manakala berbincang sambil memandang aurat hukumnya haram.

Masalah:

Hukum menghilangkan najis pada dua jalan (Qubul dan Dubur) dengan menggunakan batu dan air

Jawapan:

Memadukan alat bersuci; antara air dan batu dalam beristikjak tidak pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w, maka saya khuatir pendapat tentang perpaduan termasuk berlebihan dalam masalah agama, kerana tuntunan Nabi s.a.w hanya cukup dengan salah satu daripada dua cara, dan sebaik-baik tuntunan adalah tuntunan Nabi Muhammad s.a.w dan seburuk-buruk perkara adalah hal-hal yang asing dan baru (dalam agama).

D. WUDUK

Masalah:

Hukum membaca bismillah ketika berwuduk

Jawapan:

Ditetapkan bahawa hukum membaca *bismillah* ketika berwuduk adalah wajib. Pendapat di atas milik mazhab Zahiriyyah dan Ishak ditambah salah satu daripada dua riwayat Ahmad, serta pilihan Shidiq Khan dan Syaukani, dan inilah pendapat yang benar.

Masalah:

Menggunakan siwak bagi orang yang berpuasa

Jawapan:

Dianjurkan bagi orang yang berpuasa untuk bersiwak pada awal hari dan juga pada akhir hari, kerana hukum nasal hal ini adalah diperbolehkan.

Masalah:

Apakah berkumur-kumur dan memasukkan air ke hidung hukumnya wajib?

Jawapan:

Banyak hadis yang datang dengan *shigat* (redaksi) perintah, dan ini merupakan salah satu daripada hadis yang dimaksudkan yang menunjukkan hukum wajib. Oleh kerana itu, Syaukani dalam kitab *As Sail Al Jarar* (1/81) mengatakan, "Pendapat yang mengatakan bahawa berkumur dan memasukkan air ke hidung wajib adalah pendapat yang hak (benar), kerana Allah s.w.t dalam Al-Quran telah memerintahkan membasuh muka. Tempat berkumur dan memasukkan air ke hidung merupakan sebahagian daripada muka. Di samping itu, Rasulullah s.a.w selalu mengerjakan hal tersebut dalam setiap wuduknya.

Masalah:

Membasuh kepala lebih daripada satu kali

Jawapan:

Dbolehkan membasuh kepala lebih daripada satu kali, kerana riwayat tentang membasuh kepala sebanyak tiga kali adalah riwayat yang *sahih*. Oleh kerana itu, kadang-kadang dikerjakan dan kadang-kadang pula ditinggalkan. Pendapat ini adalah milik Ash-Shan'ani sebagaimana tersebut dalam kitab *Subul As-Salam*.

Masalah:

Membasuh dua telinga dalam wuduk

Jawapan:

Membasuh kedua belah telinga hukumnya wajib, kerana hukum keduanya seperti hukum membasuh kepala. Cukuplah bagi kita sebagai suri teladan tentang hal ini iaitu; Imam Sunnah (Ahmad bin Hambali). Kerana berdasarkan hadis Nabi s.a.w yang berbunyi, “Kedua telinga adalah sebahagian daripada kepala.” Kitab *Ash-Shahihah* (1/55).

Masalah:

Apakah cukup membasuh kedua belah telinga dengan air kepala atau harus dengan air yang baru?

Jawapan:

Dbolehkan membasuh kepala dengan air yang tersisa pada kedua tangan. Hal ini berdasarkan pada hadis Rabi' binti Mu'awwaz, bahawa Nabi s.a.w mengusap kepalanya daripada sisa air yang ada di tangannya. (HR Abu Daud dan lainnya, dengan darjat sanad yang hasan, sebagaimana yang telah saya jelaskan di dalam Sahih Abu Daud 121)

Masalah:

Larangan berlebih-lebihan menggunakan air untuk berwuduk dan mandi

Jawapan:

Sebaiknya kita menjauhkan diri daripada berlebih-lebihan menggunakan air wuduk dan mandi, kerana hal tersebut merupakan perbuatan yang dilarang, sesuai dengan hadis, “Cukup hanya satu mud untuk wuduk dan satu sha' untuk mandi”

Masalah:

Hukum memanjangkan basuhan muka dan kaki

Jawapan:

Tidak dianjurkan untuk memanjangkan basuhan pada muka dan kaki, kerana perhiasan hanya dijadikan hiasan pada lengan bawah dan pergelangan, bukan pada lengan atas dan bahu. Ini adalah pilihan Ibnu Al Qayim (1/315/316). Kitab *Ash-Shahihah* (452/453/1).

Masalah:

Apakah doa-doa wuduk bersumber daripada Rasulullah s.a.w?

Jawapan:

Hadis yang membincangkan tentang zikir dalam wuduk adalah lemah, kerana sanad-nya terputus, iaitu doa yang berbunyi” Ya Allah, ampunilah dosaku, dan luaskanlah aku di rumahku serta berkatilah rezekiku.”

Manakala yang sahih adalah zikir solat, dalilnya adalah riwayat Imam Ahmad dalam Al Musnad dan puteranya (Abdullah) dalam kitab Az-Zawa'id daripada Abu Musa, yang dinukil secara ringkas dengan lafadz, “Maka beliau berwuduk lalu solat dan berdoa, ‘Ya Allah, ampunilah dosaku dan luaskanlah aku di rumahku serta berkatilah rezekiku’.”

Kemudian Syeikh berkata, “Saya mendapatkan *illat* pada hadis tersebut, iaitu *al waqf* (Hadis ini tidak tersambung kepada Rasulullah s.a.w, hanya berhenti pada sahabat). Ibnu Abu Syaibah telah mengeluarkan hadis tersebut dalam kitab *Al Mushannaf* (1/297) melalui jalur Abu Baradah, dia berkata, “Abu Musa, apabila selesai daripada melaksanakan solat, maka dia berdoa, ‘Ya Allah, ampunilah dosaku, mudahkanlah aku dalam urusanku dan berkatilah rezekiku.’ Sanad perkataan ini adalah

sahih, dan *di-tarjih* bahawa hadis tersebut asalnya adalah *mauquf*. Dan, tidak boleh di-*rafa'* (diangkat) kepada Nabi s.a.w, dan sekiranya dianggap *sahih*, maka hanya merupakan zikir solat."

Masalah:

Apakah tertib rukun, hukumnya wajib dalam berwuduk?

Jawapan:

"Rasulullah s.a.w datang untuk berwuduk, maka baginda mulai berwuduk dengan mencuci telapak tangan-nya tiga kali, lalu membasuh mukanya tiga kali, lalu membasuh kedua lengannya tiga kali, kemudian berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung tiga kali, dan mengusap kepala serta kedua telinganya; bahagian luar dan dalam, lalu mencuci kedua kakinya tiga kali-tiga kali."

(HR. Ahmad 4/132 dan Abu Daud [1/19] dengan isnad sahih. Asy-Syaukani berkata pada [1/125], "Isnad hadis ini adalah sahih.")

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w tidak mengambil wuduk dengan tertib rukun pada beberapa kali, maka hal itu merupakan dalil bahawa tertib bukan wajib hukumnya. Manakala pelaksanaan wuduk dengan tertib pada kebanyakan wuduknya merupakan dalil atas sunnahnya melakukan hal itu, *-wallahu a'lam*.

Masalah:

Hukum mengeringkan anggota badan setelah wuduk

Jawapan:

Dbolehkan mengeringkan anggota wuduk. Namun yang tersebar di kalangan ulama sekarang adalah bahawa yang lebih utama bagi orang yang berwuduk adalah tidak mengeringkannya dengan sapu tangan, padahal pendapat ini bersandar kepada dalil yang sangat lemah." Kitab *Adh-Dha'ifah* (178/4).

Masalah:

Hukum khitan bagi kaum lelaki

Jawapan:

Yang rajih bagi kami adalah bahawa hukum khitan adalah wajib, dan ini pendapat jumhur ulama, seperti Malik, Syafie dan Ahmad, serta mazhab yang dipilih oleh Ibnu Qayim. Syeikh dalam hal ini mengeluarkan dua dalil:

Firman Allah s.w.t,

"Kemudian Kami wahyukan kepadamu (Muhammad): "Ikutilah agama Ibrahim seorang yang hanif."

(An-Nahl [16]: 123)

Khitan merupakan syiar agama yang paling nampak, yang dengannya dapat membezakan antara Muslim dan Nasrani hingga kaum Muslimin hampir tidak menganggap kelopak pembungkus (zakar) itu sebahagian daripada mereka.

E. HAL-HAL YANG MEMBATALKAN WUDUK

Masalah:

Apakah tidur termasuk perkara yang membatalkan wuduk?

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa tidur membatalkan wuduk secara mutlak, dan tidak ada dalil yang dapat mengikat hadis Shafwan, bahkan diperkuat oleh hadis Ali r.a., walnupun berdarjat *marfu'*, *"Dan penakut, apabila ditipu oleh kedua mata, serta siapa yang tidur, maka hendaknya dia berwuduk"*

Darjat *isnad* hadis ini adalah *hasan*, sebagaimana dikatakan oleh Mundziri, Nawawi dan Ibnu Shalah.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 100.

Masalah:

Apakah daging unta membatalkan wuduk?

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa daging unta membatalkan wuduk, kerana telah ditetapkan dalam hadis *sahih* yang diriwayatkan daripada Jabir bin Samrah r.a.,

"Kami berwuduk kerana makan daging unta dan tidak berwuduk kerana makan daging kambing."

(HR. Ibnu Abu Syaibah dalam Al Mushannaf[1/16] dengan sanad yang sahih)

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 106.

Masalah:

Wuduk sebab membawa orang mati

Jawapan:

Dianjurkan berwuduk sebab membawa orang mati; kerana sebagaimana yang ditetapkan dalam riwayat *sahih* daripada Nabi s.a.w, "Sesiapa yang memandikan orang mati, maka hendaklah dia mandi, dan sesiapa yang membawanya, hendaklah dia berwuduk."

Masalah:

Apakah menyentuh kemaluan lelaki membatalkan wuduk?

Jawapan:

Menyentuh kemaluan tidak diwajibkan berwuduk apabila tidak diiringi dengan syahwat, manakala jika menyentuh dengan syahwat ia akan membatalkan wuduk, sesuai dengan hadis Basrah, dengan demikian bererti dipadukan antara dua hadis, iaitu hadis Basrah dan hadis lainnya. Ini adalah pendapat yang dipilih oleh Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah.

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 103.

Masalah:

Apakah menyentuh wanita dan menciumnya membatalkan wuduk?

Jawapan Syeikh: Yang benar adalah bahawa menyentuh wanita dan juga menciumnya tidak membatalkan wuduk baik dengan syahwat ataupun tidak, hal itu kerana tidak adanya dalil *sahih* yang menunjukkan atas hal tersebut; bahkan telah ditetapkan daripada riwayat yang *sahih* bahawa Nabi s.a.w mencium sebahagian isterinya, kemudian solat dan tanpa berwuduk (kembali). (HR. Abu Daud). Dan hadis ini mempunyai sepuluh jalur, yang sebagianya *sahih* sebagaimana yang telah saya terangkan di dalam kitab *Sahih Abu Daud* no. 170-173, dan mencium wanita biasanya dilakukan dengan syahwat

Kitab Adh-Dha'ifah (429/2)

Masalah:

Berwuduk setiap kali berhadas

Jawapan:

Berwuduk setiap kali berhadas, sebagaimana disebut dalam hadis, pada saat Rasulullah s.a.w memanggil Bilal, "*Wahai Bilal, dengan apa kamu mendahuluiku ke dalam syurga? Kerana sesungguhnya aku semalam masuk ke dalam syurga, lalu aku mendengar suaramu di depanku?*" Maka Bilal menjawab, "Ya Rasulullah, aku tidak mengumandangkan azan kecuali setelah melaksanakan solat dua rakaat, dan tidaklah aku terkena suatu hadas kecuali aku berwuduk." Lalu berwuduk untuk berzikir dan membaca Al-Quran.

Rasulullah s.a.w bersabda, "Oh kerana sebab itu." (HR At-Tarmizi dan Ibnu Khuzaimah, dan isnad hadis tersebut adalah *sahih* sesuai dengan syarat Muslim)

Kitab Tamam Al Minnah, hal. Ill

Masalah:

Anjuran berwuduk kerana muntah

Jawapan:

Ibnu Taimiyah dalam kitab Majmu' Ar-Rasa'il Al Kubra menetapkan atas anjuran berwuduk sebab muntah, berdasarkan hadis Abu Darda', Bahawa Rasulullah s.a.w pernah muntah, lalu baginda berbuka (puasa) kemudian berwuduk. Ketika aku bertemu dengan Tsauban dalam suatu masjid di Damaskus, aku menyebutkan hal tersebut kepadanya, maka dia berkata, "Benar, aku yang menyiramkan (air) wuduk kepadanya."

(HR. At-Tarmizi dan yang lainnya dengan isnad sahih)

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 111/112.

Masalah:

Anjuran berwuduk sebab makan sesuatu yang dipanggang.

Jawapan:

Dianjurkan berwuduk kerana makan sesuatu yang dibakar (dipanggang).

Ini adalah pilihan Syeikhul Islam dalam Kitab Majmu' Ar-Rasa'il (2/231).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (1/22).

Masalah:

Berwuduk untuk berzikir membaca Al-Quran

Jawapan:

Dianjurkan berwuduk ketika hendak berzikir, apalagi untuk membaca Al-Quran daripada al-Mahlab.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (221).

Masalah:

Hukum wuduk orang yang junub sebelum tidur.

Jawapan:

Hukumnya tidaklah wajib, tetapi hanya bersifat anjuran yang diperkuat oleh hadis Umar r.a. bahawa dia pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w, "Apakah boleh salah seorang daripada kami tidur tetapi dia sedang junub?" Baginda menjawab,

"Ya, dan berwuduklah jika dia menghendaki."

(HR. Ibnu Hibban dalam kitab Sahihnya)

Hal itu diperkuat lagi oleh hadis Aisyah, dia berkata, "Rasulullah s.a.w tidur, manakala baginda dalam keadaan junub tanpa menyentuh air sehingga baginda bangun, lalu baginda mandi."

(HR. Ibnu Abu Syaibah [1/45])

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 43/44.

F. MEMBASUH KHUFFAIN (STOKING)

Masalah:

Bolehnya membasuh khuffain.

Jawapan:

Terdapat hadis-hadis yang menjelaskan tentang membasuh khuffain dengan riwayat yang mutawatir, dan banyak asar yang masyhur yang menunjukkan amalan perbuatan sahabat dan para salaf tentang hal tersebut.

Kitab Ash-Sahihah (1059/6/bah. II).

Masalah:

Membasuh kedua belah sarung kaki dan kedua belah selipar.

Jawapan:

Dbolehkan membasuh kedua belah sarung kaki dan kedua belah selipar; berdasarkan pada hadis Mughirah

bin Syu'bah bahawa Rasulullah s.a.w berwuduk dan membasuh kedua belah sarung kaki dan seliparnya. (HR. Ahmad, Ath-Thahawi, Ibnu Majah dan At-Tarmizi; Dia mengatakan bahawa hadis ini berdarjat *hasan sahih*)

Realitinya adalah bahawa para perawi hadis ini adalah perawi yang dipercaya (*Tsiqah*), dan *isnad-nya sahih* sesuai dengan syarat Al Bukhari.

Kitab *Tamam AlMinnah*, hal. 113.

Masalah:

Apakah habis masa dan menanggalkan khaffain akan membatalkan pembasuhan keduanya?

Jawapan:

Tidak batal wuduk orang yang membasuh *Khuf* dan tutup kepala kerana menanggalkannya dan tidak batal juga kerana habis masanya, serta tidak wajib baginya membasuh kepala dan mencuci kedua kakinya. Ini adalah mazhab Hasan Bashri, seperti halnya menghilangkan rambut yang sudah dibasuh. Yang *sahih* adalah daripada mazhab Ahmad dan pendapat majoriti ulama. Pendapat ini merupakan pilihan Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah dalam kitab *Al Ikhtiyarat*.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 114

Masalah:

Bolehnya membasuh khuffain bagi orang yang berpergian selama seminggu pada waktu darurat.

Jawapan Syeikh: Syeikhul Islam dalam kitab *Al-Ikhtiyarat* hal. 15 mengatakan, Tempoh membasuh khuffain tidak berhenti (habis) bagi orang yang berpergian kerana sukar baginya untuk melepas dan memakai keduanya seperti petugas pos yang menjaga bagi kemudahan kaum muslimin." Hal ini dilakukan oleh Syeikhul Islam dalam sebahagian perjalannya, maka ia berkata pada

juz, 21 hal. 215.

Kitab *Ash-Shahihah* (244/ 6/ bab II)

G. MANDI

Masalah:

Kewajipan mandi pada hari Jumaat.

Jawapan:

Hukum mandi pada hari Jumaat adalah wajib, inilah pendapat yang benar, yang tidak seeloknya ditinggalkan, kerana hadis-hadis yang menunjukkan hal tersebut lebih kuat isnadnya dan lebih jelas makna yang ditunjukkannya daripada hadis-hadis yang digunakan oleh orang-orang yang mencabar untuk menunjukkan bahawa hal tersebut hanya bersifat anjuran sahaja.

Ketika saya berpergian untuk menyampaikan surat dan perjalanan sangat meletihkan tetapi waktu dibolehkan membasuh khuffain telah habis, maka tidak memungkinkan untuk melepas keduanya dan berwuduk kerana akan mengakibatkan terpisah daripada kelompok atau tertahan oleh hal-hal yang membahayakan apabila berhenti, maka menurut sangkaan kuat saya adalah tidak berlakunya masa boleh membasuh khuffain pada waktu memerlukan sebagaimana pendapat kami dalam masalah gifis. Dengan alasan kerana saya memposisikan hadis Ibnu Umar dan perkataannya kepada Uqbah bin Amir, "Kamu terkena sunnah" dengan demikian dapat dipadukan antara dua atsar. Lalu saya melihatnya mengatakan secara mudah dengan pendapat ini di dalam kitab *Al Maghazi Ibnu Aa'idz*; bahawa dia telah pergi sebagai penghantar surat (berita), sebagaimana saya pergi (untuk menghantar surat), ketika Damsyik dikuasai kaum muslimin..., maka segala puji bagi Allah atas ketepatannya.

Masalah:

Kewajipan mengurai rambut ketika mandi haid

Jawapan:

Wajib mengurai rambut pada saat mandi haid namun tidak perlu semasa mandi kerana janabah. Pendapat ini yang diyakini oleh Imam Ahmad dan lainnya daripada ulama salaf.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 125.

Masalah:

Wuduk di antara dua jima' (bersetubuh)

Jawapan:

Apabila (seorang suami) mendatangi isterinya pada tempat yang dibolehkan (kemaluannya), kemudian ingin mengulanginya lagi, maka hendaknya dia berwuduk', hal ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w,

"Apabila salah seorang daripada kalian mendatangi isterinya (bersetubuh), kemudian ingin mengulanginya lagi, maka hendaknya dia berwuduk di antara keduanya, kerana hal itu akan memberinya semangat untuk menghidangi."

(HR. Muslim)

Kitab *Adab Az-Zifaf*, hal. 35.

Masalah:

Tidak wajib mengurai rambut ketika mandi junub

Jawapan:

Telah tersebut dalam suatu hadis *sahih* bahawa tidak wajib atas wanita mengurai rambutnya pada saat mandi junub.

Kitab, *as-Sahihah* (235/2)

Masalah:

Apakah boleh satu kali mandi untuk haid dan junub dan untuk solat Jumaat dan raya

Jawapan:

Tidak boleh, tetapi satu mandi untuk tiap-tiap perkara yang mewajibkan wuduk, dengan demikian dia mandi satu kali untuk membersihkan haid dan satu kali lagi untuk junubnya atau untuk janabah satu kali mandi dan untuk solat Jumaat dengan mandi yang lain.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 126.

Masalah:

Hukum memandikan orang mati daripada kaum muslimin

Jawapan:

Yang benar, hukumnya adalah wajib. Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathhab*, hal. 24.

Masalah:

Hukum mandi bagi orang kafir yang masuk Islam

Jawapan:

Yang benar, hukumnya adalah wajib.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* hal. 24.

Masalah:

Apakah wajib berwuduk sebelum mandi?

Jawapan:

Tidak wajib berwuduk sebelum mandi, kerana kesucian kecil masuk di bawah kesucian besar. Dan, tidak diragukan bolehnya berwuduk terlebih dahulu sebelum mandi, tetapi apakah hukumnya wajib? Tidak ada dalil yang menunjukkan hukum atas hal itu, sementara secara logik kita tidak menghukumnya sebagai suatu yang wajib.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 130.

Masalah:

Apakah boleh mandi menggantikan wuduk?

Jawapan:

Boleh kerana telah ditetapkan dalam hadis bahawa Nabi s.a.w solat dengan mandi dan tanpa berwuduk lagi setelahnya.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 130.

Masalah:

Anjuran mandi kerana memandikan orang mati

Jawapan:

Yang benar adalah dianjurkan. Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (25/1)

Masalah:

Boleh dan tidaknya mandi pada setiap kali jima'

Jawapan:

Akan tetapi mandi lebih utama daripada wuduk, berdasarkan hadis Abu Rafi' bahawa Nabi s.a.w pada suatu hari menggilir isteri-isterinya, dan baginda mandi pada isterinya yang ini dan mandi pada isterinya yang lain.

Abu Rafi berkata, "Maka aku berkata kepadanya, 'Ya Rasulullah, tidakkah engkau menjadikannya hanya satu kali mandi?' Baginda menjawab,

'Ini lebih bersih, lebih baik dan lebih suci.'

(HR. Abu Daud dan An-Nasa'i [79/1]) Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 36.

Masalah:

Hukum mandi kerana menguburkan orang musyrik

Jawapan:

Albani berpendapat bahawa hal itu dianjurkan. Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (25/1)

Masalah:

Hukum mandi untuk berihram dan masuk ke kota Mekah

Jawapan:

Ibnu Umar berkata, "Sesungguhnya termasuk dalam pekerjaan sunnah iaitu mandi apabila ingin berihram dan juga apabila ingin masuk ke kota Mekah."

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (26/1).

Masalah:

Kadar air yang dibolehkan untuk mandi.

Jawapan:

Kadar yang dibolehkan untuk mandi adalah sekiranya dapat meratakan seluruh badan sesuai dengan aturan yang dianggap, baik satu sha', kurang atau lebih, selama kekurangannya tidak mencapai batas *musta'mal* (air yang telah dipergunakan), atau mencapai kadar yang berlebihan sehingga orang yang mengerjakannya dianggap berlebih-lebihan.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (28/1)

Masalah:

Hukum mandi setelah pengsan

Jawapan:

Dianjurkan mandi bagi orang yang pengsan, kerana Nabi s.a.w telah mengerjakannya tiga kali ketika dia dalam keadaan sakit, hal itu menunjukkan anjuran yang sangat ditekankan.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 123.

Masalah:

Hukum membaca Al-Quran bagi orang yang junub

Jawapan:

Boleh membaca Al-Quran bagi orang yang dalam

keadaan junub, sesuai dengan hadis yang *sahih* daripada Nabi s.a.w bahawa baginda berzikir kepada Allah pada setiap waktu. (HR. Al Bukhari dan Muslim) Memang yang paling utama membaca Al-Quran dalam keadaan suci, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w ketika menjawab salam setelah bertayamum, “*Sesungguhnya aku benci berzikir kepada Allah kecuali dalam keadaan suci.*” (Sahih Abu Daud, no 13). Ini menunjukkan bahawa membaca Al-Quran tanpa kesucian, hukumnya makruh.

Kitab Ash-Sahihah (691/1)

Masalah:

Pembolehan mencuci tangan sebelum makan bagi orang yang dalam keadaan junub

Jawapan:

Albani berkata, “Mencuci kedua belah tangan sebelum makan bagi orang yang dalam keadaan junub hukumnya sunah, sebagaimana telah ditetapkan bahawa Rasulullah s.a.w, apabila ingin makan tetapi baginda dalam keadaan junub, maka baginda mencuci kedua belah tangannya.”

(HR. Abu Daud [223])

Kitab As-Sahihah (675/1)

Masalah:

Pembolehan wuduk bagi orang yang dalam keadaan junub jika hendak tidur.

Jawapan:

Syeikh *men-tarjih* bahawa hal itu merupakan suatu anjuran, berdasarkan hadis yang ditetapkan bahawa, “Apabila beliau hendak tidur tetapi beliau dalam keadaan junub, maka ia berwuduk.” Dan juga diriwayatkan dalam hadis *sahih* bahawa Nabi s.a.w tidur sedang baginda dalam keadaan junub tanpa menyentuh air. (HR. Abu Daud [223]). Umar r.a. bertanya, “Ya Rasulullah, Apakah boleh

salah seorang daripada kami tidur, manakala dia dalam keadaan junub?” Baginda menjawab,

“*Ya, apabila dia berwuduk.*” (HR. Tiga Imam Hadis). Riwayat-riwayat ini menunjukkan bahawa wuduk sebelum tidur hukumnya tidak wajib:

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 41-42.

Masalah:

Tayammum orang yang junub sebagai pengganti wuduk.

Jawapan:

Terkadang boleh baginya tayammum sebagai pengganti wuduk, berdasarkan hadis Aisyah, dia berkata, “Rasulullah s.a.w, apabila sedang dalam keadaan junub, lalu ingin tidur, maka dia berwuduk atau bertayammum.”

(HR. Al Baihaqi)

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 45.

Masalah:

Hukum orang yang junub menyentuh Al-Quran

Jawapan:

Boleh menyentuh Al-Quran bagi seorang Muslim yang dalam keadaan junub, hukum asalnya adalah boleh (*Al bara'ali al ashliyah*).

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 116.

Masalah:

Boleh dan tidaknya suami-isteri mandi bersama-sama?

Jawapan:

Dibolehkan bagi suami-isteri mandi bersama-sama dalam satu tempat, walaupun suaminya melihat kepada isterinya dan isterinya melihat kepada suaminya. Dalam permasalahan ini diterangkan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata, “Aku pernah mandi bersama Rasulullah s.a.w dalam satu bajana yang

berada di antara aku dan baginda hingga tangan kami saling bercampur di dalam bejana, lalu aku berkata, ‘Aku dulu... aku dulu’ lalu dia berkata bahawa keduanya dalam keadaan junub.”

(HR. Al Bukhari dan Muslim)

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 63.

H. TAYAMUM

Masalah:

Apakah disyaratkan debu dalam bertayammum?

Jawapan:

Bertayammum boleh menggunakan apa sahaja yang ada di atas bumi, baik debu atau yang lain, sebagaimana Nabi s.a.w bertayammum, dan sesuai dengan keumuman sabdanya, “Bumi seluruhnya dijadikan untukku dan umatku sebagai masjid dan suci.”

Ini adalah mazhab Abu Hanifah dan yang lain dan mazhab yang dipilih oleh Ibnu Hazm (2/158/161)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (31/1)

Masalah:

Apakah harus bertayammum bagi setiap solat atau boleh solat dengan satu tayammum untuk pelbagai macam solat baik solat-solat wajib maupun solat-solat sunat?

Jawapan:

Boleh melakukan apa sahaja baik solat-solat fardu maupun solat-solat sunat bagi orang yang tidak mendapat air.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (31/1)

Masalah:

Orang yang mendapatkan air setelah selesai solat.

Jawapan:

Apabila orang yang solat dengan tayammum mendapati air setelah selesai solat, maka dia tidak perlu mengulangi solatnya, dan ini adalah mazhab Imam yang empat.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (32/1)

Masalah:

Apakah bila takut habisnya waktu solat kerana menggunakan air atau mandi boleh bertayammum dan tidak perlu mengulangi solatnya?

Jawapan:

Di antara yang telah ditetapkan dalam syariat bahawa tayammum itu disyariatkan hanya ketika tidak adanya air, dan tidak ada dalil yang membolehkan tayammum dalam keadaan mampu menggunakan air hingga dalam keadaan takut habisnya waktu.

Kitab Tamamul Minnah hal 132.

Masalah:

Hukum membasuh gis

Jawapan:

Ibnu Hazm berkata bahawa tidak disyariatkan membasuh pada gis, dan dalilnya adalah firman Allah s.w.t, “Allah tidak membebani seseorang kecuali sesuai dengan kesanggupannya.” Sabda Rasulullah s.a.w, “Apabila aku perintahkan kepada kamu suatu perkara, maka kerjakanlah semampumu.”

Dengan demikian maka jatuh daripada tanggung jawab apa yang tidak mampu dikerjakan oleh seseorang berdasarkan nas Al-Quran, Sunnah, dan pengganti darinya harus melalui syariat yang tidak harus dikerjakan kecuali dengan Al-Quran dan Sunnah. (2/74/75).

Kitab Tamam Al Minnah, (hal. 135)

Masalah:

Menggunakan air dengan tayammum ketika air tidak cukup

Jawapan:

Apabila air tidak cukup untuk berwuduk dan untuk mandi, maka dia tetap menggunakaninya, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, “Apabila aku perintahkan kepada kamu suatu perkara, maka kerjakanlah sesuai dengan kemampuanmu.”

Pernyataan ini juga seperti pendapat mazhab Ibnu Hazm (2/ 137).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (34/1)

Masalah:

Apakah cukup hanya satu usapan atau dua usapan untuk bertayammum?

Jawapan:

Satu usapan sudah cukup untuk usapan dan kedua telapak tangan, dan ini adalah pendapat Imam Ahmad dan Ishak serta yang lainnya.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (34/1)

I. HAID

Masalah:

Apakah selain air dibolehkan untuk membersihkan darah haid?

Jawapan:

Selain air, maka barang lain tidak dibolehkan untuk menghilangkan darah haid, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w, “Cukuplah bagi kamu hanya dengan air.”

Mafhum hadis di atas adalah bahawa selain air, maka apapun tidak dianggap cukup.

Kitab Ash-Sahihah (541/1).

Masalah:

Waktu haid dan nifas ada batas minimum?

Jawapan:

Yang paling sahih adalah seperti yang dikatakan oleh Seikhul Islam Ibnu Taimiyah (19/237): bahawa tidak ada batas minimum dan batas maksimum, tetapi bila yang dilihat oleh wanita merupakan kebiasaan yang terus menerus, maka itu adalah haid, dan jika hal itu kurang daripada satu hari, maka disebut haid, manakala jika darah keluar secara rutin, maka hal ini telah diketahui daripada syariat dan juga bahasa bahawa wanita itu terkadang haid dan terkadang suci, dan pada waktu suci punya hukum tersendiri, demikian juga pada saat haid mempunyai hukum tersendiri.”

Kitab Ad-Da'ifah (609/3).

Masalah:

Batas minimum haid

Jawapan:

Batas minimum haid itu adalah satu kali tahap (sekali keluar), maka apabila wanita melihat darah hitam dari pada kemaluannya, maka dia harus berhenti daripada solat dan puasa, dan apabila melihat bekas darah merah, bererti dia telah suci. Al Muhalla 2/19.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (45/1)

Masalah:

Apakah wajib menggunakan suatu zat untuk memotong bekas najis daripada darah haid seperti bidara, sabun atau selain keduanya?

Jawapan:

Yang paling dekat dengan zahir hadis adalah wajib, Kitab Ash-Sahihah (542/1)

Masalah:

Apakah darah yang berwarna kuning dan merah termasuk darah haid?

Jawapan:

Adapun darah berwarna merah dan kuning setelah suci tidak dianggap sesuatu, dan ini adalah pendapat Abu Hanifah, Sufyan Ats-Tsauri, Al Awza'i, Asy-Syafie, Ahmad dan yang lain."

Disebutkan bahawa Fatimah binti Abu Hubaisy datang kepada Nabi s.a.w, lalu berkata, "Sesungguhnya saya haid selama sebulan atau dua bulan," maka Rasulullah s.a.w bersabda, "*Sesungguhnya hal itu bukanlah haid, itu hanyalah keringat, maka apabila datang waktu haid, tinggalkanlah solat, dan apabila telah pergi, mandilah kerana kamu sudah suci, kemudian berwuduklah.*"

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (36/1)

Masalah:

Wanita yang tidak tahu hari-hari haid dan tidak dapat membezakan darah.

Jawapan:

Maka dia hendaknya mengembalikan kepada kebiasaan wanita secara umum dalam masalah tersebut.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (1/37)

Masalah:

Hukum wanita yang tidak dapat membezakan darahnya sebab banyaknya dan terus menerus.

Jawapan:

Tidak mengapa, dia mengembalikan kepada kebiasaan dan hari-hari haidnya yang biasa.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (1/37)

Masalah:

Apakah wanita yang istihadah (darah penyakit) berwuduk untuk setiap solat?

Jawapan:

Bagi wanita yang *istihadah* harus berwuduk pada setiap solat. Imam Asy-Syafie, Ahmad dan Tsauri berpendapat bahawa wanita *mustahadhab* harus berwuduk pada setiap solat.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (40-41)

Masalah:

Hukum orang yang menyetubuh wanita haid.

Jawapan:

Orang itu diberi pilihan bersedekah satu dinar atau setengah dinar, sebagaimana ditetapkan dalam riwayat *sahih* daripada Nabi s.a.w tentang lelaki yang mendatangi isterinya pada waktu haid, maka dia bersedekah satu dinar atau setengah dinar. (HR. Pengarang kitab-kitab Sunan dengan sanad sahih).

Ats-Tsamar Al Mustatab (42/1)

Masalah:

Hukum jima' dengan wanita sebelum mandi daripada haid

Jawapan:

Tidak boleh mendatanginya (menyetubuhinya), kerana harus mandi terlebih dahulu, berdasarkan firman Allah s.w.t, "*Janganlah kamu mendekati mereka (isteri-isteri) sehingga mereka suci, maka apabila mereka telah bersuci.*" (Ertinya telah mandi). Dan, Syeikh menarik semula pendapatnya untuk kemudian membolehkan menyetubuhinya apabila telah suci daripada haidnya dan darah telah terputus darinya setelah mencuci sumber darah,

berwuduk atau mandi.

Kitab *Adab Az-Zifaf*, hal. 53 dan *Ats-Tsamar Al Mustahab* (45/ 1)

Masalah:

Hukum menyebuh wanita mustahadah

Jawapan:

Dalam masalah menyebuh wanita yang sedang *istihadah*, para ulama berselisih pendapat. Namun Jumurul ulama dalam hal ini membolehkan, dan itulah pendapat yang benar, kerana segala sesuatu kembali pada hukum asal.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (45/1).

Masalah:

Batas maksimum waktu nifas

Jawapan:

Waktu paling lama adalah empat puluh hari, sebagaimana ditetapkan dalam riwayat daripada Ummu Salamah, "Wanita-wanita yang Nifas duduk pada zaman Rasulullah s.a.w, dan kami menyapu wajah-wajah kami dengan wars."

(HR. Al Hakim dalam *Al Mustadrak*)

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (45/1)

Masalah:

Hukum wanita yang suci daripada nifas sebelum empat puluh hari.

Jawapan:

Jika wanita melihat datangnya kesucian sebelum itu (empat puluh hari), maka dia wajib mandi dan solat. Dalam permasalahan ini terdapat hadis-hadis yang saling menguatkan antara satu sama lain, daripada Anas r.a. dia berkata, Rasulullah s.a.w memberi batas maksimum

nifas empat puluh hari kecuali jika wanita itu melihat datangnya kesucian sebelum itu.

(HR. Ibnu Majah)

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (47-48/1)

Masalah:

Hukum jika darah masih terus ada setelah empat puluh hari.

Jawapan:

Kebanyakan orang-orang cerdik pandai berkata, "Jangan tinggalkan solat setelah empat puluh hari (walaupun darah masih terus ada), dan ini adalah pendapat kebanyakan ulama fikih, dan pendapat ini dipilih oleh Hasyim Ats-Tsauri, Ibnu Mubarak, Syafie, Ahmad dan Ishak.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (51/1).

Masalah:

Batas minimum waktu nifas

Jawapan:

Para ulama berselisih pendapat tentang batas minimum waktu nifas, namun yang lebih mendekati kebenaran adalah tidak ada batas minimumnya, dan ini adalah pendapat yang dipilih oleh Syeikul Islam Ibnu Taimiyah di dalam kitab *Al Ikhtiyarat*, hal. 16 dan Ibnu Hazm (2/203).

Dan ketahuilah bahawa nifas itu seperti haid dalam segala hal yang dihalalkan, diharamkan, dibenci dan disunatkan. Hal ini juga telah dinukil daripada ijma' para ulama. Disebutkan juga oleh Syaukani dalam kitab *Al Bahr*, bahawa para ulama berpendapat, wanita haid tidak boleh solat begitu juga dengan wanita yang nifas.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (50/1).

Masalah:

Pembolehan wanita haid duduk di masjid

Jawapan:

Dbolehkan bagi wanita haid duduk di masjid dengan alasan *al baraa'ah al ashliyyah* dan tidak ada dalil yang mengharamkan. Imam Ahmad dan Muzni membolehkan duduk lama di dalamnya.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 119.

Masalah:

Hal-hal yang dibolehkan bagi suami terhadap isteri yang haid

Jawapan:

Dbolehkan baginya bersenang-senang dengan isterinya selain kemaluannya. Dalam hal ini diterangkan oleh banyak hadis, di antaranya sabda Rasulullah s.a.w,

“... perbuatlah apa saja selain nikah.” (HR. Syeikhani, Abu ‘Awanah di dalam kitab *Shahhahum* dan Abu Daud, dan ini adalah lafaznya).

(Kitab *Adaab Az-Zifaaf*, (hal. 51-52)

2

Solat

Masalah:

Apakah orang yang tertidur harus mengqadha' solatnya?

Jawapan:

Orang yang tertidur harus mengqadha' solat-solat yang ditinggalkannya.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathhab* (55).

Masalah:

Apakah orang gila harus mengqadha' solatnya baik waktunya panjang atau pendek

Jawapan:

Tidak ada qadha' bagi orang gila gitanya dalam waktu singkat atau panjang. Ini adalah mazhab imam Asy-Syafie yang dipilih oleh Syeikul Islam Ibnu Taimiyah sebagaimana tersebut dalam kitab *Al Ikhtiyarat*, hal. 19.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathhab* (55/1).

Masalah:

Apakah orang yang pengsan harus mengqadha solatnya?

Jawapan:

Dia tidak wajib mengqadhanya. Dan, ini adalah

pendapat Ibnu Hazm.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (55/1).

Masalah:

Apakah orang kafir yang masuk Islam wajib mengqadha solatnya?

Jawapan:

Tidak wajib baginya mengqadha solatnya, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, "Islam itu memotong apa yang sebelumnya."

(HR. Ahmad 4/ 198)

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (55/1).

Masalah:

Apakah orang yang meninggalkan solat secara sengaja wajib mengqadha solatnya?

Jawapan:

Pendapat yang mengatakan bahawa orang yang sengaja meninggalkan solat wajib mengqadha merupakan pendapat yang tidak berlandaskan dalil, kerana solat yang seperti ini (yang ditinggalkan secara sengaja) termasuk yang tidak boleh dikehjara dan diqadha. Kerana apabila solat tersebut dikerjakan bukan pada waktunya, maka sama halnya dengan melaksanakan solat sebelum waktunya, dan tidak ada bezanya.

Kitab *Adh-Dha'ifah* (414/3).

Syeikh mengatakan pada tempat lainnya, "Sesungguhnya solat yang sengaja ditinggalkan, maka solat itu tidak boleh dihapuskan oleh solat setelah waktunya, kerana tidak ada alasan baginya. Dan Allah s.w.t berfirman,

"*Sesungguhnya solat itu adalah kewajipan yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman.*"

(An-Nisaa' (4): 103)

Kitab *Ash-Shahihah* (681-682/1).

Masalah:

Apakah orang yang tertidur atau lupa wajib mengqadha solatnya?

Jawapan:

Orang yang tertidur dan orang yang lupa, telah diberikan jalan keluar oleh Allah s.w.t melalui syariatnya yang bijaksana, iaitu memerintahkan kedua-duanya mengerjakan solat setelah bangun tidur atau ketika ingat, maka jika kedua-duanya mengerjakannya, nescaya Allah menerima Solat keduanya, dan Allah menjadikannya sebagai kafarat bagi yang ditinggalkannya, dan jika kedua-duanya sengaja meninggalkannya ketika bangun tidur atau ketika ingat, maka kedua-duanya mendapat dosa.

A. WAKTU-WAKTU SOLAT

Masalah:

Waktu solat Isyak

Jawapan:

Waktu Isyak memanjang hanya sampai pertengahan malam sahaja, dan inilah yang benar. Oleh kerana itu pendapat ini dipilih oleh Syaukani dalam kitab *Ad-Durar Al Bahiyyah*, dia berkata, "... dan akhir solat Isyak adalah pertengahan malam." Dan pendapat itu diikuti oleh Shidik Hasan Khan.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 142.

Masalah:

Keutamaan mengakhirkan Solat Fajar

Jawapan:

Waktu yang paling utama untuk solat fajar adalah akhir malam. Demikian Rasulullah s.a.w mengerjakannya selama hidupnya, sebagaimana telah ditetapkan di dalam

hadis-hadis sahih. Manakala anjuran selesai solat itu pada waktu yang sudah terang, dan itulah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah s.a.w,

“Bersiang-sianglah dengan solat fajar, kerana itu lebih besar ganjarannya.”

Ini adalah hadis sahih yang dikeluarkan oleh Al Barraz, dan ada di dalam kitab-kitab Sunan yang telah *di-takhrij* dalam kitab *Al Misykat*, 614, serta kitab *Al Irwa'*, 258.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 292.

Masalah:

Anjuran mendinginkan tubuh dengan solat Zuhur ketika hari sangat panas.

Jawapan:

Dianjurkan mengakhirkan solat Zuhur ketika udara sangat panas, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w,

“Apabila hari sangat panas, maka tunggulah hingga dingin untuk melaksanakan solat, kerana panas yang sangat itu daripada mulut neraka Jahannam.”

(HR. Jama'ah)

Ini adalah pendapat Ibnu Mubarak, Ahmad dan Ishak. Hal itu berlaku bagi orang yang menuju masjid daripada tempat yang jauh dan yang dekat.

Hal ini diperkuat oleh perbuatan Nabi s.a.w, hadis Anas r.a., dia berkata, “Rasulullah s.a.w, apabila pada hari yang sangat dingin, maka baginda menyegerakan solat dan apabila hari sangat panas, maka baginda mendinginkannya dengan solat.”

(HR. Al Bukhari dalam kitab Al Adab Al Mufrad [1162])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (1/57).

Masalah:

Akhir waktu solat Asar

Jawapan:

Akhir waktunya adalah ketika matahari menguning, dan tanduk yang pertama telah jatuh. Hal itu ditunjukkan oleh sabda Rasulullah s.a.w,

“Siapa yang mendapatkan satu rakaat daripada solat Asar sebelum matahari terbenam, maka dia dianggap telah mendapat waktu solat Asar.”

(HR. Muttafaq Alaih)

Ini adalah mazhab jumhur ulama. Akan tetapi tidak boleh mengakhirkan sampai matahari menguning sebelum terbenamnya matahari kecuali apabila ada uzur syar'i, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w,

“Itulah solat orang munafik, yang duduk menunggu matahari sampai berada di antara tanduk syaitan, maka dia baru bergerak solat, dan solat (dengan cepat seperti ayam mematuk) tidak menyebut Allah kecuali sedikit.”

(HR. Jama'ah selain Al Bukhari dan Ibnu Majah)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab 59/1.

Masalah:

Apakah yang disebut Solat Wustha?

Jawapan:

Solat Wustha adalah solat Asar, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, pada waktu perang Ahzab, “Allah memenuhi perkuburan dan rumah mereka dengan api, sebagaimana mereka menyibukkan (melalaikan) kami daripada solat Wustha sehingga matahari terbenam.”

(HR. Muttafaq Alaih)

Di dalam riwayat Muslim, Ahmad dan Abu Daud, berbunyi, “Mereka menyibukkan kami daripada solat Wustha, solat Asar.”

Ini adalah pendapat kebanyakan ulama daripada

sahabat Nabi s.a.w, dan juga yang lainnya, seperti yang dikatakan oleh At-Tarmizi (1/342).

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (55/1)

Masalah:

Apakah mendinginkan tubuh itu khusus untuk solat jemaah tanpa solat sendirian?

Jawapan:

Dalam hal yang demikian kedua-duanya adalah sama, kerana tidak ada perbezaan antara satu solat jemaah dengan solat jemaah yang lainnya, dan juga tidak ada perbezaan antara solat jemaah dan solat sendirian. Semuanya dianjurkan agar dilaksanakan pada saat dan suasana dingin, kerana merasa pedih dengan suhu panas yang menyebabkan hilangnya kekhusukan boleh dialami ketika solat sendiri dan jemaah.

Kitab *Ad-Dha'ifah* (365/2).

Masalah:

Akhir waktu Maghrib

Jawapan:

Waktu maghrib memanjang sampai hilangnya *syafaif*⁽¹⁾ (mega) yang merah. Ini adalah pendapat Imam Syafie dan dipilih oleh Nawawi di dalam *kitab Al Majmu'* (3/29-33).

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* 60/1).

Masalah:

Anjuran bergegas melaksanakan solat Maghrib.

Dianjurkan bergegas melaksanakan solat maghrib dan mempercepatnya sebelum beruntutnya bintang berdasarkan sabda Rasul: Umatku masih dalam keadaan baik atau

1. Syafaif adalah mega merah, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w, "Waktu maghrib adalah selama cahaya syafaq itu belum jatuh."

(HR. Muslim [2/104])

tetap berada dalam fitrahnya selama tidak mengakhirkan solat maghrib sehingga beruntutnya timbul bintang-bintang. Hadis ini disahkan oleh hakim dan az-Zahabi

Kitab *al-Tsamar Mustatab* 61-1

Masalah:

Boleh dan tidaknya solat setelah Asar semasa matahari berada di posisi yang tinggi

Jawapan:

Solat setelah Asar pada waktu matahari berada pada posisi yang tinggi diperbolehkan, walaupun yang dikerjakan adalah solat sunat, setelah solat Asar dan sebelum matahari menguning. Inilah yang seharusnya dijadikan sandaran, di mana banyak perselisihan pendapat di dalamnya. Ini adalah mazhab Ibnu Hazm, kerana mengikuti Ibnu Umar.

Di antara dalil yang menunjukkan atas hal tersebut adalah riwayat daripada Ali r.a., bahawa Nabi s.a.w melarang solat setelah Asar, sedang matahari pada posisi tinggi.

(HR. Ahmad [1/130])

Kitab *Ash-Sahihah* (344/1).

Masalah:

Pada keadaan seperti apa kamu dianggap telah mendapatkan solat?

Jawapan:

Kamu dianggap telah mendapatkan solat ketika masih mendapat satu rakaat (di akhir waktu), sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w,

"Barangsiapa yang dapat mengerjakan satu rakaat solat, bererti dia telah mendapatkan solat tersebut,"

(HR. Al Bukhari [580] dan Muslim [607])

Kitab *Ash-Shahihah* (97/1).

Masalah:

Menghilangkan kesusahan daripada umat dengan solat jamak yang sebenarnya bukan secara bentuk saja.

Jawapan:

Ini kerana telah menjadi hal yang diketahui umum, bahawa solat wajib dikerjakan pada waktunya sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak, berdasarkan pada perbuatan Nabi s.a.w dan sabdanya,

“Waktu itu di antara dua ini.”

Kemudian telah ditetapkan bahawa Nabi s.a.w pernah menjamak antara dua solat untuk menghilangkan kesusahan daripada umatnya, hal itu merupakan dalil yang jelas bahawa Nabi s.a.w menjamak pada waktu itu dengan bentuk yang hakiki. Jika memaknakkannya secara bentuknya sahaja, maka hal itu merupakan penjelegalan terhadap hadis.

Kitab Ash-Shahihah (816/6/bah. II).

Masalah:

Berbual dan begadang setelah solat Isyak

Jawapan:

Berbual dan begadang itu dibenci kecuali yang ada kemaslahatannya untuk orang yang berbicara dan untuk kaum Muslimin, sebagaimana yang telah ditetapkan daripada Umar bin Khathab, dia berkata, “Rasulullah s.a.w berbincang-bincang dengan Abu Bakar tentang perkara kaum Muslimin, dan aku ada bersama keduanya.”

(HR. At-Tirmidzi [1/315] dan Ath-Thahawi [391])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (75/1).

Masalah:

Orang yang mendapatkan satu rakaat sebelum habis waktunya.

Jawapan:

Sesiapa yang mendapatkan satu rakaat sebelum habis waktunya, maka solatnya dianggap sah, walaupun rakaat kedua itu jatuh pada waktu yang dilarang untuk melaksanakan solat tersebut, seperti Solat Fajar dan Asar. Ini adalah pendapat jumhur ulama, dan Abu Hanifah menambah pada sebahagiannya.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (97/1).

Masalah:

Orang yang mendapatkan waktu yang kurang daripada satu rakaat sebelum habis waktunya

Jawapan:

Sesiapa yang mendapatkan kurang daripada satu rakaat sebelum habis waktunya, maka tidak dianggap mendapatkan waktu. Ini adalah pendapat jumhur ulama, sebagaimana diterangkan di dalam kitab Nail Al Autar (2/19-20).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (98/1).

B. AZAN**Masalah:**

Kewajipan azan

Jawapan:

Pendapat yang mengatakan bahawa azan itu sunah tidak diragukan sama sekali kesalahannya. Bagaimana ia dikatakan sunah sedangkan ia termasuk syiar Islam yang terbesar, di mana Rasulullah s.a.w apabila tidak mendengarnya di negeri suatu kaum, maka baginda datang untuk memerangi dan menyerang mereka, dan apabila baginda mendengarnya di negeri mereka, maka baginda berhenti menyerangnya, sebagaimana yang ditetapkan di dalam Ash-Shahihain dan juga kitab yang

lain.

Yang benar adalah bahawa azan itu fardu kifayah, dan inilah yang dianggap sahih oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah di dalam kitab *Al Fatawa* (1/67-68).

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 144.

Masalah:

Boleh dan tidaknya azan bagi orang yang melaksanakan Solat sendirian.

Jawapan:

Azan tidak hanya dikhususkan untuk solat yang dikerjakan berjemaah, tetapi juga untuk setiap orang yang solat. Maka ia harus mengumandangkan azan dan iqamah, akan tetapi orang yang berada dalam jemaah cukup baginya azan dan iqamah mu'azzin.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 144/1.

Masalah:

Kewajipan azan dan iqamah bagi wanita

Jawapan:

Yang benar dalam permasalahan ini adalah apa yang dikatakan oleh Abu Ath-Thayyib Shadik Khan di dalam kitab *Ar-Raudhn An-Niddiyah* (1/79).

“Yang nampak adalah bahawa wanita seperti lelaki, kerana mereka adalah sebahagian daripada lelaki, jadi perintah yang ditujukan kepada kaum lelaki juga merupakan perintah bagi kaum wanita. Dan, tidak ada dalil yang layak untuk dijadikan hujah atas ketidak-wajibannya atas kaum wanita. Ini kerana dalil-dalil hadis tentang hal itu di dalam *isnad-isnad-nya* terdapat orang-orang yang tidak dipercaya sehingga tidak boleh dijadikan hujah. Maka apabila ada dalil yang layak untuk mengeluarkan mereka (kaum wanita), maka hukumnya demikian (tidak wajib),

jika tidak, maka kaum wanita seperti kaum lelaki.”

Masalah:

Bilakah dibacakan tatswib (bacaan; ash-shalaatu khairun minanaum) dalam azan subuh, apakah pada azan yang pertama atau yang kedua?

Jawapan:

Bacaan tatswiib hanya disyariatkan pada azan subuh yang pertama, iaitu azan sebelum waktu subuh sekitar lima belas minit, berdasarkan hadis Ibnu Umar r.a., dia berkata, “Pada azan subuh yang pertama terdapat bacaan ‘Ash-Shalaatu Khairun min An-Naum’ (solat lebih baik daripada tidur) dua kali.”

(HR. *Al Baihaqi* [1/423])

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 146.

Masalah:

Apakah solat yang tertinggal juga harus dikumandangkan azan padanya?

Jawapan:

Bagi solat yang tertinggal secara *masyruk'* (benar menurut syara') maka azan hanya dikumandangkan satu kali sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi s.a.w, Telah ditetapkan dalam riwayat darinya ketika tertinggal solat subuh kerana tertidur, bahawa baginda memerintahkan Bilal untuk mengumandangkan azan untuk solat tersebut.

(HR. *Muslim*)

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (142/1).

Masalah:

Muazzin wajib ikhlas dalam azannya

Jawapan:

Muazzin wajib ikhlas dalam melakukan azan, ertiya tidak meminta upah. Allah s.w.t berfirman, “Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah

dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama dengan lurus.”

(*Al-Bayyinah* (98): 5)

Utsman bin Al Ash berkata, “Sesungguhnya di antara akhir perintah Rasulullah s.a.w kepadaku adalah agar aku menjadi muazzin yang tidak mengambil upah daripada azan.”

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustathab* (146/1).

Masalah:

Hukum orang yang didatangkan sesuatu (diberi sesuatu atau upah) tanpa diminta dan tidak ada pengajuan.

Jawapan Syeikh: Hendaklah dia menerima dan jangan menolaknya kerana itu adalah rezeki yang diarahkan oleh Allah s.w.t kepadanya, berlandaskan riwayat yang telah ditetapkan daripada Rasulullah s.a.w,

“Sesiapa yang disampaikan kepadanya (sesuatu) daripada saudaranya tanpa diminta dan juga tanpa ada pengajuan diri, maka hendaklah dia menerimanya dan tidak menolaknya kerana itu adalah rezeki yang Allah s.w.t arahkan adanya.”

(*HR. Ahmad* [5/320])

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (148/1).

Masalah:

Muazzin yang azan tanpa berwuduk adalah makruh

Jawapan:

At-Tirmizi berkata, “Orang yang cerdik pandai berselisih pendapat tentang azan tanpa wuduk, maka sebahagian ulama membencinya, pendapat ini dikatakan oleh Asy-Syafi dan Ishak, tetapi sebahagian ulama lainnya memberi keringanan (*rukhsah*), dan ini adalah pendapat Sufyan Ats-Tsauri dan Ibnu Mubarak.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (154/1).

Masalah:

Boleh dan tidaknya perkataan muazzin “man qa’ad falaa haraj” (sesiapa yang duduk, tidak apa-apa) dalam azan pada keadaan suhu udara sangat dingin.

Jawapan:

Ini adalah hal sunah yang telah ditinggalkan oleh kesemua muazzin -sangat disayangkan sekali firman Allah s.w.t, *“Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.”* (*Al Hajj* (22): 78) Iaitu perkataan muazzin setelah selesai azan *“Man qa’ad falaa haraj”*, sebagaimana yang telah ditetapkan daripada Nu’aim An-Nahham r.a., dia berkata, “Dikumandangkan azan subuh pada hari yang dingin, manakala saya berada di pangkuhan isteriku, maka aku berkata, ‘Sekiranya muazzin menyerukan, ‘siapa yang duduk, maka tidak apa-apa’, maka muazzin Nabi s.a.w akan menyerukan ‘Siapa yang duduk, tidak apa-apa’, hal ini diucapkan oleh muazzin di akhir azannya pada hari yang dingin.”

Kitab *Ash-Sahihah* (205/6/bab. I).

Masalah:

Muazzin dianjurkan mengumandangkan azan sambil berdiri.

Jawapan:

Ibnu Mundzir berkata bahawa orang yang cerdik pandai sepakat bahawa berdiri semasa azan termasuk sunah.

Masalah:

Boleh dan tidaknya memalingkan dada pada dua kalimat (Hayya ‘alash Shalaah dan Hayya ‘ala falaah) ke kiri dan ke kanan.

Jawapan:

Mengalihkan dada adalah hal yang tidak ada dasarnya

sama sekali di dalam sunah, dan juga tidak ada hadis-hadis yang membicarakan tentang memusingkan leher ke kanan dan ke kiri.

Kitab *Tamam Al Minnah* (150/1).

Masalah:

Boleh dan tidaknya mengikuti bacaan muazzin

Jawapan:

Sekelompok ulama salaf dan juga yang lainnya berpendapat bahawa hal itu wajib bagi orang yang mendengar, sebagai pengamalan daripada zahir perintah yang memakai redaksi wajib. Adapun yang lainnya mencabar pendapat itu, dengan mengatakan bahawa hal itu hanya anjuran sahaja dan tidak bersifat wajib. Dalam kitab *Syarah Muslim* dijelaskan bahawa yang benar adalah pendapat jumhur ulama; dengan hukum sunah untuk hal itu, ulama Syafieyah juga berpendapat demikian.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (180/1).

Masalah:

Bagaimana menjawab azan ketika sampai pada lafadz Hayya 'alash-shalaah dan Hayya 'alal falaah?

Jawapan:

Kadang-kadang menjawabnya dengan ucapan, *Lan haula walaa quuuwata illa billah,*" kadang-kadang menjawab dengan ucapan, *Hayya 'alal falaah hayya 'ala al falaah,*" ini adalah pendapat Ibnu Hazm (3/148), dan inilah yang benar -*insyaallah*- . Ini kerana hal itu merupakan pengamalan dua hadis yang mempunyai makna umum dan khusus.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (181/1).

Masalah:

Larangan keluar masjid setelah mendengar azan kecuali ada hajat.

Jawapan:

Keluar masjid setelah mendengar azan adalah tidak boleh, hal ini berdasarkan pada banyak hadis-hadis yang menunjukkan kewajipan solat jemaah dan keluar dari masjid, sebab keluar darinya akan menghilangkan kewajipannya kecuali ketika ada hajat, sebagaimana yang telah ditetapkan daripada Nabi s.a.w,

"Tidaklah seseorang mendengar panggilan azan di masjidku ini selain keluar darinya dan tidak kembali lagi, kecuali orang munafik."

(HR. Ath-Thabrani dalam kitab *Al Awsath* (1/27/1)

Kitab *Ash-sahihah* (57/6/bah. I).

Masalah:

Apakah iqamah hukumnya fardu kifayah seperti azan?

Jawapan:

Yang benar adalah sebagaimana dikatakan oleh *Syeikhul Islam* dalam kitab *Al Ikhtiyarat* (4-21): Bahawa iqamah hukumnya fardu kifayah, dan ini adalah pendapat daripada mazhab Ahmad dan yang lainnya.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (202/1).

Masalah:

Hukum iqamah bagi orang yang solat sendirian

Jawapan:

Ibnu Hazm -*Rahimahullah-* berkata (3-125) bahawa orang yang solat sendirian tidak diharuskan azan dan iqamah, dan jika dia azan dan iqamah, maka dia adalah baik, kerana nas tidak mewajibkan azan atas dua orang dan lebih (hukum azan sebagaimana yang dipilih oleh

Albani adalah fardu kifayah.)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (203/1).

Masalah:

Hukum menduakan bacaan iqamah

Jawapan:

Tarmizi berkata, "Sebahagian orang cerdik pandai berkata, "Azan dua-dua, dan iqamah juga dua-dua." Pendapat ini dikatakan juga oleh Sufyan Ats-Tsauri, Ibnu Mubarak dan masyarakat pintar Kufah."

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (207/1).

Masalah:

Boleh dan tidaknya mengikuti iqamah bagi yang mendengarnya.

Jawapan:

Kewajipan orang yang mendengar iqamah adalah seperti orang yang mendengar azan, seperti tersebut dalam keumuman sabda Rasulullah s.a.w,

"Apabila kamu mendengar muazzin mengumandangkan azan, maka katakanlah seperti apa yang dikatakannya."

Ini kerana iqamah adalah azan menurut bahasa dan juga menurut syara', berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w,

"Di antara dua azan terdapat solat."

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (214/1).

Masalah:

Cara menjawab orang yang iqamah ketika mengatakan "qad qaamatish-shalaah."

Jawapan:

Jawapan kepada orang yang iqamah sama seperti men-

jawab orang yang azan. Akan tetapi orang yang mendengar kalimat iqamah yang berbunyi "*Qad qaamatish-shalaah qad qaamatish-shalaah*," maka ia menjawab seperti apa yang dikatakan oleh orang yang iqamah, bersandar kepada keumuman sabda Rasulullah s.a.w, "Maka katakanlah seperti apa yang dikatakannya."

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (216/1).

Masalah:

Apakah boleh orang yang tidak azan menyerukan iqamah?

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa yang menyerukan azan adalah yang menyerukan iqamah.

Kitab Adh-Dha'ifah (110/1).

Masalah:

Tidak disyariatkan solat sunat ketika solat telah didirikan.

Jawapan:

Apabila muazzin sudah menyerukan iqamah, maka tidak dibolehkan bagi sesiapapun mengerjakan solat sunat, walaupun solat sunat fajar, akan tetapi hendaknya langsung masuk ke saf solat fardu yang dibacakan iqamahnya, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w,

"Apabila telah didirikan solat, maka tidak ada solat kecuali solat yang dibacakan iqamahnya." (2/352).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathhab (224/1).

Masalah:

Apabila imam sudah berada di dalam masjid, dan solat didirikan, bila para jemaah berdiri?

Jawapan:

At-Tarmizi berkata, "Mereka berdiri ketika muazzin

mengatakan "Qad qaamatish-shalaah qad qaamatish-shalaah." Ini adalah pendapat Ibnu Mubarak.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (230/1).

Masalah:

Apakah orang yang takut tertinggal takbiratul ihram harus berjalan cepat?

Jawapan:

Yang benar adalah makruh berjalan cepat bagi orang yang takut tertinggal *takbiratul ihram*, hal itu disebabkan oleh keumuman hadis Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

"Apabila telah didirikan solat, maka janganlah kamu mendatanginya sambil berlari, akan tetapi datanglah sambil berjalan, dan hendaklah kamu bersikap tenang dan beradab. Apa yang kamu dapatkan, maka solatlah dan apa yang ditinggalkan, maka sempurnakanlah..."

(HR. Al Bukhari [2/92] dan Muslim)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustathab (237/1).

Masalah:

Boleh memberi jarak waktu antara iqamah dan takbiratul ihram, jika ada hajat.

Jawapan:

Boleh memberi jarak waktu antara iqamah dan *takbiratul ihram* apabila ada keperluan, namun jika tidak ada keperluan, maka hukumnya makruh. Syeikh menge luarkan dalil ini untuk membantah ulama Hanafiyah yang mengatakan bahawa apabila muazzin berkata, "Qad qaamat ash-solaat," maka imam wajib melakukan *takbiratul Ihram*, demikianlah Ibnu Hajar mengatakannya. (2/98)

C. SYARAT-SYARAT SOLAT DAN TATA CARANYA

Masalah:

Apakah kedua paha adalah aurat?

Jawapan:

Tidak selayaknya kita meragukan bahawa paha adalah aurat, hal ini sebagaimana tertera dalam dalil-dalil *qauliyyah*. Maka tidak aneh, jika kebanyakan ulama memegang pendapat ini, bahkan Syaukani memastikan pendapat ini di dalam kitab *An-Nail Al Authar* (2/52-53) dan kitab *As-Sail Al Jarar* (1/160-161).

Masalah:

Sepanjang apa pakaian wanita ketika solat?

Jawapan:

Wanita solat dengan menggunakan pakaian penutup dan tudung, dan ini adalah batas minimum pakaian yang wajib dikenakan kepada wanita untuk menutup aurat mereka dalam solat. Hal ini tidak bercanggah dengan apa yang diriwayatkan oleh Ibnu Abu Syaibah dan Baihaqi daripada Umar bin Khatthab r.a., dia berkata, "Wanita solat dengan tiga pakaian, baju penutup, tudung dan kain," *sunad* daripada perkataan ini adalah *sahih*; dan pada jalur yang lain daripada Ibnu Umar, dia berkata, "Apabila wanita melaksanakan solat, maka solatlah dengan mengenakan seluruh pakaianya; penutup (baju), tudung dan kain," *sanad* daripada perkataan ini adalah *sahih*. Ini semua diertikan sebagai cara yang paling sempurna dan paling utama baginya.

Masalah:

Kewajipan menutup (bahu) bahagian atas badan, jika ada.

Jawapan:

Bagi orang yang solat, wajib menutup bahagian badan-

Jawapan:

Dbolehkan solat dengan pakaian itu, kerana Nabi s.a.w pernah solat di sebahagian malam dan Aisyah berada di sampingnya walaupun dia dalam keadaan haid, di atasnya (Aisyah memakai) pakaian tanpa jahitan dan yang sebahagiannya ada pada badan Nabi s.a.w.”

(HR Muslim)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (338/1).

Masalah:

Hukum solat dengan selimut

Jawapan:

Dbolehkan solat dengan selimut yang digunakan untuk menutupi orang yang tidur, berdasarkan hadis Anas r.a., dia berkata, “Selimut pada zaman Nabi s.a.w kami pakai dan solat dengan mengenakkannya.”

(HR Muslim [2/61])

Hal di atas juga diperkuat oleh hadis-hadis yang menerangkan bahawa Nabi s.a.w pernah melakukan solat dengan menggunakan pakaian tanpa jahitan (bahan) dan sebahagian daripada pakaian tersebut berada di atas badan isterinya, manakala isterinya dalam keadaan haid. Sebahagian hadis-hadis itu ditakhrij di dalam kitab Sahih Abu Daud (393-394).

Kitab as-Sahihah (691/6/bah. I).

Masalah:

Hukum solat di kubur

Jawapan:

Diharamkan solat di kubur berdasarkan keumuman hadis daripada Sa'id Al Khudri, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Bumi seluruhnya adalah masjid kecuali kubur dan bilik mandi.”

(HR Abu Daud dan Al Hakim)

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w melarang solat di antara kubur. Al Haitsami berkata (2/27) bahawa Hadis ini diriwayatkan oleh Al Bazzar dan para perawinya adalah perawi sahih. Ini kerana larangan itu pada dasarnya adalah pengharaman, maka sebahagian ulama berpendapat bahawa solat di kubur hukumnya batal, dan ini adalah suatu kemungkinan -wallahu'l-am- di dalam kitab Al-Muhalla (4/27-32) dalam hal ini Ibnu Hazm berpegang kepada mazhab ini.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab 364/1.

Masalah:

Hukum solat di tempat menderum unta di sekitar air

Jawapan:

Ibnu Hazm berkata, “Tidak boleh sama sekali solat di tempat yang dijadikan sebagai tempat kandang unta, baik satu unta ataupun lebih dan juga tidak boleh pada tempat yang dijadikan sebagai penderuman unta, baik satu ataupun lebih. Namun solat yang menghadap unta itu diperbolehkan. Oleh itu, apabila unta tidak lagi tinggal di tempat itu sampai hilang sebutan bagi tempat itu sebagai kandang unta, maka boleh solat di tempat tersebut.”

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (391/1).

Masalah:

Hukum solat di bilik mandi

Jawapan:

Hukum solat di bilik mandi seperti halnya solat di atas kubur, erti dia diharamkan berdasarkan zahir hadis tersebut. Ini adalah pendapat mazhab Imam Ahmad dan Ibnu Hazm, bahkan dia berpendapat bahawa solat di dalamnya adalah batal.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (392/1)

Masalah:

Hukum membuat mihrab

Jawapan:

Mihrab di dalam masjid secara zahir itu adalah bidaah; kerana kami tidak mendapatkan *atsar* apapun yang menunjukkan atas keberadaannya pada zaman Nabi s.a.w, dan kerana telah ditetapkan di dalam hadis daripada Nabi s.a.w, "Jauhkanlah tempat sembelihan ini," maksudnya mihrab.

Hadis ini diriwayatkan oleh Baihaqi (2/439), dan *sanad*-nya adalah *hasan*. Ibnu Hazm menaskan kemakruhan mihrab di dalam masjid (4/239).

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (472/1).

Masalah:

Hukum tabir (memberi pembatas) dalam melaksanakan solat.

Jawapan:

Tabir dalam solat hukumnya wajib, dan yang berpendapat dengan mazhab ini adalah Syaukani di dalam kitab *Nail Al Autar* (3/2) dan ini adalah zahir daripada perkataan Ibnu Hazm di dalam kitab *Al Muhalla* (4/8-15).

Kitab *Tamamul minnah*, hal. 300.

Masalah:

Hukum solat di tanah ghasab (tanah yang diambil alih tanpa hak)

Jawapan:

Solat di tanah *ghasab* haram secara ijma' sebagaimana dinukil oleh An-Nawawi (3/164). Para ulama berselisih pendapat tentang solat di atas tanah tersebut. Jumhur ulama berpendapat bahawa solatnya sah, manakala Imam Ahmad dan Ibnu Hazm (4/33-36) dalam kitab *Al Muhalla*

berpendapat bahawa solatnya batal, dan yang lebih dekat kepada kebenaran adalah pendapat jumhur, kerana larangan tersebut bukan hanya berkaitan dengan solatnya, sehingga tidak menghalangi kesahihannya -*Wallahu A'lam*.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (396/1).

Masalah:

Hukum solat di masjid dhirar (menimbulkan hal-hal negatif)

Jawapan:

Tidak boleh solat di masjid *dhirar*, dan di masjid-masjid yang semakna dengannya. Ini adalah pendapat ulama Malikiyyah dan yang lain.

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (397/1).

Masalah:

Hukum solat di dalam Ka'bah

Jawapan:

Jumhur ulama berpendapat bahawa solat di dalam Ka'bah dibolehkan baik solat fardu maupun solat sunah, dan ini adalah menurut pendapat mazhab Abu Hanifah dan Ats-Tsauri

Kitab *Ats-Tsamar Al Mustatab* (429/1).

Masalah:

Bolehnya solat di atas permaidani atau di atas benda lain yang suci

Jawapan:

Dbolehkan solat di atas setiap yang digelar di atas tanah. Pembolehan ini diceritakan oleh At-Tarmizi daripada majoriti sahabat Nabi s.a.w dan orang-orang yang setelah mereka. Mereka berpandangan bahawa solat di atas permaidani dan lain tidak apa-apa, dan ini adalah

pendapat mazhab Al Auza'i, Asy-Syafie, Ahmad dan jumhur fuqaha.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (446A).

3

Hukum-hakam Masjid

A. HUKUM-HAKAM MASJID

Masalah:

Boleh atau tidak mengelap dua selipar dengan debu sebelum masuk masjid;

Jawapan:

Bagi orang yang hendak masuk masjid diwajibkan mengelap kedua belah kakinya dengan debu, sesuai dengan sabda nabi;

“Apabila salah seorang daripada kamu hendak masuk masjid maka hendaklah dia melihat, jika dia melihat pada kedua seliparnya terdapat kotoran atau penyakit, maka hendaklah dia mengelapnya dan solat dengan mengenakan keduanya.”

(HR, Abu Daud)

Masalahat

Apabila hendak masuk masjid dianjurkan membaca doa (yang ertinya) "Aku berlindung kepada Allah yang Maha agung dan dengan wajah-Nya yang mulia serta dengan kekuasaannya yang qadim daripada syaitan yang terkutuk."

Jawapan:

Bacaan itu dianjurkan, bersandarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w, "Apabila dia mengucapkan bacaan itu, maka syaitan berkata, dia terpelihara dariku sepanjang hari."

(HR. Abu Daud)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (603/2).

Masalah:

Hukum doa masuk masjid

Jawapan:

Doa ini wajib sesuai dengan perintah Rasulullah s.a.w di dalam sabdanya,

"Apabila salah seorang daripada kamu masuk, maka hendaklah mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w, dan mengucapkan, "Ya Allah, bukakanlah untukku pintu-pintu rahmat-Mu, dan apabila keluar, maka hendaklah dia mengucapkan salam kepada Nabi s.a.w, dan berdoa, "Ya Allah, lindungi aku daripada syaitan yang terkutuk."

(HR. Ibnu Majah [1/260] dan Hakim [1/207])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (610/2).

Masalah:

Hukum solat dua rakaat tahiyyatul masjid

Jawapan:

Wajib bagi orang yang masuk masjid melakukan solat dua rakaat sebelum duduk, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w,

"Apabila salah seorang kamu masuk ke masjid, maka solatlah dua rakaat sebelum duduk."

Dalam riwayat lain: "Maka janganlah dia duduk sebelum solat dua rakaat. Kemudian duduk, jika dia mahu

atau keluar untuk keperluannya."

(HR. Al Bukhari dan Muslim)

Hadis ini merupakan dalil yang jelas atas wajibnya solat dua rakaat *Tahiyyatul Masjid*; kerana pada riwayat yang pertama terdapat perintah mengerjakannya dan perintah menunjukkan kewajipannya dan pada riwayat yang lain terdapat larangan duduk sebelum solat dan larangan yang menunjukkan atas pengharaman.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (613/2)

Masalah:

Boleh atau tidak solat dua rakaat di masjid bagi orang yang baru pulang daripada bepergian.

Jawapan:

Dianjurkan solat dua rakaat di masjid bagi orang yang baru pulang daripada bepergian di awal kedatangannya, berdasarkan sabda Nabi s.a.w daripada Jabir r.a.,

"Kami bepergian bersama Nabi s.a.w, maka ketika kami tiba di kota Madinah, baginda bersabda kepadaku: Datanglah ke masjid dan solatlah dua rakaat," dia berkata, "Maka aku masuk ke masjid dan solat dua rakaat."

(HR. Ath-Thayalisi, hal. 239)

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (628/2).

Masalah:

Hukum keluar dari masjid setelah azan dan sebelum solat

Jawapan:

Tidak boleh keluar dari masjid setelah azan dan sebelum solat. Seorang lelaki keluar dari masjid setelah dikumandangkan waktu solat Asar, maka Abu Hurairah r.a. berkata, "Orang itu telah menyalahi Abul Qasim (Nabi s.a.w)."

(HR Muslim [2/124])

Hadis itu merupakan dalil yang menunjukkan atas pengharaman selain untuk keperluan wuduk dan buang hajat dan segala hal yang bersifat darurat seperti yang dikatakan oleh Syaukani, dan didahului oleh Ibnu Hazm (3/147).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (641/2).

Masalah:

Hukum membelitkan jemari (menyatukan jari-jari tangan kanan dengan jari-jari tangan kiri) di masjid.

Jawapan:

Membelitkan jemari di masjid, hukumnya makruh. Lihat kitab Nail Al Autar (2/281-282).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (651/2).

Masalah:

Hukum orang yang makan bawang putih dan bawang merah lalu pergi ke masjid

Jawapan:

Hukumnya haram selama baunya sangat busuk, sesuai dengan sabda Nabi s.a.w semasa perang Khaibar,

“Barangsiapa yang makan pohon busuk ini, maka janganlah dia mendekati masjid kami.”

Dalam riwayat lain, *“Maka janganlah mendekati kami dan solat bersama kami.”*

(HR. Muslim [2/79] dan Ahmad [3/374])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (652/2).

Masalah:

Hukum orang yang sudah terbiasa duduk di tempat tertentu dalam masjid dan tidak solat kecuali di tempat itu sahaja.

Jawapan:

Hukumnya haram sesuai dengan zahir larangan dalam hadis, iaitu sabda Rasulullah s.a.w, “Rasulullah s.a.w melarang daripada (menjadi seperti) bertelurnya burung gagak, atau seperti membentangnya binatang buas dan seorang menempati suatu tempat di masjid sebagaimana menetapnya unta.”

(HR. Abu Daud [1/138] dan An-Nasa'i [1/168])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (672/2).

Ibnu Hajar berkata, “Hikmahnya adalah bahawa hal-hal tersebut akan menyebabkan kepada kemasyhuran, ria, nama baik, dan terikat dengan kebiasaan, keuntungan dan syahwat, semuanya itu adalah penyakit, dan semua perkara yang akan membawa kepada penyakit harus dijauhi seboleh mungkin.

Masalah:

Hukum cukur rambut sebelum solat Jumaat

Jawapan:

Syaukani dalam kitab Nail Al Autar (2/134) mengatakan, “Jumhur ulama menyertakan larangan tersebut adalah makruh, kerana mungkin sahaja dia memotong shaf (barisan) manakala mereka diperintahkan untuk datang pagi-pagi ke masjid pada hari Jumaat dan mengisi saf-saf yang pertama.”

Ath-Thahawi berkata, “Bercukur yang dilarang sebelum solat adalah apabila masjid telah penuh namun dia masuk dengan berdesak-desakan, maka itulah yang termasuk ke dalam kategori makruh, manakala selain itu tidak apa-apa.”

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (679/2).

Masalah:

Hukum berbincang-bincang tentang urusan dunia di dalam masjid

Jawapan:

Ini adalah perbuatan yang tidak dibolehkan, berdasarkan hadis Ibnu Mas'ud, "Di akhir zaman nanti akan ada suatu kaum di mana pembicaraan mereka di masjid-masjid adalah tentang hal-hal yang tidak berkenaan dengan agama Allah."

(HR. Ibnu Hibban di dalam kitab Sahih-nya, dan juga dicantumkan oleh Al Mundziri di dalam kitab At-Targhib [1/124])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (679-680/2).

Masalah:

Hukum melantunkan syair di masjid

Jawapan:

Qurthubi berkata di dalam tafsirnya (12/171): "Dilihat terlebih dahulu isi syairnya, jika berisi pujiann kepada Allah s.w.t atau kepada Rasulullah s.a.w atau mempertahankan kedua-duanya sebagaimana syair Hassan bin Tsabit atau mengandungi anjuran untuk berbuat baik dan nasihat serta zuhud terhadap dunia daripada mengurangi kecen-derungan kepada dunia, maka ini adalah suatu hal yang baik, baik dilantunkan di masjid atau tempat lain, akan tetapi jika tidak demikian kandungannya, maka tidak diperbolehkan.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (657/2)..

Masalah:

Apa yang dikatakan oleh orang yang mendengar pengumuman dalam masjid mengenai barang hilang.

Jawapan:

Bagi orang yang mendengarkan hal itu, wajib mengatakan kepada orang yang mengumumkan, "Semoga Allah

tidak mengembalikannya kepadamu, kerana masjid tidak dibangun untuk hal ini."

(HR. Muslim [2/82] dan Ibnu Majah [285])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (689/2).

Masalah:

Hukum mengumumkan barang hilang di masjid

Jawapan:

Diharamkan mengumumkan barang yang dicari di dalam masjid dengan syarat mengangkat suara. Ini adalah pendapat Ibnu Hazm (4/246) dan Ash-Shan'ani dalam Subul As-Salam (1/217), dan inilah pendapat yang benar insyaallah- kerana ini adalah zahir daripada larangan tersebut. Seperti sabda rasul:

"Rasulullah s.a.w melarang jual beli di masjid dan melantunkan syair, mengumumkan keperluannya dan juga mencukur pada hari Jumaat sebelum solat."

(HR. Abu Daud [1/170] dan An-Nasa'i [1/117])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab 686/2).

Masalah:

Hukum jual beli di masjid

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa hal itu hukumnya haram, berdasarkan larangan Nabi s.a.w untuk mengadakan jual-beli di masjid. Dikatakan kepada penjual dan pembeli, "Semoga Allah tidak menguntungkan perdaganganmu." Demikian Rasulullah s.a.w memerintahkan kita terhadap orang yang melakukan jual-beli di masjid.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (691/2).

Masalah:

Hukum melintas di masjid

Jawapan:

Dibolehkan melintasi masjid kerana ada keperluan dan tidak sering dilakukan, dan tidak menjadikan masjid sebagai tempat lalu lalang, sebab hal itu dilarang oleh agama.

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (727/2).

Masalah:

Boleh atau tidak wanita datang ke masjid

Jawapan Syeikh: Wanita diperbolehkan datang ke masjid, tetapi dengan dua syarat. Iaitu seperti sabda rasul: *Janganlah kamu menjadikan masjid kecuali untuk berzikir atau solat*, daripada riwayat Ibnu Umar.

(HR. Thabrani)

Apabila kamu melihat orang yang mengadakan jualbeli di dalam masjid, maka katakanlah, *“Semoga Allah tidak menguntungkan perdaganganmu.”*

(HR. At-Tarmizi [1/248] dan Ad-Darami [1/326])

Syarat: Pertama, mereka keluar tanpa memakai wangiwangian atau bersolek. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, “Apabila salah seorang daripada kamu (kaum wanita) datang ke masjid, maka janganlah berjalan dengan berwangi-wangian.”

(HR. Muslim [2/33])

Kedua, meminta izin kepada suami, dan mereka wajib memberikan izin. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w,

“Janganlah melarang wanita-wanita kalian untuk pergi ke masjid apabila mereka (wanita) meminta izin kepadamu untuk pergi ke masjid, walaupun rumah-rumah mereka lebih baik bagi mereka.”

(HR. Al Bukhari [2/277])

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (722).

Masalah:

Hukum meludah ke arah kiblat

Jawapan:

Meludah ke arah kiblat diharamkan secara mutlak, baik dilakukan di masjid atau di tempat lain, baik dilakukan oleh orang yang solat ataupun tidak. Sebagaimana yang dikatakan oleh Shan'ani di dalam kitab *Subul As-Salam* (1/230). Nawawi memastikan larangan itu dalam segala hal baik dalam keadaan solat atau dalam kendaan lain, baik dalam masjid atau di tempat lain, dan inilah yang benar, kerana hadis-hadis yang menerangkan larangan tersebut. Dalam hadis disebutkan: “Sesiapa yang meludah ke arah kiblat, maka dia datang pada hari Kiamat manakala ludahnya berada di antara kedua matanya. Lihat kitab *Ash-Sahihah*, no. 222

Masalah:

Hukum orang musyrik masuk ke masjid

Jawapan:

Hukum orang-orang musyrik masuk ke dalam mana-mana masjid adalah boleh, kecuali tanah Makkah keseluруhannya, baik masjidnya ataupun tempat lain. Ini kerana Makkah tidak boleh sama sekali dimasuki oleh orang kafir, dan ini adalah pendapat imam Syafie dan Abu Sulaiman, dan diperkuat oleh Ibnu Hazm (4/ 443).

Kitab Ats-Tsamar Al Mustatab (777/2).

B. SIFAT SOLAT NABI

Masalah:

Ke mana arah pandangan dalam solat?

Jawapan:

Sunnahnya, orang yang solat mengarahkan pandangannya ke bumi tempat sujudnya.

Kitab *Sifat Solat An-Nabi*, hal. 89.

Masalah:

Apakah boleh membaca bismillah dengan suara keras dalam solat?

Jawapan:

Tidak ada hadis *sahih* yang membicarakan tentang membaca *bismillah* dengan suara keras. Semua hadis yang membicarakannya tidak ada yang sahih sanadnya. Dan terdapat hadis sahih yang menyalahi hal tersebut.

Kitab *Ad-Dha'ifah* (468/5)

Masalah:

Mengangkat tangan, adakah serentak dengan Takbiratul Ihram atau sebelumnya atau sesudahnya?

Jawapan:

Nabi s.a.w terkadang mengangkat kedua belah tangannya serentak dengan *takbiratul ihram*, kadang-kadang setelah takbir dan kadang-kadang pula sebelumnya.

Kitab *Shifat Solat An-Nabi*, hal. 87.

Masalah:

Tempat meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dalam solat.

Jawapan:

Nabi s.a.w meletakkannya di atas dada, dan inilah yang ditetapkan dalam sunah. Manakala dasar yang lain adalah *da'iif* dan ada pula yang tidak ada dasarnya. Imam Ishak bin Rahawaih mengerjakan sunah ini.

Masalah:

Bagaimana letak jemari ketika takbir?

Jawapan:

Sabda Rasulullah s.a.w, “*Mengangkat keduanya, dan jemarinya dalam keadaan lurus.*” (HR. Ibnu Khuzaimah [460]). (ertinya tidak direnggangkan antara jemari dan juga tidak digenggam).

Kitab *Shifat Solat An-Nabi*, hal. 87.

Masalah:

Apakah boleh mengganti lafadz ‘allahu akbar dengan lafadz lain ketika takbiratul ihram?

Jawapan Syeikh: Nabi s.a.w membuka solat dengan mengucapkan, “*Allahu Akbar.*” Dan baginda memerintahkan hal itu kepada orang yang buruk solatnya, dan baginda bersabda kepadanya,

“Tidak sempurna solat salah seorang daripada manusia hingga dia berwuduk, maka dia meletakkan wuduknya pada tempat-tempatnya, kemudian mengucapkan, “Allahu Akbar.”

Kitab *Shifat Ash-Solat*, hal. 86.

Masalah:

Hukum memejamkan mata dalam solat

Jawapan:

Apa yang dilakukan oleh sebahagian orang yang solat dengan memejamkan kedua belah mata adalah sikap enggan (tidak benar), dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad s.a.w.

Kitab *Shifat Ash-Solat* hal. 89.

Masalah:

Apa yang tercakup dalam istiadah (meminta perlindungan) ketika meminta perlindungan daripada syaitan yang terkutuk?

Jawapan Syeikh: Kemudian Nabi s.a.w meminta perlindungan kepada Allah s.w.t, maka ia mengucapkan, berlindung kepada Allah daripada syaitan yang terkutuk, daripada bisikan, tiupan dan hembusannya.” Terkadang baginda menambahkan di dalamnya dengan mengucapkan, “Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang terkutuk.”

(HR. Abu Daud dan At-Tarmizi dengan sanad hasan)

Kemudian membaca, “Bismillahirrahmanirrahim” tanpa dikeraskan.

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 95-96

Masalah:

Sunahnya membaca ayat demi ayat

Jawapan:

Kemudian Nabi s.a.w membaca Al Faatihah dan memotongnya ayat demi ayat (tidak disambung), iaitu membaca ‘Bismillahirrahmanirrahim’, kemudian berhenti, lalu membaca, “Alhamdulillahi Rabbil Alamin,” kemudian berhenti.... Sekelompok imam-imam terdahulu dan para ahli qiraah yang terdahulu menganjurkan berhenti pada tiap-tiap ayat. Dan, ini adalah sunah yang ditentang oleh jumhur Al Qurra’ di zaman ini, dan golongan selain mereka.”

Kitab Shifat Ash-Solat

Masalah:

Membaca Al Faatihah, apakah termasuk dalam rukun solat

Jawapan:

Rasulullah s.a.w mengagungkan surah ini, maka baginda mengatakan, “Tidak dianggap solat bagi orang

yang tidak membaca ummul kitab (Al Faatihah).”
(HR. Al Bukhari, Muslim dan Abu Awanah, dan di-takhrij dalam kitab Al Irwa’ [302])

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 97.

Masalah:

Kewajipan membaca dengan lirih.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w telah mengukuhkan bahawa ayat harus dibaca secara lirih. Dalam hal ini Jabir berkata, “Kami membaca pada waktu Zuhur dan Asar di belakang imam pada dua rakaat pertama, Al Faatihah dan satu surah, dan pada dua rakaat terakhir Al Faatihah sahaja.”

Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa boleh membaca di belakang imam dengan suara lirih.

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 100.

Masalah:

Apa yang kita baca dalam solat sunah fajar?

Jawapan:

Surah yang dihukumi sunnah dan yang dibaca ketika solat sunah fajar adalah “Qul yaa ayyuhal kaafiruun” dan “Qul huwallahuu ahad” manakala dalam solat fardunya membaca enam puluh (60) ayat atau lebih.

Kitab Shifat Ash-Solat (167/1).

Masalah:

Pensyarat membaca ayat setelah surah Al Faatihah.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w membaca surah yang lain setelah Al Faatihah, yang kadang-kadang baginda membacanya dengan panjang dan kadang-kadang membacanya secara pendek, bila ada alasan seperti bepergian atau batuk atau sakit atau ada anak kecil yang menangis.

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 102.

Masalah:

Hukum menghidupkan seluruh malam

Jawapan:

Menghidupkan malam hukumnya makruh bila dilakukan sepanjang malam, secara terus menerus (*dawam*), atau sebahagian besarnya sahaja, kerana hal itu berlanggar dengan sunnah Nabi s.a.w. Jika menghidupkan seluruh malam adalah perbuatan utama (pada beberapa waktu), tetapi mengapa Rasulullah meninggalkannya? Bukankah sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad s.a.w.

Kitab Shifat Ash-Shalah, hal. 120.

Masalah:

Hukum solat dua rakaat setelah solat witir

Jawapan:

Dua rakaat ini telah ditetapkan dalam kitab *Sahih Muslim*, di mana kedua-duanya berbenturan dengan sabda Rasulullah s.a.w.,

“*Jadikanlah akhir solat malammu adalah witir.*” (HR. Al Bukhari dan Muslim) Para ulama berselisih pendapat tentang cara memadukan antara dua hadis tersebut, di mana pendapat mereka tidak ada satupun daripadanya yang *rajih* menurutku, maka sikap yang paling berhati-hati adalah meninggalkan kedua-duanya kerana mengikuti perintah *-wallahu a'lam-*. Dan, jelas bagi kami bahawa dua rakaat yang dimaksudkan bukan sebahagian daripada kekhususan Nabi s.a.w., kerana baginda memerintahkan umatnya dengan perintah yang bersifat umum, seakan-akan yang dimaksudkan dengan perintah menjadikan akhir solat malam adalah witir itu bukan hanya dilakukan satu rakaat sahaja. Jika demikian, maka tidak berlanggar

dengan solat dua rakaat setelah kedua-duanya sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perbuatan dan perintah Nabi s.a.w. *-wallahu a'lam-*.

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 122.

Masalah:

Hukum membaca surah setelah Al Faatihah dalam solat jenazah

Jawapan:

Membaca surah setelah Al Faatihah merupakan versi ulama Syafie dan itulah pendapat yang benar.

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 123.

Masalah:

Memanjangkan sakotah (*diam sejenak*) setelah membaca Al Faatihah

Jawapan:

Sakotah ini ditakar kadarnya oleh Ibnu Qayim dan yang lain seukuran pengembalian nafas.

Kitab Shifat Ash-Solat, hal. 128.

Masalah:

Sunahnya mengangkat tangan ketika hendak ruku' dan setelahnya serta bangun daripada tasyahhud.

Jawapan Syeikh: Mengangkat tangan pada bahagian tersebut merupakan suatu yang mutawatir daripada Nabi s.a.w., dan ini adalah pendapat Imam-imam fikih yang tiga dan yang lainnya daripada majoriti ahli hadis dan ahli fikih’.

Kitab Shifat Ash-Solat, hal. 128/129.

Masalah:

Apakah menyatakan zikir-zikir pada satu rukuk disyariatkan?

Jawapan:

Shaqiq Hasan Khan berkata di dalam kitab *Nazi Al-Abraar* bahawa Nabi s.a.w kadang-kadang membaca suatu zikir dan kadang-kadang membaca zikir yang lain, dan saya tidak melihat dalil atas penyatuan zikir, kerana Nabi s.a.w tidak menyatukannya dalam satu rukun, namun terkadang baginda sesekali mengucapkan yang ini, dan terkadang yang itu. Dan, mengikuti Nabi s.a.w adalah lebih baik daripada membuat-buat (bidaah).

Pendapat itulah yang benar *-insyaallah-*, walapun ada juga ketetapan dalam sunah tentang pemanjangan rukun ini dan yang lain, maka apabila orang yang solat ingin mengikuti Nabi s.a.w dalam sunah tersebut (memanjangkan rukun), maka hal itu tidak memungkinkan kecuali dengan cara menyatukannya, dan ini adalah pendapat An-Nawawi.

Kitab *Shifat Ash-Solat* hal. 134.

Masalah:

Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dan meletakkannya di atas dada setelah bangun daripada rukuk

Jawapan:

Saya tidak meragui bahawa meletakkan kedua belah tangan di atas dada dalam posisi berdiri setelah ruku' merupakan bidaah yang sesat, kerana tidak ada hadis-hadis yang menerangkan hal tersebut. Jika perkataan itu mempunyai dasar, maka pasti riwayatnya akan sampai kepada kita, walaupun hanya melalui satu jalur. Dan, diperkuat lagi bahawa tiada satupun daripada kalangan salaf yang mengerjakannya, dan tidak ada seorang pun daripada imam-imam hadis yang menyebutkan hal itu sejauh pengetahuan saya.

Kitab *Shifat Ash-Solat* hal. 139.

Masalah:

Menunduk dalam sujud dengan bertumpu pada kedua belah tangan

Jawapan:

Bahawa sunah yang benar menerangkan bahawa bertumpu pada dua tangan daripada mulai masih di udara (belum menyentuh tanah) sampai sujud, dan juga pada waktu bangun daripada sujud, berdasarkan hadis Abu Hurairah r.a. berdarjah *mauquf*,

"Apabila salah seorang di antara kamu sujud, maka jangan kamu turun merunduk seperti unta, dan hendaklah dia meletakkan kedua belah tangannya sebelum kedua belah lututnya."

(HR. Abu Daud dengan sanad jayyid)

Kitab *Adh-Dha'ifah* (332).

Masalah:

Sunahnya duduk di pangkal paha antara dua sujud

Jawapan:

Disyariatkan duduk di pangkal paha, dan hal itu adalah sunah yang dianggap ibadat, bukan kerana uzur sebagaimana persangkaan sebahagian orang-orang yang fanatik.

Kitab *Shifat Ash-Shalah*, hal. 152.

Masalah:

Sunahnya duduk istirahat

Jawapan:

Duduk ini adalah yang dikenal dengan duduk istirahat, hukumnya adalah sunah. Puluhan sahabat meriwayatkan hal tersebut dalam *Sunan Abu Daud* dan yang lainnya dengan *sanad sahih*.

Kitab *Ad-Daaifah* (38/2).

Masalah:

Kewajipan membaca Al Faatihah pada setiap rakaat

Jawapan:

Rasulullah s.a.w memerintahkan (orang yang buruk solatnya) untuk membaca Al Faatihah pada setiap rakaat di mana baginda bersabda kepadaannya setelah memerintahkannya pada rakaat pertama, "...kemudian lakukan hal itu (membaca Al Fatihah) pada seluruh solatmu."

Di dalam riwayat lain, "Dalam setiap rakaat" dan baginda bersabda, "Setiap rakaat satu bacaan (Al Faatihah)."

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 156.

Masalah:

Bertumpu pada dua tangan ketika bangkit untuk rakaat berikutnya.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w bertumpu pada bumi ketika bangkit untuk rakaat kedua." (HR. Al Bukhari). "Rasulullah s.a.w bertumpu dalam solat ertiya bertumpu pada kedua belah tangannya, bila berdiri." (HR. Abu Ishak Al Harbi dengan sanad sahih, dan maknanya adalah milik Al Baihaqi dengan sanad sahih)

Kitab Shifat Ash-Solat hal. 155.

Masalah:

Mengacungkan jari telunjuk ketika duduk tasyahhud

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Zubair bin Awwam r.a., bahawa apabila beliau duduk pada rakaat kedua atau pada rakaat keempat meletakkan kedua belah tangannya di atas kedua belah lututnya lalu mengacungkan jari telunjuknya."

Dalam hadis ini terdapat syariat mengacungkan jari

(telunjuk) pada duduk tasyahhud, manakala mengacungkan jari pada duduk di antara dua sujud yang biasa dikerjakan oleh sebahagian orang di zaman sekarang ini, tidak ada dasarnya kecuali pada riwayat Abdurazzak yang diambil daripada hadis Wail bin Hajar, dan itu adalah riwayat yang Syadz."

Kitab Shifat Ash-Solat (324/5).

Masalah:

Takbir ketika sujud dan ketika bangun daripada sujud?
Lihat di dalam kitab Ash-Sahihah, no. 2245.

Jawapan:

"Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w apabila hendak sujud bertakbir lalu sujud dan apabila bangun daripada duduk bertakbir lalu berdiri."

(HR. Abu Ya'la dalam Musnadnya [284/7])

Hadis ini menetapkan secara jelas bahawa yang dihukumi sunah adalah takbir lalu sujud dan takbir dalam keadaan duduk lalu bangkit. Hadis ini membatalkan apa yang dikerjakan oleh sebahagian muqallid (orang yang ikut-ikutan) yang memanjangkan takbir daripada duduk hingga berdiri.

Kitab Ash-Sahihah (155/2).

Masalah:

Hukum selawat kepada Nabi s.a.w ketika tasyahhud.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w mendengar seorang lelaki berdoa di dalam solatnya tetapi tidak memuji Allah s.w.t. dan tidak berselawat kepada Nabi s.a.w, maka baginda bersabda,

"Percepatlah ini lalu panggillah dia," maka baginda bersabda kepadaannya dan kepada yang lain, "Apabila salah seorang daripada kami solat, maka mulailah

dengan memuji Tuhan dan menyanjung-Nya lalu berselawatlah.” Dalam riwayat lain dijelaskan, “Hendaklah dia berselawat kepada Nabi s.a.w, lalu memohon apa yang dikehendakinya.”

(HR. Ahmad dan Abu Daud)

Ketahuilah bahawa hadis ini menunjukkan wajibnya berselawat atas Nabi s.a.w dalam *tasyahhud*, berdasarkan perintah melaksanakannya seperti yang tersebut dalam hadis Imam Syafie dan Imam Ahmad di dalam akhir dua riwayatnya berpendapat bahawa berselawat adalah wajib hukumnya.

Masalah:

Kewajipan tasyahhud pertama dan pensyariatan berdoa di dalamnya.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w memerintahkannya dan bersabda, “Apabila kamu duduk pada setiap dua rakaat, maka katakanlah, ‘At-Tahiyyat...dst, dan hendaknya seorang daripada kamu memilih doa yang diinginkannya, maka berdoalah kepada Allah s.w.t dengan doa yang dikehendakinya.”

(HR. Ath-Thabrani dalam kitab AlKabir [3/55/1])

Zahir hadis ini menunjukkan atas pensyariatan berdoa pada setiap tasyahhud, bukan setelah salam, dan ini adalah pendapat Ibnu Hazm.

Kitab *Shifat Ash-Solat*, (hal. 160).

Masalah:

Apa yang dilakukan orang yang lupa tasyahhud pertama.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Mughirah bin Syu’bah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Apabila Imam berdiri pada rakaat kedua, dia ingat sebelum sempurna berdiri, maka hendaklah dia duduk, dan jika telah berdiri secara sempurna, maka jangan duduk dan sujud safari (sujud kerana lupa) dua kali.”

Hadis di atas menunjukkan bahawa seseorang yang telah berdiri dengan posisi sempurna, maka dia dilarang kembali untuk bertasyahhud, tetapi apabila belum berdiri secara sempurna, maka dia harus duduk.

Kitab *Shifat Ash-Solat* (575/1).

Masalah:

Boleh atau tidak memberi isyarat dalam solat kerana ada hajat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Apabila dimintai izin atas perempuan manakala dia sedang solat, maka izinnya adalah tepuk tangan.”

Hadis ini sahih dan sangat jelas menerangkan tentang bolehnya memberi isyarat izin dengan lafaz tasbih bagi kaum lelaki dan tepuk tangan bagi kaum wanita, maka bagaimana hal itu tidak dibolehkan memberi isyarat dengan tangan atau kepala?

Lihat kitab *Ash-Shahihah* no. 321.

Masalah:

Kewajipan memohon perlindungan daripada empat perkara sebelum berdoa

Jawapan:

Rasulullah s.a.w bersabda,

Apabila salah seorang daripada kamu selesai dari

tasyahud akhir, maka hendaklah dia memohon perlindungan daripada empat perkara, maka dia berdoa, "Ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu daripada azab Jahannam, daripada azab kubur, daripada fitnah hidup dan mati dan daripada fitnah Dajjal kemudian berdoa untuk dirinya dengan doa yang diinginkannya."

(HR. Al Baihaqi dalam As-Sunan AlKubra [2/247])

Kitab Shifat Ash-Solat halaman 182

Masalah:

Mencukupkan satu salam dalam solat

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi s.a.w hanya mengucapkan satu salam. Kesimpulannya adalah bahawa hadis ini *sahih*, dan ini adalah hadis yang paling *sahih* tentang satu salam dalam solat.

Kitab Ash-Sahihah (629/bah. II)

Masalah:

Kewajipan mengucapkan salam

Jawapan:

Mengucapkan satu salam adalah kewajipan yang tidak boleh diingkari, bersandarkan kepada hadis Nabi s.a.w,

"Dan penghalalannya (menyelesaikan solat) dengan salam." Dan dua salam itu sunah yang terkadang boleh ditinggalkan menurut hadis ini.

Kitab Ash-Shahihah (629/bah. II).

Masalah:

Apakah yang ditetapkan untuk lelaki dalam solat mencakup wanita?

Jawapan:

Sifat solat Nabi s.a.w yang telah diterangkan adalah berlaku untuk kaum lelaki -dan juga wanita, tidak ada hadis yang memberi pengecualian untuk wanita, bahkan Rasulullah s.a.w bersabda,

"Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat,"

Dan, tentu sahaja hal ini mencakupi kaum wanita. Inilah pendapat Ibrahim An-Nakha'i, dia berkata, "Dalam solat, wanita mengerjakan seperti apa yang dikerjakan oleh lelaki."

(HR. Ibnu Abu Syaibah [1/75] dengan sanad sahib)

Kitab Shifat Ash-Solat 89.

Masalah:

Petunjuk Nabi s.a.w tentang mengakhiri solat

Jawapan:

Pertama, Hanya mencukupkan satu salam

Kedua, daripada kanannya (melihat ke sebelah kanan) dengan mengucapkan, "As-salaamu alaikum warahmatullah" dan daripada sebelah kirinya (melihat ke sebelah kiri) dengan mengucapkan, "As-salaamu alaikum."

Ketiga, seperti sebelumnya, akan tetapi hanya menambah pada salam pertama di kalimat "Wabarakaatuh".

Kitab Ash-Shahihah (629/-630/bah. II).

C. SOLAT SUNNAH

Masalah:

Waktu solat malam

Jawapan:

Waktu solat malam adalah setelah solat Isyak sampai terbit fajar, hal ini berdasarkan pada sabda Rasulullah s.a.w,

“Sesungguhnya Allah menambah solat kepada kamu, iaitu solat witir, maka kerjakanlah solat witir itu antara solat Isyak sampai solat Fajar.

Masalah:

Keutamaan solat di akhir malam

Jawapan:

Solat di akhir malam lebih utama bagi orang yang merasa mudah melaksanakannya, berdasarkan hadis Nabi s.a.w,

“Sesiapa yang takut tidak (boleh) bangun di akhir malam, maka kerjakanlah solat witir di rumahnya, dan sesiapa bersikap keras bangun di akhir malam, maka kerjakanlah witir di akhir malam, kerana solat akhir malam disaksikan (oleh para malaikat) dan itu adalah lebih utama”

Kitab Qiyam Ramadan, hal. 26.

Masalah:

Pensyariatan solat malam bulan Ramadan dengan berjemaah.

Jawapan:

Apabila mungkin memilih antara solat di awal malam secara berjemaah dan solat di akhir malam secara sendirian, maka solat secara berjemaah adalah lebih utama; kerana ia dianggap solat semalam penuh.

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 26.

Masalah:

Manakah yang dianggap sunah dalam solat-solat sunah yang empat rakaat pada waktu siang, apakah dengan satu salam atau dua salam?

Jawapan:

Bahawa yang merupakan sunah dalam solat-solat yang

empat rakaat pada siang hari dikerjakan dengan satu salam, dan tidak salam pada setiap dua rakaat.

Kitab Ash-Sahihah (422/1).

Masalah:

Pensyariatan solat sunah dua rakaat setelah Asar.

Jawapan:

Sesungguhnya solat dua rakaat setelah Asar hukumnya sunah, apabila solat Asar dikerjakan bersamanya sebelum matahari menguning. Manakala Umar r.a. memukul orang yang mengerjakannya hanya merupakan ijтиhadnya yang disetujui oleh sebahagian sahabat dan ditentang oleh sebahagian yang lain termasuk Ummul Mukminin r.a. Setiap kelompok ada pendukungnya, maka wajib dikembalikan kepada Sunah, dan ia merupakan sunah tetap dan sahih berdasarkan riwayat Ummul Mukminin.

Kitab Ash-Sahihah (1013/6/bah. II).

Masalah:

Pensyariatan solat sunah sebelum Maghrib.

Jawapan:

Muazzin pada zaman Rasulullah s.a.w menyerukan azan yang berfungsi sebagai panggilan untuk solat, sehingga para sahabat Rasulullah yang ikut berperang solat dua rakaat sebelum Maghrib hingga menunggu Rasulullah s.a.w keluar sedang mereka sedang solat, lalu ada orang asing datang, dan dia menyangka bahawa solat telah selesai kerana ramai orang yang mengerjakan solat.”

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w tidak pernah meninggalkan solat dua rakaat sebelum fajar dan dua rakaat setelah Asar.”

(HR Ibnu Abu Syaibah di Mushannaf [2/352])

Dalam hadis ini terdapat nas yang jelas atas pensyariatan solat dua rakaat sebelum Maghrib kerana para

pembesar sahabat berlumba-lumba mengerjakannya, dan Nabi mengikrarkan perbuatan mereka."

Kitab Ash-Sahihah (425/1).

Masalah:

Jumlah solat yang dikerjakan antara Maghrib dan Isyak

Jawapan:

Ketahuilah bahawa setiap hadis yang menerangkan anjuran solat pada jumlah rakaat tertentu antara Maghrib dan Isya' adalah hadis-hadis yang tidak *sahih*, bahkan sebahagiannya lebih lemah daripada sebahagian yang lain. Yang benar adalah bahawa solat sunah pada waktu tersebut -yang berdasarkan perbuatan Nabi s.a.w-tanpa ditentukan jumlah rakaat. Manakala hadis yang berdasarkan perkataan Nabi s.a.w, semuanya sangat lemah, sehingga tidak boleh diikuti.

Kitab Adh-Daifah (680/1).

Masalah:

Pengukuhan solat sunah witir.

Jawapan:

Sesungguhnya Allah menambahkan solat kepada kamu, iaitu solat witir maka kerjakanlah solat witir antara solat isyak sampai solat fajar

Zahir perintah Nabi s.a.w adalah "Maka kerjakan solat witir menunjukkan atas wajibnya solat witir, oleh kerana itu ulama Hanafi berpendapat demikian walaupun berenggah dengan majoriti ahli fikih. Dan, sekiranya tidak ditetapkan dengan dalil-dalil qath'i bahawa solat-solat wajib sepanjang siang dan malam itu hanya lima waktu, maka pendapat ulama Hanafi lebih dekat kepada kebenaran. Oleh kerana itu, kita harus berpendapat bahawa perintah di sini tidak menunjukkan atas wajib akan tetapi untuk menguatkan anjuran.

Kitab Ash-Sahihah (172/1).

Masalah:

Hukum solat kusuf

Jawapan:

Al Hafidz Ibnu Hajar berkata dalam *Al Fath* (2/527): Jumhur ulama berpendapat bahawa solat kusuf hukumnya sunah *muakkadah*. Abu Awanah dalam *Sahih*-nya berpendapat wajib. Dan, saya tidak melihat pendapat Abu Awanah telah dikatakan oleh orang lain kecuali apa yang diceritakan daripada Malik bahawa dia menempatkan solat kusuf seperti solat Jumaat. Zain bin Munir menukil daripada Abu Hanifah bahawa dia mewajibkannya, begitu juga sebahagian pengarang daripada ulama Hanafiyah menukil bahawa hal itu hukumnya wajib.

Saya berpendapat (Syeikh) bahawa inilah yang lebih *rajih* dalilnya.

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 261.

Masalah:

Apakah boleh bacaan dalam solat kusuf secara lirih

Jawapan:

Yang telah ditetapkan bahawa solat kusuf dilakukan oleh Nabi s.a.w hanya satu kali. Dan, benar bahawa baginda membacanya dengan suara yang keras sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al Bukhari, dan tidak ada hadis *sahih* yang mencabarnya, jika ada, maka ia merupakan pendapat yang *marjuh*.

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 263.

Masalah:

Pengharaman bergegas melaksanakan solat sunah setelah solat fardu tanpa bicara atau keluar.

Jawapan:

Dari Abdullah bin Rabah daripada seorang lelaki daripada sahabat Nabi s.a.w, "Bahawa Rasulullah s.a.w, melaksanakan solat Asar, maka seorang lelaki berdiri untuk melaksanakan solat (sunah), dan Umar r.a. melihatnya, lalu dia berkata kepada orang itu, 'Duduklah, kerana ahlul kitab binasa sebab tidak ada renggang waktu (pemisah) pada solat mereka.' Maka Rasulullah s.a.w bersabda,

"Ibnu al-Khattab benar."

(HR. Ahmad [5368])

Hadir ini merupakan nas yang jelas tentang pengharaman bergegas melaksanakan solat sunah setelah solat fardu tanpa berbicara terlebih dahulu atau keluar.

Kitab Ash-Sahihah (105/6/bah. II).

Masalah:

Jumlah rakaat tarawih sebagaimana ditetapkan di dalam sunah.

Jawapan:

Rakaatnya berjumlah sebelas rakaat, kami memilih tidak melebihinya kerana mengikuti Rasulullah s.a.w, kerana baginda tidak melebihkannya sehingga meninggal dunia. Aisyah r.a. pernah ditanya tentang solat Rasulullah s.a.w pada bulan Ramadan, maka dia menjawab, "Rasulullah pada bulan Ramadan dan juga pada bulan yang lain tidak melebihi daripada sebelas rakaat. Baginda solat empat rakaat, jangan ditanya kebagusannya dan panjangnya, kemudian solat empat rakaat, jangan ditanya kebagusannya dan panjangnya, kemudian solat tiga rakaat." (HR. Syeikhani dan lainnya, dan hadis ini di-takhrij pada pembahasan tentang solat tarawih, hal. [20/21])

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 22.

Masalah:

Kadar panjang bacaan dalam solat malam bulan Ramadan dan yang lain.

Jawapan:

Nabi s.a.w tidak membatasi panjang bacaan dalam solat malam baik pada bulan Ramadan atau yang lain, tetapi tidak terlalu berlebihan dan tidak terlalu sedikit, bacaan yang ada berbeza-beza panjang dan pendeknya. Kadang-kadang membaca pada setiap rakaat seukuran surah Al Muzammil; iaitu sekadar dua puluh ayat dan kadang-kadang sekadar lima puluh ayat.

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 23-24.

Masalah:

Tempat membaca qunut dalam solat

Jawapan:

Setelah selesai bacaan solat dan sebelum ruku', dan boleh juga dijadikan bacaan qunut setelah ruku'.

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 31.

Masalah:

Hukum orang yang membaca pada rakaat witir selain surah "qul huwallahaad."

Jawapan:

Telah diriwayatkan hadis *sahih* daripada Nabi s.a.w bahawa baginda pernah suatu kali membaca pada rakaat witir seratus ayat daripada surah An-Nisaa'.

(HR. Ahmad dengan sanad sahib)

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 30.

Masalah:

Apa yang dilakukan oleh orang yang lupa mengerjakan solat witir atau tertidur?

Jawapan:

Dari Aghar Al Muzni r.a., bahawa seorang lelaki datang berjumpa Rasulullah s.a.w, maka dia berkata, "Wahai Nabi Allah, sesungguhnya aku bangun awal manakala aku belum solat witir," Baginda menjawab,

"Sesungguhnya witir itu (dikerjakan) pada malam hari." Lalu dia berkata, "Wahai Nabi Allah, aku bangun awal manakala aku belum solat witir" Lalu baginda menjawab, "Maka kerjakanlah solat witir."

(HR. Ath-Thabrani dalam AlKabir[891])

Pemberian waktu untuk solat witir seperti pemberian waktu solat lima waktu, namun hal ini berlaku untuk yang tidak tidur, manakala bagi orang yang tertidur atau kelupaan, maka dia mengerjakan solat witir ketika bangun walaupun setelah fajar.

Kitab *as-Sahihah* (289/4).

Masalah:

Apa yang dibaca pada solat sunah dan solat fardu fajar?

Jawapan:

Sunahnya dalam solat sunah fajar membaca, "Qul yaa ayyuhal kaafiruun" dan "Qul huwallahu ahad", manakala dalam solat fardunya membaca enam puluh ayat atau lebih.

4

Solat Jemaah

A. SOLAT JEMAAH

Masalah:

Hukum menertibkan dan meluruskan saf dalam solat jemaah.

Jawapan:

Wajib menertibkan dan meluruskan saf, meratakannya dan meluruskannya, kerana ada perintah atas hal tersebut, dan dasar perintah itu untuk menunjukkan wajib kecuali ada *qaririah*, sebagaimana yang ditetapkan di dalam permasalahan pokok. Dan, *qarinah* di sini mengukuhkan kewajipannya, iaitu sabda Rasulullah s.a.w,.. atau *Allah memecahkan di antara hati kalian*.

Ancaman seperti itu tidak dikatakan pada hal yang tidak wajib. Tentu hal ini sangat jelas.

Kitab *Ash-Sahihah* (40/21).

Masalah:

Hukum solat jemaah

Jawapan:

Di antara dalil-dalil yang menunjukkan atas kewajipan

nya adalah firman Allah s.w.t,

"Dan apabila kamu berada di tengah-tengah mereka (sahabatmu), lain kamu hendak mendirikan solat bersama-sama mereka, maka hendaklah segolongan daripada mereka berdiri (solat) bersertamu...." (An-Nisaa' (4): 102). Iaitu daripada dua sisi:

Pertama, Allah s.w.t memerintahkan mereka solat berjemaah bersama Nabi s.a.w dalam keadaan takut, itu bererti dalil atas kewajipannya adalah dalam keadaan takut, jika dalam keadaan takut sahaja diwajibkan, maka bagaimana ketika dalam keadaan aman.

Kedua, Allah s.w.t mensunahkan solat dalam keadaan takut dikerjakan secara jemaah, di dalamnya diperbolehkan apa yang tidak dibolehkan kecuali ada uzur, seperti membelakangi kiblat dan banyak bergerak, kerana hal tersebut tidak dibolehkan menurut kesepakatan ulama, begitu juga memisahkan diri daripada imam sebelum salam, hal ini juga menurut jumhur ulama. Demikian halnya ketika tertinggal mengikuti imam sebagaimana tertinggalnya saf yang terakhir setelah ruku' bersama imam, apabila musuh di hadapan mereka. Hal ini yang membatalkan solat, jika dikerjakan tanpa uzur. Jika solat jemaah tidak wajib tetapi hanya berupa anjuran sahaja, maka ianya sama dengan melakukan perbuatan yang dilarang dan membatalkan solat, dan yang wajib dalam solat telah ditinggalkan hanya untuk mengerjakan pekerjaan yang sunah (dianjurkan), manakala sangat memungkinkan mereka mengerjakan solat sendiri-sendiri dalam bentuk pelaksanaan yang sempurna, maka dari pada sini diketahui bahawa solat jemaah, hukumnya wajib.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 276-277.

Masalah:

Di mana posisi berdiri makmum yang sendirian daripada imam?

Jawapan:

Seseorang apabila bermakmum dengan seseorang, maka dia berdiri tidak mendahului dan juga tidak membelaangi, kerana sekiranya terjadi demikian, nescaya telah dinukil oleh perawi, lebih-lebih lagi sebahagian sahabat telah berulang kali mengikuti Nabi s.a.w (dalam solat). Al Bukhari telah menterjemahkan hadis Ibnu Abbas dalam bab "Berdiri di Kanan Imam Sejajar dengan Separuhnya, apabila hanya berdua."

Kitab *Ash-Sahihah* (221/1).

Masalah:

Siapa di antara kamu yang lebih berhak menjadi imam?

Jawapan:

Di sana terdapat hadis-hadis sahih yang menjelaskan orang yang paling berhak menjadi imam seperti hadis Abu Mas'ud Al Badri yang marfu', "Orang yang mengimami kaum adalah orang yang paling pandai bacaan Al-Qurannya, maka jika mereka dari segi bacaan sama darjatnya, maka orang yang paling pandai terhadap sunah, dan jika kepandaianya dalam sunah sama, maka orang yang paling dahulu hijrah, dan jika sama dalam hijrah, maka orang yang lebih tua usianya."

(HR. Muslim)

Kitab *Ash-Sahihah* (77/2).

Masalah:

Apakah makruh orang yang uzur mengimami orang sihat?

Jawapan:

Tidak ada alasan untuk memakruhkannya apabila tercukupi syarat-syarat yang paling berhak menjadi imam.

Kami tidak melihat perbezaan antara orang uzur dengan orang buta yang tidak mungkin menghindar daripada air kencing seperti menghindarnya orang yang melihat, dan orang duduk yang tidak mampu berdiri yang merupakan rukun solat, kerana kedua-duanya telah melakukan apa yang dia mampu, dan Allah berfirman,

“Allah tidak membebani seseorang kecuali sesuai dengan kesanggupannya.”

(Al-Baqarah (2): 286)

Masalah:

Hukum anak-anak kecil berdiri di sisi orang-orang dewasa

Jawapan:

Menurut saya, tidak mengapa anak-anak berdiri di sisi orang-orang dewasa, apabila shafnya luas. Solatnya anak yatim bersama Anas r.a. di belakang Nabi s.a.w, merupakan hujah atas hal tersebut.

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 284.

Masalah:

Tidak disyariatkan menarik seseorang daripada saf.

Jawapan:

Tidak boleh mengatakan bahawa menarik seseorang daripada saf agar dia berdiri di saf bersamanya merupakan hal yang disyariatkan, kerana hal itu bererti mensyariatkan tanpa nas, dan ini tidak dibolehkan bahkan yang wajib baginya bergabung dengan saf, jika memungkinkan, jika tidak memungkinkan, maka dia solat sendiri dan solatnya dianggap sah; kerana Allah berfirman, “Allah tidak membebani seseorang kecuali sesuai dengan kesanggupannya.”

(Al-Baqarah (2): 286)

Kitab Adh-Dha'ifah (322/1)

Masalah:

*Hukum perkataan imam ketika makmum berbaris,
“Solatlah seperti solatnya orang yang berpamitan.”*

Jawapan Syeikh: Sebahagian imam telah terbiasa memerintahkan orang-orang yang solat ketika mereka berbaris untuk solat dengan sebahagian kalimat yang tercantum di dalam hadis seperti perkataan,

“Solatlah seperti solatnya orang yang berpamitan”,

Menurut saya tidak mengapa pada sebahagian waktu, tetapi jika dijadikan kebiasaan akan menjerumuskan kepada perbuatan bidaah.

Kitab Ash-Shahiha (821/6/bah. I).

Masalah:

Apa yang diperbuat oleh orang yang masuk ke dalam masjid manakala orang lain sedang ruku’?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Atha' -Semoga Allah melimpahkan rahmat kepadanya- bahawa dia mendengar Abdullah bin Zubair r.a. berkata di atas mimbar,

“Apabila salah seorang daripada kamu masuk ke masjid manakala orang-orang sedang ruku’, maka hendaklah dia ruku’ di mana dia masuk, lalu maju sambil ruku’ sehingga masuk ke dalam saf, kerana hal itu adalah sunah.”

Di antara bukti kesahihan hadis ini adalah perbuatan sahabat setelah Nabi s.a.w wafat, di antara mereka adalah Abu Bakar Ash-Shiddiq, Zaid bin Tsabit, Abdullah bin Mas'ud dan Abdullah bin Zubair.

Kitab Ash-Shahihah (418/1).

Masalah:

Apa maksud larangan di dalam hadis Abu Bakrah, "Semoga Allah menambahkan kesungguhanmu dan tidak terhitung (Kurnia mu)"

Jawapan:

Larangan itu tidak termasuk menghitung bilangan rakaat dan ruku' tanpa saf. Larangan itu hanya khusus untuk tergesa-gesa, kerana bercanggah dengan ketenangan dan kekhusyukan, demikian Imam Asy-Syafie menafsirkannya.

Kitab Ash-Sahihah (418/1).

Masalah:

Pensyariatan mengingatkan imam

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdurrahman bin Abzi r.a., bahawa Nabi s.a.w lupa satu ayat, maka ketika baginda berkata setelah selesai solat,

"Apakah Ubay ada di antara kaum? Kemarilah Ubay! Ayat begini telah dinasakh atau kamu lupa?" Dia menjawab, "Ya, saya lupa."

Di dalam hadis ini terdapat dalil yang jelas yang membolehkan mengingatkan imam yang ragu dalam bacaannya, manakala pendapat sebahagian mazhab bahawa orang yang mengikuti imam apabila ingin mengingatkan imamnya, hendaknya dia berniat membaca adalah pendapat yang tidak perlu diceritakan tentang bantahannya.

Kitab Ash-Sahihah (160/6/bah. I).

Masalah:

Sunahnya makmum mengucapkan "amiin" dengan suara keras di belakang imam.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Aisyah, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesungguhnya orang-orang Yahudi adalah orang-orang yang pendengki dan mereka selalu mendengki kita atas segala sesuatu sebagaimana mereka mendengki kita atas ucapan salam dan amin."

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a., bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

"Sesungguhnya orang-orang Yahudi mendengki atas ucapan salam dan ucapan amiin."

Di dalam dua hadis ini terdapat isyarat yang kuat tentang sunahnya para makmum mengucapkan, "amiin" dengan suara keras di belakang imam; kerana mengejarkan suara dengan ucapan amiin yang menimbulkan ingatan kepada orang-orang Yahudi, dan menghantarkan mereka bersikap dendki seperti melantangkan suara dalam mengucapkan salam sebagaimana yang terlihat. Maka perhatikanlah!

Kitab Ash-Sahihah (307/2).

Masalah:

Hukum membaca Al Faatihah di belakang imam

Jawapan:

Dari dulu sampai sekarang, ulama berselisih pendapat tentang membaca Al Faatihah di belakang imam, pendapat mereka terbahagi kepada tiga:

- I. Wajib membacanya baik dalam solat zahiriyyah (Maghrib, Isyak dan Subuh) atau solat sirriyyah (Zuhur dan Asar).
- II. Wajib diam pada kedua jenis solat itu.
- III. Membacanya pada Solat sirriyyah dan tidak pada solat jahriyyah.

Pendapat yang terakhir ini adalah pendapat yang lebih tepat, dan lebih mendekati kepada kebenaran. Pendapat ini dikuatkan oleh seluruh dalil-dalil yang tidak dapat dibantah sedikit pun. Ini adalah mazhab Imam Malik dan Ahmad, dan juga ditarjih oleh sebahagian ulama Hanafiyyah di antaranya Abu Hasan Al Kuwi.

Kitab Ash-Sahihah (42/2).

Masalah:

Apakah setelah membaca Al Faatihah, imam diam panjang untuk menunggu bacaan maknum?

Jawapan:

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dalam *Al Fataawa* (2/146-147) berkata Imam Ahmad tidak menganjurkan imam diam untuk menunggu bacaan maknum, akan tetapi sebahagian sahabatnya menganjurkan demikian. Sebagaimana telah diketahui bahawa sekiranya Nabi s.a.w diam seukuran bacaan Al Faatihah, nescaya hal ini akan dinukil oleh mereka, dan kerana tidak ada seorangpun yang menukilnya, maka diketahui bahawa baginda tidak melakukannya, dan sekiranya para sahabat membaca Al Faatihah di belakang Nabi s.a.w ketika Nabi diam yang pertama atau yang kedua (kerana menunggu maknum selesai membaca Al Faatihah), nescaya hal ini juga akan mereka nukil, tetapi tidak ada seorang sahabatpun yang menukil bahawa mereka membaca Al Faatihah pada dua waktunya tersebut. Di samping itu sekiranya hal itu disyariatkan, nescaya para sahabat adalah orang yang paling berhak mengetahuinya. Daripada sini diketahui bahawa itu adalah bid'ah.

Saya katakan bahawa di antara yang menguatkan bahawa Nabi s.a.w tidak diam adalah perkataan Abu Hurairah r.a., "Rasulullah s.a.w apabila bertakbir untuk solat berdiam sejenak, maka aku bertanya, 'Ya Rasulullah,

Apa yang engkau baca antara takbir dan bacaan Al Faatihah? Baginda menjawab, "Aku membaca,

Ya Allah, jauhkanlah antara aku dan dosa-dosaku'.

Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya Rasulullah s.a.w diam setelah Al Faatihah, nescaya mereka akan menanyakannya sebagaimana mereka menanyakan hal tersebut.

Kitab Adh-Dha'ifah, (26/2).

Masalah:

Pensyariatan imam mengangkat suara ketika mengucapkan, "Amin" bagi imam.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w apabila selesai membaca ummul Qufan (Al Faatihah), mengangkat suaranya dan mengucapkan, "Amin."

(HR. Ibnu Hibban [426])

Dalam hadis tersebut terdapat pensyariatan mengangkat suara bagi imam ketika mengucapkan, "Amin." Pendapat ini dikatakan oleh Asy-Syafi'i, Ahmad dan Ishak yang bercanggah dengan pendapat Abu Hanifah dan para pengikutnya.

Masalah:

Hukum melazimkan bacaan surah Al Jum'ah dan surah Al Munafiqun dalam solat Maghrib dan Isya' pada malam Jumaat.

Jawapan:

Melazimkan dua surah tersebut pada waktunya merupakan perbuatan bidaah, dan itulah yang banyak dilakukan oleh imam-imam masjid.

Kitab Ad-Daifah (35/2).

Masalah:

Sunahnya mengakhirkan saf wanita daripada kaum lelaki dalam solat.

Jawapan:

Termasuk sunah mengakhirkan wanita daripada kaum lelaki dalam saf solat, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al Bukhari dan yang lain daripada Anas bin Malik, dia berkata, "Aku (pernah melakukan solat berjemaah) di belakang Nabi s.a.w, aku dan seorang anak yatim (melakukan solat) di rumah kami di belakang Nabi s.a.w dan ibuku serta Ummu Sulaim di belakang kami."

Al Hafidz Ibnu Hajar dalam kitab *Syarh-nya* (2/177) berkata, "Dalam hadis ini terdapat dalil bahawa wanita tidak boleh sejajar safnya dengan kaum lelaki, dasarnya adalah dikhuatirkan terjadinya fitnah, namun jika wanita menyalahinya, maka solatnya tetap sah menurut jumhur.

Kitab *Adh-Daifah* (32).

Masalah:

Larangan berbaris di antara pagar dalam solat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Mu‘awiyah bin Qurrah dari-pada bapanya, dia berkata, "Kami dilarang berbaris di antara pagar pada zaman Nabi s.a.w dan kami diusir darinya."

Hadis ini merupakan nas yang jelas agar tidak membuat saf di antara pagar, dan yang wajib adalah maju atau berundur kecuali jika dalam keadaan terpaksa.

Kitab *Ash-Sahihah* (590/1),

Masalah:

Apakah ada keringanan meninggalkan solat jema‘ah demi pekerjaan?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Fadhalah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w mengajarkan aku, dan di antara yang diajarkan kepadaku adalah, "Jagalah solat lima waktu," maka aku berkata, "Ketika ini, aku ada pekerjaan yang perlu dilakukan, maka perintahkanlah kepadaku suatu perintah yang lengkap (menghimpun kedua-duanya), yang apabila aku kerjakan, maka aku mendapat ganjaran", baginda bersabda, "Jagalah solat dua asar (iaitu solat sebelum terbit matahari dan solat sebelum terbenam)."

Al Hafidz berkata, "Hadis ini *sahih*, manakala dalam *matannya* terdapat masalah; kerana daripada hal tersebut memberi persangkaan bolehnya mencukupkan hanya dua Asar sahaja, dan mungkin makna ini dapat diguna pada solat jemaah, seakan-akan Nabi s.a.w memberi keringinan dalam meninggalkan sebahagian solat jemaah, tetapi bukan sengaja meninggalkannya (tidak mengerjakannya).

Syeikh berkata, "Keringanan itu adalah kerana adanya pekerjaan yang perlu dilakukan sebagaimana yang dikatakan oleh hadis itu sendiri."

Masalah:

Bila maknum disyariatkan untuk bersujud di belakang imam?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Barra' bin Azib r.a. bahawa mereka (sahabat) melaksanakan solat bersama Rasulullah s.a.w, apabila baginda ruku', maka mereka ruku' dan apabila baginda berkata, "Sami‘allahu liman hamidah", maka mereka masih tetap berdiri sampai mereka melihatnya telah meletakkan wajahnya (di dalam lafaz lain menggunakan kata, "Keningnya") di bumi kemudian mereka mengikutinya."

(HR. Muslim [46])

Dalam hadis ini terkandung adab solat; termasuk perbuatan sunah adalah makmum menunggu sujud sampai imam meletakkan keningnya di atas bumi, kecuali jika dia mengetahui bahawa jika dia mengakhirkan sebatas ini, maka imam telah bangun daripada sujudnya sebelum dia sujud.

Para sahabat kami mengatakan, "Di dalam hadis ini dan hadis yang lain mengandungi pengertian bahawa pengakhiran sujudnya makmum daripada imam adalah sunah, hal ini agar makmum melaksanakan rakaat solat setelah imam dan sebelum imam menyelesaikannya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh An-Nawawi dalam *Syarah Muslim*.

B. SOLAT JUMAAT

Masalah:

Jumlah jemaah sehingga solat Jumaat terlaksana.

Jawapan:

Dalam hal ini para ulama berselisih pendapat sehingga sampai kepada lima belas pendapat. Imam Syaukani berkata di dalam kitab *As-Sail Al Jarar* (1/298):

"Semua pendapat-pendapat itu tidak ada satupun yang didasari oleh dalil kecuali pendapat yang mengatakan bahawa jumlah jemaah solat Jumaat adalah seperti jemaah solat biasa." Menurut saya inilah pendapat yang benar, *insya Allah*.

Kitab *Adh-Dha'ifah* (249/3).

Masalah:

Solat apa yang dikerjakan oleh orang yang ketinggalan solat Jumaat?

Jawapan:

Jumaat adalah kewajipan daripada Allah s.w.t, yang

diwajibkan atas hamba-hamba-Nya, dan apabila tertinggal solat Jumaat kerana ada uzur, maka harus ada dalil yang menunjukkan atas wajibnya solat Zuhur. Dan di dalam hadis Ibnu Mas'ud, dikatakan, "Barang siapa yang tertinggal solat dua rakaat (Jumaat) maka kerjakanlah solat empat rakaat (zuhur).

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang tertinggal solat Jumaat maka dia mesti mengerjakan solat Zuhur.

Masalah:

Hukum solat Jumaat pada hari raya?

Jawapan:

Bahawa Nabi s.a.w pernah solat raya, dan meringankan (untuk tidak melaksanakan solat) Jumaat, maka baginda bersabda,

"Sesiapa yang tertinggal solat dua rakaat (Jumaat) maka kerjakanlah solat empat rakaat (Zuhur)." Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang tertinggal solat Jumaat, maka dia mesti mengerjakan solat Zuhur. Kitab Al Ajwibah An-Nafi'ah, hal. 82-83

"Maka sesiapa yang ingin mengerjakan, maka kerjakanlah (solat Jumaat):"

Hadis ini menunjukkan bahawa solat Jumaat setelah solat raya menjadi keringanan bagi setiap manusia, maka jika semua manusia meninggalkannya bererti mereka telah melaksanakan keringanan itu, dan jika sebahagianya mengerjakan, maka dia berhak mendapat ganjaran, manakala itu tidak wajib baginya tanpa perbezaan antara imam dan yang lainnya. Hadis ini telah disahkan oleh Ibnu Al Madini dan An-Nawawi, Ibnu Al Jauzi berkata, "Ini adalah hadis yang paling sahih dalam permasalahan ini."

Abu Daud, Nasa'i dan Hakim telah mengeluarkan hadis

daripada Wahab bin Kisan, dia berkata, "Pada zaman Ibnu Zubair bertemu dua raya maka dia melambatkan keluar sehingga matahari meninggi, lalu dia keluar (untuk solat) kemudian berkhutbah, maka dia memanjangkan khutbah, kemudian turun (dari mimbar), lalu solat, dan manusia tidak solat Jumaat pada hari itu. Maka dia menceritakan hal tersebut kepada Ibnu Abbas r.a., maka dia berkata, "Dia telah mendapatkan sunah" perawi berpendapat atsar ini adalah sahih.

Semua yang telah kami sebutkan menunjukkan bahawa solat Jumaat setelah solat raya merupakan keringanan bagi setiap orang, dan Ibnu Zubair telah meninggalkannya pada masa kekhilafahannya sebagaimana kisah yang lalu, dan tidak ada seorang sahabat pun yang mengingkarinya.

Kitab *Al Ajwibah An-Nafi'ah*, hal 87-88.

Masalah:

Pensyariatan membaca, "Qaaf, wal qur'aanil majiid" dalam khutbah Jumaat.

Jawapan:

Saya tidak mengambil "Qaaf, wal qur'aanil majiid" kecuali daripada lisan Rasulullah s.a.w yang membacanya setiap hari Jumaat di atas mimbar apabila baginda berkhutbah di hadapan manusia."

(HR. Muslim)

Dalam hadis ini terdapat dalil atas pensyariatan membaca satu surah atau sebahagiannya dalam khutbah setiap Jumaat, dan kebiasaan Rasulullah s.a.w membaca surah ini merupakan pilihan darinya, kerana sangat baik memberi nasihat dan peringatan, dan di dalam hadis itu pula terdapat dalil yang menunjukkan atas pengulangan nasihat dalam khutbah.

Masalah:

Hukum solat tahiyyatul masjid ketika khatib sedang berkhutbah.

Jawapan:

Inti yang disimpulkan daripada dalil-dalil adalah bahawa berbicara ketika khutbah berlangsung merupakan perbuatan yang dilarang secara umum, tetapi *di-takhsish* dalam solat ini kerana terjadi perkataan dalam solat *tahiyyatul masjid* seperti membaca Al Faatihah, tasbih, tasyahhud dan doa. Dan, hadis-hadis yang *men-takhsis* untuk hal seperti ini adalah sahih. Maka tidak perlu ragu-ragu bagi orang yang masuk masjid ketika khutbah berlangsung untuk solat dua rakaat *tahiyyatul masjid*, jika ingin melaksanakan perbuatan *sunah muakkadah* (sangat dianjurkan) ini dan memenuhi apa yang ditunjukkan oleh dalil-dalil, kerana Nabi s.a.w memerintahkan Sulaik Al Ghathafani ketika tiba di masjid pada waktu khutbah berlangsung, lalu langsung duduk dan tidak mengerjakan solat *tahiyyatul masjid*, agar berdiri dan melaksanakan solat *tahiyyat*. Hal itu menunjukkan bahawa solat tersebut termasuk hal yang sangat dianjurkan bahkan termasuk kewajipan yang perlu dilaksanakan.

Di antara yang *men-takhsis* solat *tahiyyat* adalah hadis, "Apabila salah seorang daripada kamu datang (ke masjid) pada hari Jumaat manakala imam sedang berkhutbah, maka kerjakanlah solat dua rakaat."

Hadis *Sahih*, kandungan nas masih dipertikaikan. Kitab *Al Ajwibah An-Nafi'ah*, hal. 104-105.

Masalah:

Apakah Jumaat mempunyai solat qabliyyah?

Jawapan:

Semua hadis tentang solat sunah Nabi s.a.w sebelum

Jumaat tidak ada yang *sahih* sama sekali, sebagianya lebih lemah daripada yang lainnya. Sabda Rasulullah s.a.w,

“Apabila salah seorang daripada kamu solat Jumaat, maka solatlah empat rakaat setelahnya.”

(HR. *Muttafaq Alaih*)

Hadis di atas mengisyaratkan bahawa tidak ada solat sunah sebelum Jumaat. Maka jika sebelumnya ada solat sunah, nescaya dia menyebutkannya di dalam hadis ini bersama yang sunah setelahnya, kerana hadis ini merupakan tempat yang paling tepat untuk menyebutkannya.

Kitab *Al Ajwibah An-Nafi’ah*, hal. 46-63-65.

Masalah:

Apa yang dilakukan oleh orang yang masuk masjid pada hari Jumaat sebelum imam naik mimbar?

Jawapan:

Yang dianjurkan bagi orang yang masuk masjid pada hari Jumaat bila-bila masa, agar melaksanakan solat sebelum duduk solat yang dikehendaknya baik solat sunah mutlak tidak terikat dengan jumlah rakaat dan waktu sampai imam keluar (datang). Adapun duduk ketika masuk setelah solat *tahiyyat* atau sebelumnya. Maka apabila muazzin mengumandangkan azan yang pertama, manusia solat empat rakaat adalah termasuk suatu perbuatan yang tidak ada dasarnya di dalam sunnah bahkan ini adalah perkara yang baru dan hukumnya sangat jelas.

Kitab *Al Ajwibah An-Nafi’ah*, hal. 65.

Masalah:

Azan yang manakah yang haram dikerjakan pada hari Jumaat?

Jawapan:

Ulama berselisih pendapat tentang azan yang haram dikerjakan, apakah azan yang pertama atau yang terakhir? Azan yang benar adalah azan yang dikumandangkan di mana imam berada di atas mimbar; kerana pada zaman Nabi s.a.w tidak ada azan selain itu.”

Kitab *Adh-Dha’ifah* (331/5).

Masalah:

Apakah Nabi s.a.w bersandar pada tongkat ketika berada di atas mimbar?

Jawapan:

Kesimpulannya adalah bahawa tidak tercantum di dalam hadisnya bahawa Nabi s.a.w bersandar pada tongkat atau busur ketika baginda berada di atas mimbar. Maka tidak sah membantah Ibnu Qayim dalam perka-taannya: “Sesungguhnya Nabi s.a.w dinaikkan dengan pedang dan tidak ada busur selainnya”, yang zahir dari-pada hadis-hadis itu adalah bersandar pada busur, apabila berkhutbah di atas tanah, -*wallahu a’lam-*

Kitab *Adh-Dha’ifah* (381/2).

Masalah:

Hukum khutbah Jumaat.

Jawapan:

Yang benar hukumnya wajib.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 332.

Masalah:

Bagaimana melaksanakan solat sunah ba’diyyah (setelah solat Jumaat)?

Jawapan:

Sabda Rasulullah s.a.w, “Sesiapa di antara kamu solat

setelah Jumaat, maka kerjakanlah empat rakaat.”

(HR. Muslim dan lainnya)

Di dalam hadis itu tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa empat rakaat itu dikerjakan di masjid, dan hadis sahih yang sudah terkenal:

“Solat seseorang yang paling utama adalah di rumahnya kecuali solat-solat fardu.”

Maka jika seseorang solat setelah Jumaat dua rakaat atau empat rakaat boleh dilakukan di masjid, tetapi di rumah adalah lebih utama berdasarkan hadis sahih ini.

C. SOLAT AIDIL FITRI DAN AIDIL ADHA

Masalah:

Hukum solat aidil fitri dan aidil adha.

Jawapan:

Nabi s.a.w selalu mengerjakannya, dan memerintahkan kaum lelaki dan perempuan keluar untuk melaksanakannya.

Perintah di atas menunjukkan atas wajibnya solat tersebut. Yang benar, hukumnya wajib bukan hanya sekadar sunah. Di antara dalil-dalil yang menunjukkan atas kewajipannya adalah bahawa solat aidil tersebut menggugurkan solat Jumaat, apabila kedua-duanya jatuh pada hari yang sama, kerana sesuatu yang tidak wajib tidak dapat menjatuhkan kewajipan sebagaimana yang dikatakan oleh Shidiq Khan di dalam “Ar-Raudah An-Niddiyah.”

Kitab Tamamul Al Minnah, hal. 344.

Masalah:

Pensyariatan takbir secara keras di jalan menuju ke tempat solat pada hari aidil

Jawapan:

“Nabi s.a.w keluar pada hari raya aidil fitri, maka bertakbir hingga sampai ke tempat solat, dan sampai selesai solat, apabila baginda telah menyelesaikan solat, maka baginda memberhentikan takbir.

Di dalam hadis itu terdapat pensyariatan apa yang biasa dikerjakan oleh kaum Muslimin, iaitu bertakbir dengan suara keras sambil berjalan menuju ke tempat solat, walaupun sebahagian mereka mulai meremehkan sunah ini.

Masalah:

Apakah disyariatkan berkumpul untuk takbir dengan satu suara.

Jawapan:

Menyuarkan takbir secara bersama dengan suara yang keras tidak disyariatkan sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian orang, begitu juga setiap zikir yang dibolehkan atau tidak dibolehkan untuk mengangkat suara, tidak disyariatkan dengan cara bersama.

Kitab Ash-Shahihah (281/1).

Masalah:

Wajib menyembelih korban setelah solat dan tidak sah sebelumnya.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w bahawa baginda bersabda pada hari aidil Adha,

“Sesiapa yang menyembelih -saya kira baginda mengatakan sebelum solat, maka hendaklah ia mengulang sembelihannya.”

Apa yang terkandung di dalam hadis ini dapat diterjemahkan bahawa tidak boleh menyembelih korban sebelum

solat aidil dan sesiapa yang mengerjakannya, maka dia wajib mengorbankan haiwan yang lain.

Masalah:

Diperbolehkan korban dengan domba, dan tidak boleh dengan kambing kacangan.

Jawapan:

Anak kambing kacangan tidak boleh dipakai untuk berkorban, dan ini berbeza dengan anak domba, kerana ia dibolehkan berdasarkan hadis-hadis sahih.

Masalah:

Apakah disunnahkan mengangkat tangan pada setiap takbir?

Jawapan:

Yang benar dikatakan bahawa hal itu tidak disunnahkan, kerana perbuatan itu tidak ditetapkan kebenarannya bersumber dari Rasulullah s.a.w.

E. SOLAT SAFAR (DALAM BEPERGIAN)

Masalah:

Pembolehan bepergian hari Jumaat.

Jawapan:

Di dalam sunah sama sekali tidak ada yang melarang bepergian pada hari Jumaat bahkan diriwayatkan daripada Nabi s.a.w bahawa baginda bepergian pada hari Jumaat di awal siang. Dasar yang dipakai adalah lemah kerana hadis tersebut mursal.

Masalah:

Dilarangnya melakukan solat dua rakaat ketika bepergian.

Jawapan:

An-Nawawi berkata, ‘Dianjurkan bagi orang yang akan bepergian melaksanakan solat dua rakaat; hal itu perlu

ditinjau kembali; kerana anjuran dalam hukum syari’i tidak boleh disandarkan kepada hadis da’if; kerana hadis tersebut tidak memberikan faedah kecuali persangkaan yang mengarah kepada ketidakbenaran, sementara hukum-hukum syara’ sedikitpun tidak ditetapkan atas dasar sangkaan yang lemah, dan solat yang dimaksudkan juga tidak bersumber daripada Nabi s.a.w, dengan demikian, maka hal ini tidak disyariatkan, hal ini berbeza dengan melaksanakan solat ketika kembali, walaupun hukumnya hanya Sunah.

Masalah:

Solat safar tidak terbatas hanya empat rakaat

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata, ‘Dulu solat safar hanya diwajibkan dua rakaat, kemudian setelah Nabi s.a.w berhijrah, solat tersebut diwajibkan empat rakaat, dan setelah itu, solat safar dibiarkan atas dasar yang pertama (dua rakaat).’

Hadis-hadis yang telah lalu menunjukkan bahawa solat safar merupakan dasar untuk dirinya sendiri, dan ia tidak hanya terbatas pada solat-solat empat rakaat, sebagaimana yang dikatakan oleh sebahagian orang. Dalam hal ini ia seperti solat aidil Fitri dan aidil Adha dan yang sama sepertinya, sebagaimana yang dikatakan oleh Umar r.a., ‘Solat safar, solat aidil Fitri, solat Idul Adha dan solat Jumaat dua rakaat sempurna bukan ringkasan melalui Nabimu s.a.w.’

(HR. Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban)

Masalah:

Solat jama’ dalam bepergian

Jawapan:

Dibolehkan menjama’ antara dua solat dalam bepergian, walaupun pada selain hari Arafah dan Muzdalifah,

dan ini adalah pendapat jumhur ulama. Solat jama' boleh *di-ta'khir* (diakhirkan) dan boleh juga *di-taqdiin* (didahului). Pendapat ini dikatakan oleh Imam Syafie di dalam kitab *Al Umm* (1/67).

Boleh menjama' solat dalam keadaan singgah sebagaimana dibolehkan apabila melalui jalan yang sukar. Imam Syafie berkata di dalam kitab *Al Umm* setelah meriwayatkan hadis ini daripada jalur Malik, "Demikian, dan ini dalam keadaan singgah bukan berjalan; kerana perkataan Nabi s.a.w, "*Masuk kemudian keluar*" menunjukkan bahawa itu tidak terjadi kecuali sedang dalam keadaan singgah. Bagi orang yang bepergian boleh menjama' solat baik dalam keadaan singgah maupun ketika dalam perjalanan."

Masalah:

Apakah solat jama' sunah dalam bepergian sebagaimana solat qasar atau dikerjakan kerana keperluan.

Jawapan:

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah di dalam *Majmu' Ar-Rasa'il wa Al Masa'il* (2/26-27) berkata,

"Solat jama' itu bukan termasuk sunah bepergian seperti solat qasar tetapi dikerjakan kerana keperluan baik dikerjakan dalam keadaan bepergian atau tidak, kerana Nabi s.a.w juga menjama' solat ketika berada di dalam kota (Madinah), hal ini agar tidak memberatkan umatnya. Maka orang yang bepergian jika memerlukan solat jama', maka jama'lah, baik dikerjakan kerana perjalannya pada waktu yang kedua atau waktu yang pertama kerana sulit baginya untuk singgah, atau kerana ada keperluan lain ketika dia singgah.

Kitab Ash-Sahihah (266/1).

Masalah:

Bepergian yang mewajibkan qasar

Jawapan:

Ibnu Qayim berkata dalam kitab *Az-Zad* (1/189): "Nabi s.a.w tidak membatasi jarak tertentu bagi umatnya untuk bepergian dan perjalanan di atas muka bumi, sebagaimana baginda membebaskan bagi mereka untuk bertayammum pada setiap kali bepergian. Manakala yang diriwayatkan darinya s.a.w tentang pembatasan satu hari atau dua hari atau tiga hari, adalah tidak *sahih* sama sekali -*wallahu a'lam*-.

Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah berkata, Setiap nama yang tidak ada batasannya baik menurut bahasa maupun menurut syara', maka ukurannya dikembalikan kepada kebiasaan; apa yang disebut bepergian menurut kebiasaan manusia, maka itulah bepergian yang diulas oleh syarat. Ulama berselisih pendapat tentang jarak solat qasar dengan perselisihan yang sangat besar sehingga mencapai dua puluh pendapat, dan apa yang kami sebutkan daripada Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayim adalah pendapat yang lebih dekat kepada kebenaran dan lebih layak kerana berdasarkan Islam.

Masalah:

Orang yang bepergian solat secara sempurna jika bermaknum kepada orang yang menetap.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a., dia berkata, "Itu adalah sunah Abul Qasim (Nabi s.a.w)", iaitu seorang yang bepergian mengerjakan solat secara sempurna (tidak qasar) apabila mengikuti orang yang menetap, ertiinya solat secara sempurna dan tidak mengqasar, ini adalah mazhab Imam empat.

Kitab Ash-Shaihah, (387/6/bab. I).

Masalah:

Pengukuhan atas solat sunah fajar dua rakaat dan witir dalam perjalanan.

Jawapan:

Telah ditetapkan (dalam hadis sahih) bahawa Nabi s.a.w tidak meninggalkan solat sunah fajar, baik dalam keadaan menetap atau dalam bepergian, begitu juga solat witir. Lihat kitab *Fath Al Bari* (2/578-579).

Kitab *Ash-Sahihah* (766).

Masalah:

Apakah mengqasar solat wajib atas orang yang bepergian?

Jawapan:

Pendapat yang saya pastikan bahawa yang benar adalah pendapat yang mengatakan mengqasar solat adalah wajib, hal ini berdasarkan dalil-dalil yang banyak dan tidak ada yang membenturnya, hal itu disebutkan oleh Syaukani di dalam *As-Sail Al Jarrar* (1/306-307), di antaranya hadis Aisyah r.a., "Solat itu diwajibkan dua rakaat dua rakaat."

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 318.

5

Hukum-hukum Jenazah

Masalah:

Apa yang wajib atas orang sakit?

Jawapan:

1. Orang sakit wajib reda dengan ketentuan Allah s.w.t., sabar atas qadar-Nya dan berbaik sangka kepada Tuhan-Nya.
2. Seharusnya dia berada dalam posisi antara takut- dan berharap; takut hukuman Allah s.w.t atas dosa-dosa yang diperbuatnya dan mengharap rahmat Tuhan-Nya.
3. Betapapun parahnya penyakit yang dideritainya, tetapi dia tidak boleh mengharap mati.
4. Apabila dia mempunyai hak-hak yang harus disampaikan, maka sampaikanlah kepada yang berhak, jika mudah baginya untuk melaksanakannya, dan jika tidak, maka dia mewasiatkannya.
5. Wajib cepat-cepat mengeluarkan wasiat tersebut.
6. Wajib mewasiatkan untuk kaum kerabatnya yang tidak mendapatkan warisan darinya.
7. Dia boleh mewasiatkan sepertiga daripada hartanya,

dan tidak boleh lebih daripada itu bahkan yang lebih utama kurang daripada sepertiga.

8. Diharamkan berwasiat dengan hal yang dapat membawa bahaya, seperti berwasiat dengan menahan sebahagian ahli waris daripada haknya atau mengutamakan sebahagian daripada sebahagian lainnya.
9. Termasuk wajib mewasiatkan orang Islam untuk mempersiapkan dan menguburkannya sesuai dengan sunnah.

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 11, 12, 13.

Masalah:

Tidak boleh mengharap mati kerana sakit tenat.

Jawapan:

Walaupun penyakit yang sangat parah, maka tidak boleh baginya mengharap mati, berdasarkan hadis Ummu Fadhl r.a., Bahawa Rasulullah s.a.w datang kepada mereka dan Abbas, bapa saudara kepada Rasulullah s.a.w sedang merintih kesakitan, lalu Abbas mengharap mati. Maka Rasulullah s.a.w bersabda,

“Wahai bapa saudara, janganlah kamu berharap mati, kerana jika kamu orang baik, dan diakhirkan (kematianmu), nescaya ditambah kebaikan kepada kebaikan kamu lebih baik bagi kamu, dan jika kamu orang buruk, dan diakhirkan kematianmu, maka kamu taubat daripada perbuatan burukmu itu lebih baik bagi kamu, maka daripada itu, janganlah berharap mati.”

(HR. Ahmad [6/339])

Dikeluarkan oleh Syeikhani daripada hadis Anas r.a., yang dinisbatkan kepada Rasulullah s.a.w, di antara isinya adalah: “Jika memang harus berbuat, maka katakanlah, “Ya Allah, hidupkanlah aku, selama hidup itu lebih baik

bagiku, dan matikanlah aku, apabila mati itu lebih baik bagiku.” Hadis ini ditakhrij dalam kitab Al Irwa’ (683).

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 11,12.

Masalah:

Hukum membaca surah “Yaasiin” di sisi orang sakit dan menghadapkannya ke arah kiblat.

Jawapan:

Mengenai membaca surah “Yaasiin” di sisi orang yang sedang sakit dengan menghadap ke arah kiblat, tidak ada hadis sahih yang menerangkannya, bahkan Said bin Musayyab membenci mengarahkannya ke arah kiblat, dan berkata: “Bukankah orang yang mati ini orang Islam?

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 20.

Masalah:

Bentuk talqin syahadat

Jawapan:

Bentuk talqin, diperintahkan dengan mengucapkan syahadat, dan apa yang disebutkan di dalam sebahagian kitab bahawa hal itu disebutkan di sisinya, dan bukan diperintahkan kepadanya, ia adalah bercanggah dengan sunnah Nabi s.a.w. Dalilnya adalah hadis Anas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w menjenguk seorang lelaki Ansar, maka baginda bersabda, Wahai pakcik (dari ibu), katakanlah, *Laa ilaaha illallah*, maka dia berkata, “Apakah pakcik (dari ibu) atau pakcik (dari bapa), maka baginda menjawab, “Pakcik (dari ibu),” maka dia bertanya, “Apakah lebih baik aku mengucapkan *“Laa ilaaha illallah?”* baginda menjawab, “Ya.”

(HR. Ahmad [3/15154] dengan isnad sahih sesuai syarat Muslim)

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal 20.

Masalah:

Apakah orang mati mendapat manfaat daripada amal perbuatan orang lain?

Jawapan:

Hadis-hadis memberitahu bahawa orang mati mengambil manfaat kerana hutangnya yang dibayar, walaupun daripada orang lain(bukan anaknya), dan pembayaran itu mengangkat azab darinya. Hal ini adalah termasuk pengkhususan bagi keumuman firman Allah s.w.t., "Dan bahwasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya."

(An-Najm [53]: 39)

Dan keumuman sabda Rasulullah s.a.w, "Apabila manusia mati, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara."

Hadis di atas diriwayatkan oleh Muslim dan Al Bukhari dalam Al Adab Al Mufrad, dan dalam tempat yang lain dia mengatakan, "Tidak ada dalil yang memberikan petunjuk umum pemanfaatan orang-orang yang meninggal terhadap seluruh amal kebaikan yang dihadiahkan kepada mereka daripada orang-orang yang hidup, kalaupun ada, maka hanya dalam perkara-perkara khusus, yang disebutkan oleh Syaukani di dalam *Nail Al Authar*.

Masalah:

Apakah boleh membuka penutup wajah orang mati, menciumnya dan menangisinya?

Jawapan:

Dibolehkan bagi mereka membuka penutup wajah orang mati, mencium dan menangisinya selama tiga hari, dalam hal tersebut terdapat banyak hadis yang mendasarinya.

Pertama, hadis yang diriwayatkan daripada Jabir bin

Abdullah r.a., dia berkata, "Ketika bapaku terbunuh, aku menyingkap baju daripada wajahnya, lalu aku menangis, dan mereka (sahabat) melarangku manakala Nabi s.a.w tidak melarangku", maka Nabi s.a.w memerintahkan hal itu, lalu mengangkat. "Maka emak saudaraku, Fatimah menangis" lalu Nabi s.a.w bersabda,

"Kamu menangis atau tidak menangis selama malaikat menaunginya dengan sayap-sayapnya sehingga mereka mengangkatnya."

(HR. Asy-Syeikhani)

Kedua, diriwayatkan daripada Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w pernah menemui Usman bin Maz'un yang sudah meninggal, lalu baginda menyingkap mukanya, lalu membalikkannya, kemudian menciumnya, dan menangis sampai aku melihat air mata mengalir pada kedua belah pipinya."

(HR. At-Tarmizi [2/13] dan di sahihkan oleh Baihaqi dan selain keduanya)

Ketiga, diriwayatkan daripada Abdullah bin Ja'far r.a., bahawa Nabi s.a.w memberi tenggang keluarga Ja'far tiga hari, apakah baginda akan mendatangi mereka, kemudian baginda mendatangi mereka, maka baginda bersabda, "Janganlah kalian menangis atas saudaraku setelah hari ini."

(HR. Abu Daud [2/ 124], dan An-Nasa'i [2/ 292] dengan sanad saih sesuai syarat Muslim)

Kitab Ahkam Al Jana'iz, hal 31,32.

Masalah:

Apakah yang diucapkan oleh orang Islam, apabila melintasi perkuburan orang kafir?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Sa'ad bin Abu Waqqas r.a., dia berkata, "Seorang Arab Badui datang berjumpa Nabi s.a.w seraya berkata, "Sesungguhnya bapaku dulu selalu

menyambungkan silaturrahim, dan dulu demikian... dia, maka di mana dia?" Baginda menjawab,

"Di neraka", seakan-akan Arab Badui itu mendapat hal tersebut, maka dia bertanya, "Ya Rasulullah, di mana bapamu?" Baginda menjawab, "Di mana saja kamu melintasi perkuburan orang kafir, berilah khabar gembira dengan neraka."

Di dalam hadis terdapat faedah penting yang dilupakan kitab-kitab fikih, iaitu dibolehkan memberi khabar gembira orang kafir dengan neraka, apabila dia melintasi perkuburannya. Jelas bahawa pensyariatan ini berfaedah untuk membangkitkan orang beriman dan mengingat-kannya akan bahaya kejahatan orang kafir ini apabila dia melakukan dosa besar di mana seluruh dosa dunia terlimpah kepadanya, walaupun seluruhnya terkumpul, iaitu dosa kekafiran kepada Allah s.w.t dan syirik kepada-Nya.

Masalah:

Tafsir sabda Rasulullah s.a.w, "orang mati diazab kerana tangisan keluarga atasnya", dan di dalam riwayat lain "orang mati diazab di kuburnya kerana tangisan kepada-nya."

(HR. Syeikhani)

Jawapan:

Para ulama berselisih pendapat tentang jawapan soalan di atas, dan pendapat mereka terbahagi kepada lapan, yang lebih mendekati kebenaran adalah dua pendapat;

Pertama, pendapat jumhur ulama, bahawa hadis ini mempunyai dua kemungkinan maknanya; orang yang berwasiat meminta untuk ditangisi dan tidak memberi wasiat untuk menangisi, walaupun dia tahu bahawa manusia biasanya mengerjakannya. Oleh itu, Abdullah bin Mubarak berkata, "Apabila dia melarang mereka

(menangisinya) semasa hidupnya, akan tetapi mereka tetap malakukanya setelah dia meninggal, maka tidak ada dosa baginya."

Kedua, Azab yang dimaksudkan dalam hadis menurut mereka bermakna hukuman, dan ada juga yang berpendapat bahawa makna "azab" adalah menderita kerana mendengar tangisan keluarganya, kasihan dan sedih terhadap mereka. Hal tersebut terjadi di alam barzakh, bukan pada hari Kiamat. Di antara yang mengatakan pendapat ini adalah Muhammad bin Jarir Thabari dan yang lain, dan didukung oleh Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim dan selain kedua-duanya.

Pendapat ini dikukuhkan oleh ungkapan baginda s.a.w dalam hadis ini, "di dalam kuburnya" Saya cenderung kepada mazhab ini beberapa waktu, kemudian nampak bagi saya bahawa hadis ini lemah kerana bercanggah dengan hadis, "Sesiapa yang menangisinya, maka dia diazab pada hari Kiamat kerana tangisannya." (HR. Al Bukhari [3/126] dan Muslim [3/45]) Sangat jelas bahawa hadis ini tidak mungkin ditakwilkan dengan apa yang mereka sebutkan, oleh itu yang rajih menurut kami adalah pendapat jumhur ulama.

Kitab Akhcam Al Jana'iz, hal. 41.

Masalah:

Apakah pemberitaan kematian yang dibolehkan?

Jawapan:

Dibolehkan mengumumkan kematian apabila tidak disertai dengan ratapan jahiliyah. Terkadang hal itu diwajibkan, apabila tidak ada orang yang melaksanakan haknya seperti memandikan, menkafani dan mensolat-kannya.

Pada pembahasan lain Syeikh berkata, "Sesungguhnya

mengumumkan kematian tidak diharamkan semuanya, kerana yang dilarang hanyalah pengumuman kematian jahiliyah, di mana mereka mengutus orang yang mengumumkan khabar kematian orang meninggal di depan-depan pintu rumah dan pasar.”

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 45,46.

Masalah:

Apakah orang mati mendengar?

Jawapan:

Tidak ada dalil baik di dalam Al-Quran maupun Sunnah yang menunjukkan bahawa orang-orang mati mendengar, seperti firman Allah s.w.t,

“...kamu sekali-kali tidak dapat menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar.” (Faathir (35): 22) Dan sabda Rasulullah s.a.w kepada para sahabat yang berada di dalam masjid,

“Perbanyaklah berselawat kepadaku pada hari Jumaat, kerana selawat kamu sampai kepadaku.”

Nabi s.a.w tidak mengatakan, “Aku mendengarnya”, akan tetapi disampaikan oleh malaikat, sebagaimana di dalam hadis lain,

“Sesungguhnya Allah mempunyai malaikat yang suka berjalan menyampaikan salam daripada umatku kepadaku.”

(HR. An-Nasa'i dan Ahmad dengan sanad sahih)

Manakala sabdanya yang lain, “Seorang hamba apabila diletakkan di dalam kuburnya, dan para sahabatnya telah pergi meninggalkannya sehingga dia mendengar ketukan selipar-selipar mereka, maka datanglah dua malaikat lain mendudukkannya, seraya berkata kepadanya....”

(HR. Al Bukhari)

Hadis di atas tidak menunjukkannya kecuali men-

dengar dalam keadaan dikembalikan roh kepadanya agar dia menjawab soalan malaikat sebagaimana nampak jelas dari pada redaksi hadis.

Kitab *Ad-Daifaah* (285/3).

Masalah:

Apakah orang yang mati syahid kerana perang harus dimandikan?

Jawapan:

Tidak disyariatkan memandikan orang yang mati syahid kerana perang, walaupun sekiranya kebetulan sedang dalam keadaan junub. Dalam permasalahan ini terdapat hadis-hadis yang menerangkannya, di antaranya adalah hadis Jabir r.a., dia berkata Rasulullah s.a.w bersabda, “Kuburkanlah mereka pada (dengan) darah mereka iaitu waktu perang Uhud dan baginda tidak memandikan mereka.”

Jabir berkata, “Aku menyaksikan mereka (para syuhada) dilipat (dikuburkan) oleh para sahabat dalam keadaan berlumuran darah, kerana tidak ada seorang pun yang luka dengan luka (yang disebabkan kerana perang) di jalan Allah kecuali datang pada hari kiamat, dan lukanya berlumuran darah, di mana warnanya warna darah dan baunya beraroma misik.”

(HR. Al Bukhari [3/165] dan An-Nasa'i [1/277/278])

Masalah:

Apakah disyariatkan bagi masing-masing suami isteri memandikan yang lainnya?

Jawapan:

Dbolehkan bagi masing-masing kedua-duanya untuk memandikan (mayat) yang lainnya, kerana tidak ada dalil yang melarangnya dan segala sesuatu dasarnya boleh, lebih-lebih hal tersebut diperkuat oleh dua hadis;

Pertama, Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata, "Sekiranya aku menghadapi urusanku, nescaya aku tidak membela kanginya; Nabi s.a.w tidak dimandikan kecuali oleh isteri-isterinya." Baihaqi berkata, "Maka aku sangat menyesal atas hal tersebut, dan tidak ada yang disesali kecuali atas hal yang boleh."

Syeikh berkata, "Pendapat yang mengatakan boleh adalah pendapat Imam Ahmad sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam kitab *Masa'il*-nya, hal. 149.

Diriwayatkan daripada Aisyah, dia berkata, "Rasulullah s.a.w kembali daripada (menguburkan) jenazah di Baqi', dan aku merasa pening, dan aku berkata, "Aduh kepalaku!" Rasulullah kemudian berkata, "Tidak membahayakanmu sekiranya kamu mati sebelumku, maka aku memandikan, mengkafani, mensolatkan dan menguburkanmu."

(HR. Ahmad [6/288] dan Ad-Darami [1/3837])

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 67.

Masalah:

Ganjaran bagi orang yang memandikan jenazah.

Jawapan:

Bagi orang yang memandikan jenazah akan mendapat ganjaran yang besar, tetapi dengan dua syarat:

1. Menutupi (aib)nya dan tidak membicarakan apa yang mungkin dilihatnya daripada hal-hal yang dibenci, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, "sesiapa yang memandikan orang (mati) muslim lain dia merahsiakan (aib)nya, maka Allah mengampuninya empat puluh kali, dan orang yang menghadirinya (melawat jenazahnya), lalu membungkusnya dengan kafan, maka diberikan ganjaran kepadanya seperti ganjaran tempat tinggal yang digunakan untuk menempatkannya sampai hari Kiamat, serta sesiapa yang mengkafan-

kannya, maka Allah akan memakaikannya pada hari Kiamat sutera halus dan sutera tebal syurga."

(HR. Hakim [1/ 354] dan Al Baihaqi [3/395])

2. Hanya mengharapkan keredaan Allah, tidak menginginkan upah, ucapan terima kasih dan apapun daripada perkara dunia, kerana telah ditetapkan di dalam syara' bahawa Allah s.w.t tidak menerima ibadat kecuali apa yang dilakukan dengan ikhlas kerana Allah s.w.t.

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 69.

Masalah:

Apakah orang yang mati syahid dilepaskan pakaian yang dikenakannya?

Jawapan:

Tidak boleh melepas pakaian yang dikenakan oleh orang yang mati syahid, bahkan harus dikuburkan dengannya, hal itu berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w tentang para syuhada perang Uhud, "Selimutilah (liputilah) mereka dengan pakaian mereka."

(HR. Ahmad [5431])

Di dalam riwayat lain, liputilah mereka dengan darah mereka."

(HR. An-Nasa'i [282])

Kitab *Ahkam Al Jana'iz* hal. 80.

Masalah:

Apa yang dianjurkan tentang kafan?

Jawapan:

Dianjurkan beberapa perkara dalam masalah kafan:

1. Kafannya putih, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w, "Pakailah pakaianmu yang putih, kerana itu sebaik-baik pakaianmu, dan kafankanlah orang-orang matimu

dengannya.

2. Tiga lapis pakaian, berdasarkan hadis Aisyah r.a., dia berkata “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w mengkafani (mayit) dengan tiga pakaian Yaman, berwarna putih, tenunan daripada kapas, tidak ada padanya baju dan penutup kepala (dilakukan berlapis-pis).”

(HR. Imam yang enam)

3. Jika mudah didapati, salah satunya adalah pakaian jubah, Sabda Nabi s.a.w, salah seorang daripada kamu mati, lalu dia mendapatkan sesuatu maka hendaklah dikafankan dengan baju jubah.”

(HR. Abu Daud [2/61])

4. Diwakinkan (dengan dupa) tiga kali, sesuai dengan sabda Rasulullah: Apabila kamu mengharumkan orang mati, maka harumkanlah ‘tiga kali’

(HR. Ahmad [3/331] dan Ibnu Abu Syaibah [4/ 92])

Masalah:

Apakah wanita dikafankan seperti lelaki?

Jawapan:

Dalam masalah kafan wanita seperti lelaki, kerana tidak ada dalil yang menunjukkan harus dibezakan. Manakala hadis laila qaif Ats-Tsaqafiyyah dalam mengkafankan puteri Nabi s.a.w. dengan lima pakaian, isnadnya tidak sahih, kerana di antara perawinya terdapat Nuh bin Hakim Ats-Tsaqafi, dan dia adalah orang yang tidak dikenal sebagaimana dikatakan oleh Al Hafiz Ibnu Hajar dan yang lain, dan juga ada cacat lain yang diterangkan Zaila'i di dalam kitab Nashab Ar-Rayah (2/258).

Seperti itu pula apa yang ditambahkan oleh sebahagian mereka tentang kisah memandikan puteri Nabi s.a.w, Zainab dengan lafaz, “Maka mengkafankannya dengan lima pakaian.”

Riwayat ini Syadz atau munkar sebagaimana telah

saya teliti di dalam *Adh-Dha'ifah* (5844).

Masalah:

Larangan mengikuti jenazah dengan menangis atau kemenyan atau mengangkat suara zikir.

Jawapan:

Tidak boleh mengikuti jenazah dengan cara yang bercanggah dengan syariat. Dalam masalah ini ada larangan pada dua perkara; Mengangkat suara tangisan dan mengikutinya dengan membawa kemenyan, hal itu berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w, “Janganlah mengikuti jenazah dengan suara atau api.”

(HR. Abu Daud [2/64] dan Ahmad [2/427])

Termasuk dalam kategori itu; mengangkat suara zikir di hadapan jenazah; kerana itu adalah bidaah, dan berdasarkan perkataan Qais bin Ibad, bahawa para sahabat Nabi s.a.w membenci mengangkat suara di sisi jenazah.”

(HR. Al Baihaqi [4/74])

Dan juga kerana di dalamnya terdapat penyerupaan dengan orang-orang Nasrani, kerana mereka mengangkat suara membaca ayat-ayat Injil dan zikir-zikir mereka, sambil bergoyang, menyanyi dan bernada sedih. Yang lebih buruk daripada itu diiringi dengan alat-alat muzik dengan irama sedih sebagaimana dilakukan oleh beberapa negara Islam kerana mentaklid orang-orang kafir.

Kitab *Ahkam Al Jana'iz*, hal. 91, 92.

Masalah:

Wajib membawa jenazah dengan cepat tanpa tergesa-gesa.

Jawapan:

Wajib mempercepat perjalanan ketika membawa jenazah tetapi tidak tergesa-gesa, hal itu diterangkan di dalam beberapa hadis

Pertama, Percepatlah membawa jenazah, kerana jika (jenazah) itu baik, maka lebih baik kamu mendahului kannya dan jika selain itu, maka sangat buruk kamu letakkan daripada belenggumu.

(HR. Asy-Syeikhani dan redaksi hadis milik Muslim, dan para pemilik Sunan yang empat.)

Syeikh berkata, "Perintah itu pada zahirnya menunjukkan atas wajib, dan hal itu dikatakan leh Ibnu Hazm (5/154-155) dan kami tidak menemui dalil yang mengalihkannya daripada hukum wajib menjadi sunah (anjuran).

Kitab Ahkam Al Jana'iz, hal. 93-94.

Masalah:

Tidak boleh membawa jenazah dengan kereta atau ambulans.

Jawapan:

Membawa jenazah dengan kereta atau kereta jenazah dan diantar oleh orang-orang yang menghantarnya, manakala mereka berada di dalam kereta, adalah hal yang tidak disyariatkan sama sekali, hal itu disebabkan beberapa perkara:

1. Kerana hal itu merupakan adat atau kebiasaan orang-orang kafir, dan telah ditetapkan di dalam syariat bahawa tidak boleh mengikuti mereka.
2. Kerana itu adalah perbuatan bidaah dalam ibadat dan bertentangan dengan sunnah amaliyah dalam membawa jenazah.
3. Kerana menghilangkan matlamat membawanya dan menghantarkannya iaitu mengingat akhirat.

Dengan demikian menurut orang yang cerdik cendekian hal ini menjadi jelas bahawa membawa orang mati di atas punggung dan orang-orang yang menghantar

memandang kepadanya, manakala mayat yang dibawa di atas kepala mereka adalah lebih elok dalam mewujudkan matlamat, iaitu peringatan dan nasihat daripada menghantarnya dalam bentuk yang telah disebutkan.

Kitab Ahkam Al Jana'iz, hal. 99.

Masalah:

Tidak wajib solat jenazah terhadap dua orang.

Jawapan:

Pertama, Anak kecil yang belum baligh; kerana Nabi s.a.w tidak mensolatkan puteranya Ibrahim.

Aisyah r.a. berkata, "Ibrahim putera Nabi s.a.w meninggal pada usia lapan belas bulan, maka Nabi s.a.w tidak mensolatkannya."

(HR. Abu Daud [2166] dan daripada jalur Ibnu Hazm [5/185])

Kedua, orang yang mati syahid, kerana Nabi s.a.w tidak mensolatkan para syuhada Uhud dan juga yang lainnya.

Akan tetapi hal tersebut tidak menafikan bolehnya mensolatkan kedua-duanya, namun tidak wajib.

Masalah:

Apakah mensolatkan setiap orang yang ghaib adalah hal yang wajib?

Jawapan:

Ibnu Qayyim di dalam kitab Zad Al Ma'ad (1/205-206) berkata, "Bukan merupakan petunjuk daripada sunnah Nabi s.a.w mensolatkan setiap mayat yang ghaib, kerana ramai manusia daripada kalangan kaum Muslimin mati dalam keadaan ghaib dan mereka tidak disolatkan. Di dalam hadis sahih diterangkan bahawa Nabi s.a.w mensolati raja Najasyi secara ghaib, maka dalam permasalahan itu ulama berselisih pendapat atas tiga cara:

1. Menurut Syafie dan Ahmad, bahawa hal ini merupakan

penyariatan dan sunnah bagi umat mensolatkan setiap yang mati dalam keadaan ghaib.

2. Abu Hanifah dan Malik berpendapat bahawa ini hanya khusus baginya (Najasyi) dan bukan untuk orang lain.
3. Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah berkata, "Yang benar adalah bahawa orang yang ghaib, apabila mati di suatu negeri di mana dia tidak disolatkan, maka dia disolatkan secara ghaib, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi s.a.w terhadap Najasyi, kerana dia mati di kalangan orang-orang kafir dan tidak disolatkan, dan jika dia telah disolatkan di tempat dan meninggal, maka mayat itu tidak perlu disolatkan secara ghaib; kerana kewajipan telah jatuh dengan solatnya kaum Muslimin terhadapnya, dan Nabi s.a.w terkadang solat ghaib dan juga meninggalkan, jadi, mensolatkan dan meninggalkan merupakan sunnah."

Pendapat yang tiga ini dalam mazhab Ahmad dan yang paling sahih adalah yang terperinci (pendapat terakhir).

Syeikh berkata, "Atas dasar ini, maka apabila seorang muslim mati di suatu negeri, dan telah dilaksanakan haknya iaitu disolatkan, maka dia tidak disolatkan lagi di negeri yang lain secara ghaib. Jika diketahui bahawa dia belum disolatkan kerana adanya rintangan dan penghalang (uzur), maka termasuk dalam sunnah untuk mensolatkannya, dan tidak ditinggalkan kerana jauhnya jarak."

Kitab Akhak Al Jana'iz, hal. 118,119.

Masalah:

Apakah solat jenazah wajib dilaksanakan dengan berjemaah seperti solat-solat fardu.

Jawapan:

Solat jenazah wajib dikerjakan dengan berjemaah

sebagaimana solat-solat fardu, kerana dua dalil:

1. Kerana Nabi s.a.w selalu mengerjakannya dengan berjemaah.
2. Sabda Rasulullah s.a.w, "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihatku solat."

Maka jika mereka mensolati jenazah secara sendirian, telah jatuh kewajipan akan tetapi mereka berdosa kerana meninggalkan jemaah. Wallahu a'lam.

Masalah:

Anjuran berbaris tiga saf di belakang imam.

Jawapan:

Dianjurkan berbaris tiga saf atau lebih di belakang imam, berdasarkan dua hadis:

Pertama, Diriwayatkan daripada Abu Ummah, dia berkata, Rasulullah s.a.w solat jenazah dan bersamanya tujuh orang, maka baginda menjadikan tiga orang satu saf, dua orang satu saf dan dua orang yang lain satu saf."

(HR Thabrani dalam kitab Al Kabir [7785])

Kedua, Diriwayatkan daripada Malik bin Hubairah, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, tidak ada seorang Muslim yang mati, lalu disolatkan dengan tiga saf daripada kaum Muslimin, kecuali mesti (diterima). Dalam riwayat lain: "Kecuali diampuni dosanya."

(HR. Abu Daud [33])' Kitab Akhak Al Jana'iz, hal. 127.

Masalah:

Posisi imam ketika solat jenazah

Jawapan:

Imam berdiri di belakang kepala jenazah lelaki dan di tengah jika jenazah adalah seorang wanita, hal itu diterangkan di dalam dua hadis:

Pertama, Diriwayatkan daripada Abu Ghalib Al

Khayyath, dia berkata," Aku pernah menyaksikan Anas bin Malik menunaikan solat jenazah, maka dia berdiri di kepalanya", dalam riwayat lain, "Di kepala ranjang (tempat tidur)" maka ketika mayat lelaki itu diangkat, lalu didatangkan jenazah wanita daripada Quraisy atau daripada golongan Ansar, maka dikatakan kepadanya, "Wahai Abu Hamzah, ini adalah jenazah fulanah binti fulan, maka tolong solatkanlah dia, kemudian ia mensolatkannya dengan berdiri pada pertengahan jenazah." Dalam riwayat lain: "Di bahagian belakang dan di atasnya terdapat ukiran hijau, serta ada di antara kami, Ala' Al Adawi, maka ketika melihat berbeza-beza posisinya dalam mensolatkan jenazah lelaki dan perempuan, dia berkata, "Wahai Abu Hamzah, apakah Rasulullah s.a.w berdiri sebagaimana kamu berdiri?" Dia menjawab, "Ya." Perawi berkata, "Maka dia menoleh kepada kami, seraya berkata, 'Hafalkanlah!'"

(HR. Abu Daud [2/66-67] dan At-Tarmizi [2/146])

Kedua, Diriwayatkan daripada Samrah bin Jundub, dia berkata, "Aku pernah solat di belakang Rasulullah s.a.w, dan (ketika itu) dia mensolatkan Ummu Ka'ab, dan sedang dalam keadaan nifas, maka Rasulullah s.a.w mensolatkannya di tengahnya."

(HR. Abdurazzak, Al Bukhari [5/156-157] dan Muslim [3/ 60])

Hadis ini sangat jelas menunjukkan bahawa imam berdiri sejengkal di tengah jenazah merupakan perbuatan sunnah.

Masalah:

Jumlah takbir dalam solat jenazah

Jawapan:

Takbir solat jenazah empat atau lima sampai sembilan kali takbir, semuanya bersumber daripada Nabi s.a.w, boleh mengerjakan yang mana sahaja yang dikehendaki, namun yang lebih utama adalah di selang-seli, kerana

Nabi s.a.w terkadang mengerjakan dengan yang ini dan terkadang dengan yang lainnya, seperti doa iftitah (pembukaan), bacaan tasyahhud, selawat Ibrahimiyah, dan yang sejenisnya, dan jika memang harus konsisten pada satu jenis sahaja, maka dengan empat takbir, kerana hadis-hadis yang menerangkannya banyak.

Kitab Ahkam Al Jana'iz, hal. 141.

Masalah:

Salam dalam solat jenazah dilakukan dengan suara sembunyi, baik imam ataupun orang yang berada di belakangnya.

Jawapan:

Yang merupakan sunnah adalah mengucapkan salam secara lirih dalam solat jenazah, imam dan maknum (orang yang di belakangnya) sama sahaja, berdasarkan hadis Abu Umamah dalam permasalahan ini, iaitu dengan lafaz: "...kemudian mengucapkan salam secara sembunyi pada dirinya sehingga selesai."

Dan sunnah bagi orang yang berada di belakangnya (maknum) mengerjakan seperti apa yang dilakukan oleh imamnya."

Hadis ini mempunyai penguat yang berdarjat mauquf yang diriwayatkan oleh Baihaqi (4/43) daripada Ibnu Abbas bahawa Nabi s.a.w mengucapkan salam pada jenazah dengan suara lirih." Isnadnya hasan. Kemudian diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w, apabila solat jenazah mengucapkan salam sehingga orang yang ada di belakangnya mendengar." Isnadnya sahih.

Masalah:

Keutamaan liang lahad di dalam kubur dan pembolehan membelah.

Jawapan:

Dbolehkan menggali liang lahad di dalam kubur dan membelah tanah kerana merupakan kebiasaan yang dijalankan pada zaman Nabi s.a.w, akan tetapi yang pertama adalah lebih utama. Hal tersebut diterangkan oleh beberapa hadis:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a., dia berkata, "Ketika Nabi s.a.w wafat, maka di kota Madinah ada seseorang yang membuat liang lahad dan ada yang menggali kubur." Maka mereka berkata, "Kami meminta pilihan daripada Tuhan kami dan mengutus kepada kedua-duanya, maka siapa yang lebih dulu, nescaya kami membiarkannya (di guna untuk menguburkan Nabi s.a.w). Lalu diutus (utusan) kepada kedua-duanya, maka orang yang menggali liang lahad lebih dulu, sehingga mereka menguburkan Nabi s.a.w di liang lahad itu."

(HR. Ibnu Majah [1/472] dan Ath-Thahawi [4/45])

Diriwayatkan daripada Amir bin Sa'ad bin Abu Waqqash bahawa dia berkata, "Galilah liang lahad untukku dan siramkanlah susu sebagaimana Rasulullah s.a.w melakukannya."

(HR. Muslim [2/ 61], An-Nasa'i 283] dan Ibnu Majah 471)

Kitab Akhak Al Jana'iz, hal 182-183.

Masalah:

Suami boleh menguburkan isterinya.

Jawapan:

Seorang suami dibolehkan mengebumikan isterinya, tetapi dengan syarat, apabila dia tidak menyebuhinya malam itu, jika tidak, maka tidak dibolehkan baginya, dan orang lain lebih utama mengebumikannya walaupun orang asing (orang lain) dengan syarat tersebut, berdasarkan hadis Anas bin Malik r.a., dia berkata, "Kami menyaksikan (pengebumian) puteri Rasulullah s.a.w,

manakala Rasulullah s.a.w duduk di atas kubur, maka aku melihat kedua belah matanya mengeluarkan air mata, lalu bersabda,

"Siapa di antara kamu yang tidak menyebuhinya isterinya malam ini?" Abu Thalhah menjawab, "Ya saya, wahai Rasulullah," lalu baginda bersabda, "Turunlah!" (perawi) berkata, "Maka dia turun ke kuburnya lalu menguburkannya."

(HR. Al Bukhari [3/122] dan Ath-Thahawi dalam kitab Al Musykil [3/314])

Kitab Akhak Al Jana'iz, hal. 188.

Masalah:

Tidak ada jalan bagi wanita untuk memasuki perkuburan dan mengebumikan.

Jawapan:

Kaum lelaki adalah orang yang bertugas menurunkan orang yang meninggal ke dalam kubur, kerana beberapa perkara:

1. Kerana hal itu adalah hal yang sudah biasa dikerjakan pada zaman Nabi s.a.w dan demikian pula yang biasa dilakukan oleh kaum muslimin sampai sekarang ini.
2. Kaum lelaki lebih kuat melakukan hal tersebut.
3. Jika kaum wanita yang mengerjakannya, nescaya akan mengakibatkan tersingkapnya bahagian daripada badannya di hadapan orang-orang asing, dan itu tidak dibolehkan.

Kitab Akhak Al Jana'iz, hal. 186.

Masalah:

Apa yang diucapkan oleh orang yang meletakkan jenazah di kuburnya?

Jawapan:

Orang yang meletakkan jenazah ke liang lahad, mengucapkan, "Bismillah wa'ala sunnati Rasulillah" atau "Wa'ala millati Rasulullah." Dalilnya adalah hadis Ibnu Umar r.a., bahawa Nabi s.a.w bersabda,

"Apabila kamu meletakkan orang matimu di kubur, maka bacalah, "Bismillah Wa'ala sunnati Rasulillah." dalam riwayat lain: *"Millati Rasulillah."*

(HR. Abu Daud dan At-Tarmizi)

Masalah:

Tidak boleh perkuburan lebih tinggi daripada bumi kecuali sedikit sekitar sejengkal.

Jawapan:

Setelah selesai menguburkan disunahkan melakukan beberapa perkara:

Pertama, Meninggikan sedikit tanah perkuburan daripada bumi kira-kira satu jengkal, dan jangan disamakan dengan tanah agar mudah dibezakan sehingga terpelihara dan tidak diremehkan, berdasarkan hadis Jabir r.a., "Bahawa Nabi s.a.w digalikan liang lahad untuknya dan disiramkan susu, serta ditinggikan tanah perkuburannya daripada bumi seukuran satu jengkal."

(HR. Ibnu Hibban dalam kitab Sahihnya [2160] dan Al Baihaqi [3/410] dengan isnad sahih)

Kitab Akhdam Al Jana'iz, hal. 195.

Masalah:

Apakah takziah disyariatkan setelah tiga hari?

Jawapan:

Jangan membatasi takziah hanya setaraf tiga hari sahaja dan tidak boleh melebihinya, tetapi bila-bila masa sahaja dia melihat ada manfaat dalam takziah, maka dia boleh mendatanginya, kerana dalam hadis ditetapkan

bahawa Nabi s.a.w bertakziah setelah tiga hari,

Ulama yang berpendapat seperti apa yang telah kami sebutkan, iaitu bahawa takziah tidak ada batas waktunya adalah sekelompok daripada sahabat Imam Ahmad seperti yang tersebut dalam kitab Al Inshaf (2/56) dan ia merupakan salah satu sisi dalam mazhab Syafie. Mereka berkata, "Kerana maksudnya adalah mendoakan dan menasihati agar tetap dalam ketaatan dan melarang daripada putus asa, semua itu dapat dilakukan walaupun dalam masa yang panjang.

Kitab Akhdam Al Jana'iz, hal. 209.

Masalah:

Hukum ziarah kubur bagi wanita.

Jawapan:

Kaum wanita seperti kaum lelaki dalam anjuran ziarah kubur, kerana beberapa sisi:

Pertama: Keumuman sabda Rasulullah s.a.w "Maka ziarahilah kubur."

Hadis, "Tidak ada belasungkawa lebih daripada tiga hari." Yang sudah diucapkan oleh orang ramai, tetapi tidak diketahui dasarnya, maka wanita termasuk dalam kategori hadis tersebut.

Kedua: Alasan disyariatkan berziarah kubur sama dengan kaum lelaki, iaitu untuk merendahkan hati, mengalirkan air mata dan mengingat akhirat.

Masalah:

Wanita tidak boleh terlalu sering berziarah kubur.

Jawapan:

Tidak boleh bagi kaum wanita terlalu sering menziarahi kubur, 'Kerana hal tersebut akan mengakibatkan mereka menyalahi syariat, seperti berteriak, bersolek, menjadikan

kubur sebagai tempat rekreasi dan mensia-siakan waktu dalam pembicaraan kosong sebagaimana yang disaksikan di beberapa negara Islam, dan inilah yang dimaksudkan dengan sabda Nabi s.a.w yang masyhur,

Masalah:

Hukum berjalan di antara perkuburan kaum muslimin dengan selipar.

Jawapan:

Tidak boleh berjalan di antara perkuburan kaum Muslimin dengan selipar, berdasarkan hadis Basyir bin Khashashah, dia berkata, "Ketika saya sedang berjalan-jalan bersama Rasulullah s.a.w, baginda mendatangi perkuburan kaum Muslimin... maka ketika baginda berjalan, tiba-tiba pandangan tertuju kepada sesuatu, tiba-tiba ada seorang lelaki yang berjalan di antara kubur dengan mengenakan selipar, maka baginda bersabda,

"Wahai pemakai dua selipar bakyak, lemparkan kedua seliparmu, "ketika orang itu melihat, maka lelaki itu mengetahui Rasulullah s.a.w, kemudian dia menanggalkan kedua seliparnya dan melemparkan keduanya."

(HR. Ashab As-Sunan)

Al Hafidz Ibnu Hajar di dalam "Al Fath" (3/160) berkata, "Hadis ini menunjukkan atas dibencinya berjalan di antara perkuburan dengan selipar, dan Ibnu Hazm bersikap aneh, dimana dia berkata, "Diharamkan berjalan di antara perkuburan dengan selipar bakyak dan bukan yang lainnya," ini adalah sangat jumud." Manakala Khithabi berkata, "Diperkirakan larangan mengenakan kedua-duanya kerana terdapat nilai kesombongan, kerana Abdullah bin Umar r.a. mengenakan selipar bakyak, dan berkata, "Sesungguhnya Nabi s.a.w mengenakkannya," ini adalah hadis sahih. Thahawi berkata, "Larangan kepada

orang tersebut adalah kerana pada kedua belah seliparnya terdapat kotoran, kerana Nabi s.a.w solat dengan menge-nakan kedua belah seliparnya selama baginda tidak melihat adanya najis (kotoran) pada keduanya."

Saya katakan (Syeikh), "Kemungkinan ini sangat jauh, bahkan Ibnu Hazm memastikan kebatilannya, dan itu termasuk mendustakan Allah, atau yang paling dekat bahawa larangan itu termasuk kategori menghormati jenazah, hal itu mirip dengan larangan duduk di atas perkuburan. Atas dasar itu bererti tidak ada perbezaan antara selipar bakyak atau selipar yang lain daripada selipar yang dibuntal bulu, kerana semuanya dalam satu posisi, iaitu berjalan dengan selipar di antara perkuburan dan bercanggah dengan sikap menghormatinya (kubur).

Ibnu Qayyim telah menerangkan hal tersebut dalam kitab Tahdzib As-Sunan (4/343-345), dan menukil juga daripada Imam Ahmad, bahawa dia berkata, "Hadis Basyir, isnadnya jayyid, aku cenderung kepadanya kecuali jika ada illat," telah ditetapkan bahawa Imam Ahmad mengambil hadis ini sebagai dasar hadis ini. Abu Daud di dalam kitab Musnadnya (158) berkata, "Aku melihat Ahmad, apabila mengikuti jenazah, lalu mendekati perkuburan, maka dia menanggalkan kedua belah seliparnya dia tidak mengerjakan hal itu kecuali kerana mengikuti sunnah Nabi s.a.w

Masalah:

Meletakkan batang di atas kubur adalah kekhususan

Jawapan:

Meletakkan batang pohon di atas kubur merupakan kekhususan Nabi s.a.w, dan keringanan azab kubur bukan kerana kelembapan batangnya, hal itu diperkuat oleh beberapa perkara:

Hadis Jabir r.a. -yang panjang- dalam kitab Sahih

Muslim (131-236), Rasulullah s.a.w bersabda,

“Aku melintasi dua perkuburan yang (kedua-dua penghuninya) sedang diseksa, maka aku ingin memberikan syafaatku agar terpelihara daripada seksa selama dua batang pohon itu basah (lembab).”

Masalah:

Hukum menaburkan wewangian pada perkuburan dan menulis pada batu nisan.

Jawapan:

Apabila maksud daripada memberi wewangian hanya untuk memelihara perkuburan agar tetap tinggi mengikut paras yang dibolehkan oleh syariat, dan supaya tidak diterjang angin serta diporak perandakan air, maka hukumnya boleh tanpa keraguan (tidak dilarang), mudah-mudahan ini adalah alasan sebahagian ulama yang mengatakan bahawa hal tersebut dianjurkan. Namun jika maksudnya adalah untuk memberi hiasan daripada hal-hal yang tidak ada faedahnya, maka hukumnya tidak boleh, kerana itu merupakan hal yang baru dalam agama. Manakala tulisan (di atas batu nisan), zahir hadis mengharamkannya, dan ini adalah zahir perkataan Imam Ahmad, manakala Asy-Syafie dan Hambali hanya memakruhkan sahaja.

Masalah:

Tidak boleh mengangkat kedua belah tangan dalam takbir-takbir solat jenazah kecuali pada takbir yang pertama.

Jawapan:

Disyariatkan mengangkat tangan hanya pada takbir yang pertama, hal itu diterangkan dalam dua hadis:

Pertama, diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bertakbir atas jenazah, maka

baginda mengangkat kedua belah tangannya pada takbir yang pertama lalu meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri.”

(HR. At-Tirmizi [2/165] dan Daru Quthni [192] serta Al Baihaqi [184])

Kedua, diriwayatkan daripada Abdullah bin Abbas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w mengangkat kedua belah tangannya atas jenazah (dalam solat jenazah) pada takbir yang pertama kemudian tidak kembali (mengangkat tangan)."

(HR. Daru Quthni dan para perawinya mempunyai darjah tsiqah)

Saya (Syeikh) mengatakan, “Kami tidak mendapati di dalam sunnah apa yang menunjukkan atas kebolehan mengangkat tangan selain takbir yang pertama, maka kami tidak berpendapat bahawa hal tersebut disyariatkan, dan ini adalah mazhab Abu Hanifah yang dipilih oleh Syaukani dan para pentahqiq yang lain.

Kitab Akhdam Al Jana'iz, hal. 147-148.

6

Zakat

Masalah:

Zakat tidak diambil daripada kafir dzimmi (orang kafir yang dilindungi kerana ada perjanjian damai) tetapi hanya daripada orang beriman.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia berkata, Nabi s.a.w menulis surat kepada penduduk Yaman kepada Harist bin Abd dan orang-orang yang bersamanya dari pada kaum Ma'afir dan Hamdan," Wajib atas orang-orang yang beriman mengeluarkan sedekah (zakat) buah-buah atau harta tidak bergerak (tanah) sepersepuluh yang diairi mata air, dan yang diairi oleh langit (air hujan), dan yang disirami dengan ember (paip) seperdua puluh."

Baihaqi berkata, "Hadis ini menunjukkan bahawa zakat tidak diambil daripada ahli dzimmi."

Saya (Syeikh) mengatakan, "Bagaimana diambil daripada mereka yang hakikatnya musyrik dan sesat?! Bukankah zakat tidak membersihkan mereka, akan tetapi hanya membersihkan orang yang beriman, sebagaimana firman Allah s.w.t, "Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan

menyucikan mereka dan berdalah untuk mereka. Sesungguhnya di antara kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(At-Taubah (9): 103)

Ayat ini menunjukkan secara jelas bahawa zakat diambil daripada orang-orang yang beriman.

Kitab Ash-Shahihah (223/1).

Masalah:

Wajibkah hukum zakat perhiasan

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Sya'bi, dia berkata, "Aku mendengar Fatimah binti Qais r.a. berkata, "Aku pernah mendatangi Nabi s.a.w dengan membawa kalung seberat tujuh puluh mistqal emas, lalu aku berkata, 'Ya Rasulullah, ambillah kewajipan zakat yang Allah tentukan padanya (perawi) berkata, "Maka Rasulullah s.a.w mengambil satu tiga perempat mistqal (1 3/4), lalu dia mengarahkannya." Dia berkata, "Aku berkata, 'Ya Rasulullah, ambillah bahagian yang Allah tentukan darinya, maka Rasulullah s.a.w membahagi-bahagikan kepada enam golongan dan juga kepada golongan yang lain, maka dia berkata,

Wahai Fatimah (Binti Qais) sesungguhnya Allah s.w.t tidak menyisakan sesuatu untukmu. Nabi s.a.w mengatakan kepadanya, ketika dia berkata, "Ambillah daripada kalung emasku, apa yang diwajibkan oleh Allah." Dia juga berkata, "Ya Rasulullah, aku reda untuk diriku apa yang diredayi oleh Allah dan Rasul-Nya.

Saya (Syeikh) berpendapat, "Dalam hadis ini terdapat dalil yang jelas bahawa kewajipan mengeluarkan zakat atas perhiasan wanita sudah dikenali pada zaman Nabi s.a.w, hal itu terjadi ketika ada perintah dalam suatu hadis berdarjah sahih."

Masalah:

Zakat tumbuhan berbeza-beza sesuai dengan pembiayaan dan beban.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia berkata, "Nabi s.a.w menulis surat kepada penduduk Yaman, kepada Harist bin Abd dan orang-orang yang bersamanya daripada kaum Ma'afir dan Hamdan,

"Wajib atas orang-orang yang beriman mengeluarkan sedekah (zakat) buah-buah atau harta tidak bergerak (tanah) 1/10 yang diairi oleh mata air, dan yang diairi oleh langit (air hujan), dan yang disirami dengan ember (paip) 1/20."

Di dalam hadis ini terdapat kaedah fikih yang dikenali, iaitu bahawa zakat tumbuhan berbeza-beza sesuai dengan perbezaan biaya dan beban, maka jika diairi oleh air hujan, mata air dan sungai, zakatnya 1/10 dan jika diairi dengan ember, disel penarik air atau sepertinya, maka zakatnya 1/20, dan zakat ini tidak wajib dikeluarkan oleh setiap bumi yang menghasilkan buahnya, walaupun sedikit, tetapi hal tersebut terikat dengan nisab yang dikenali di dalam sunah, dan hal tersebut telah diterangkan di dalam hadis-hadis yang terkenal.

Masalah:

Hukum zakat barang dagangan.

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa pendapat yang mewajibkan zakat atas barang dagangan adalah pendapat yang tidak ada dalilnya dalam Al-Quran dan Sunah di samping bercanggah dengan kaedah "Al baraa'ah al ashliyyah" yang diperkuat oleh sabda Rasulullah s.a.w dalam khutbah haji Wada',

"Sesungguhnya darah, harta dan kehormatanmu haram atas kalian seperti haramnya harimu ini, di bulanmu ini dan di negerimu ini, ingatkan, apakah aku telah sampaikan? Ya Allah (aku telah sampaikan), maka saksikanlah."

(HR. Syeikhani dan ditakhrij dalam kitab Al-Irwa' [1485])

Kaedah seperti ini tidak mudah membantalkannya, atau yang paling tepatnya di-takhsish oleh sebahagian atsar. Walaupun sekiranya sahih seperti perkataan Abdullah bin Umar r.a.

"Tidak ada zakat pada barang-barang kecuali untuk barang dagangan."

(HR. Imam Asy-Syafie di Al Umm dengan sanad sahib)

Walaupun hadis ini mauquf akan tetapi di sini tidak ada penjelasan tentang nisab zakatnya, dan apa yang harus dikeluarkan darinya, maka mungkin dimaksudkan sebagai zakat mutlak yang tidak terikat dengan zaman atau jumlah barang, akan tetapi hanya sebatas yang baik menurut pemiliknya, ketika itu ia masuk ke dalam keumuman nas-nas yang memerintahkan untuk berinfak, seperti firman Allah s.w.t, "wahai orang-orang yang beriman, keluarkanlah sebahagian daripada apa yang Kami berikan kepadamu...." dan firman-Nya, "Dan berikanlah haknya pada pada hari mengetam."

Ibnu Hazm telah membicarakan permasalahan ini dengan panjang lebar, dan dia berpendapat bahawa tidak ada zakat pada barang dagangan, juga membantah dalil-dalil orang yang mengatakan wajib zakat serta menerangkan alasan bertitik tolak dan mengkritik seluruhnya secara ilmiah dan terperinci, maka kembalilah membacanya; kerana hal itu sangat bermanfaat; dalam kitabnya Al-Muhalla (6/233-240).

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 363-366.

Masalah:

Biji-bijian apa yang wajib dizakati?

Jawapan:

Yang kami pilih dalam hal ini adalah mengikut Sunah Rasulullah s.a.w dan berpandukan kepadanya, iaitu bahawa tidak ada sedekah (zakat) pada biji-bijian kecuali gandum dan jawawut, dan juga tidak ada zakat pada buah-buahan kecuali pada kurma dan lobak kerana Rasulullah s.a.w tidak menyebut kecuali kedua-dua buah tersebut, di samping perkataan orang yang mengatakan pendapat tersebut daripada kalangan sahabat dan tabi'in, kemudian dipilih oleh Abu Laila dan Sufyan, kerana Rasulullah s.a.w ketika mengkhususkan empat jenis ini yang wajib dikeluarkan sedekahnya dan tidak menyebutkan selain itu, baginda mengetahui bahawa manusia mempunyai harta dan bahan biji-bijian yang dikeluarkan di bumi selain itu, maka hal itu bererti bahawa baginda meninggalkannya dan menolak menyebutkannya kerana maaf darinya seperti maaf baginda terhadap sedekah kuda dan budak.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 372-373.

Masalah:

Hukum zakat madu.

Jawapan:

Kamu dapat menarik kesimpulan daripada yang lalu bahawa sarang-sarang serangga yang diambil sekarang ini di sebahagian kebun dan taman, tidak wajib dikeluarkan zakatnya, mungkin selain zakat mutlak yang berdasarkan kerelaan hati.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 375.

Masalah:

Sifat harta terpendam (rikaz)

Jawapan:

Yang diterangkan Ash-Shan'ani adalah bahawa rikaz menurut pandangan yang lebih zahir adalah emas dan perak.

Pendapat ini salah dan bercanggah dengan bahasa, kerana rikaz menurut bahasa adalah harta yang terpendam di bumi. Harta secara bahasa adalah sesuatu yang kamu miliki. Sehingga daripada dua mukadimah tadi dapat diambil kesimpulan bahawa rikaz adalah semua harta yang terpendam di bumi, tidak hanya khusus kepada dua benda (emas dan perak), ini adalah pendapat jumhur ulama, dan dipilih oleh Ibnu Hazm dan Ibnu Daqiq.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 377.

Masalah:

Yang wajib atas harta temuan.

Jawapan:

Yang zahir daripada kemutlakan hadis, "Pada harta rikaz terdapat zakat," tidak ada persyaratan nisab, dan ini merupakan pendapat jumhur, dan dipilih oleh Ibnu Munzhir, Ash-Shan'ani dan Asy-Syaukani.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 377.

Masalah:

Boleh mengeluarkan nilainya (wang) pada zakat kerana memerhatikan kemaslahatan fakir dan mempermudah orang kaya.

Jawapan:

Ibnu Taimiyah dalam *Al Ikhtiyarat* berkata, "Dibolehkan mengeluarkan nilai barang (wang) pada zakat, kerana tidak berhentinya keperluan dan maslahat, seperti menjual buah-buahan hasil kebun atau sawahnya, maka di sini boleh mengeluarkan sepuluh dirham, dan tidak

dibebani untuk membeli kurma matang atau mentah, kerana hal itu telah dilakukan oleh orang fakir dengan sama. Imam Ahmad telah menetapkan bahawa hal tersebut dibolehkan, dan juga seperti kewajipan mengeluarkan seekor kambing untuk zakat unta, sementara dia tidak mempunyai kambing, maka mengeluarkan harga kambing dapat dikatakan cukup, tanpa ada pembebasan membeli kambing, atau jika orang-orang yang berhak menerima zakat meminta nilainya (harga barang) kerana lebih bermanfaat bagi mereka, maka hal itu dibolehkan.”

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 380.

Masalah:

Apakah orang yang diberikan zakat fitrah, juga orang yang diberikan zakat harta, ertinya diagihkan kepada golongan yang lapan?

Jawapan:

Tidak ada di dalam sunah amaliyah (pelaksanaan) yang menjadi bukti cara pembahagian ini, bahkan sabda Rasulullah s.a.w dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. menyatakan, “Dan makanan untuk orang-orang miskin,” memberi faedah bahawa hal itu hanya terhad bagi orang-orang miskin, dan ayat Al-Quran (tentang orang-orang yang berhak menerima zakat) hanya pada zakat harta bukan zakat fitrah dengan dalil ayat sebelumnya, iaitu firman Allah s.w.t, “Dan di antara mereka ada orang yang mencelamu tentang (pembahagian) zakat; jika mereka diberi sebahagian daripadanya, maka mereka bersenang hati....” (At-Taubah (9) 58) Ini adalah pendapat yang dipilih oleh Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah. Dan Ibnu Qayim dalam Zad Al Ma‘ad, ‘Menurut petunjuk Nabi s.a.w, sedekah hanya khusus bagi orang-orang miskin.’

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 387-388.

Masalah:

Apakah zakat yang wajib pada buah gandum satu sha’ atau setengah sha’?

Jawapan:

Zakat yang dikeluarkan daripada buah gandum adalah setengah sha’, dan ini merupakan pendapat yang dipilih oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dalam kitab *Al Ikhtiyarat*, hal. 60, dan Ibnu Qayim cenderung kepada pendapat ini, dan inilah pendapat yang benar -insyaallah-

Masalah:

Haram bersedekah (zakat) kepada budak-budak keluarga Nabi s.a.w.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Rafi’ r.a. bahawa Nabi s.a.w mengutus seorang lelaki daripada Bani Makhzum untuk meminta sedekah, maka dia berkata kepada Abu Rafi’, “Temanilah aku, kerana kamu akan mendapat sebahagian daripadanya”, maka dia mengatakan, “Tidak, sampai aku mendatangi Rasulullah s.a.w dan menanyakan hal itu”, Maka dia pergi kepada Nabi s.a.w, lalu menanyakannya.

Lalu baginda menjawab melalui sabdanya “Sesungguhnya sedekah tidak dihalalkan bagi kita dan budak-budak kaum adalah sebahagian daripada mereka.”

Apa yang ditunjukkan oleh hadis tentang pengharaman sedekah kepada budak-budak keluarga Nabi s.a.w adalah yang masyhur di mazhab Hanafi.

Kitab *Ash-Shahihah* (150/4).

7

Puasa

Masalah:

Puasa dan berbuka (tidak puasa) berjemaah.

Jawapan:

Negara-negara Islam berkumpul atas hal tersebut, maka saya berpendapat bahawa setiap rakyat daripada tiap-tiap negara agar berpuasa menurut keputusan negaranya, dan tidak berpecah-pecah.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 398.

Masalah:

Apa yang dilakukan oleh orang yang melihat hilal (bulan tsabit) Ramadan sendirian atau hilal aidil Fitri sendirian?

Jawapan:

Dalam permasalahan tersebut terdapat perincian yang disebutkan oleh Syeikul Islam, Ibnu Taimiyyah dalam fatwanya yang mengatakan (25/114), masalah itu terbahagi kepada tiga pendapat, iaitu tiga riwayat daripada Imam Ahmad, dan yang terpenting bagi saya adalah yang sesuai dengan sunah, iaitu perkataannya.

Ketiga; puasa bersama manusia dan berbuka bersama manusia dan ini adalah pendapat yang paling zahir

daripada sabda Rasul:

"Puasa kamu adalah hari di mana kamu berpuasa dan berbukamu adalah hari di mana kamu berbuka, dan aidil adha adalah hari kamu berkurban."

(HR. Timizi)

Dia berkata: Sebahagian orang cerdik pandai menafsirkan hadis ini bahawa makna puasa dan fitri adalah bersama manusia dan kebanyakan manusia.

Masalah:

Bila puasa wajib dibolehkan berniat pada siang hari?

Jawapan:

Dalam kitab *Al Ikhtiyarat Al Ilmiyah* (4/63) Ibnu Taimiyah mengatakan, "Dibolehkan puasa wajib dengan niat pada siang hari, bila dia tidak mengetahui kewajipan nya pada malam hari, sebagaimana apabila jelas bukti (kewajipan puasa) dengan rukyah (melihat) pada siang hari, maka dia menyempurnakan sisa harinya, dan tidak wajib qadha, walaupun dia telah berbuka." Ibnu Qayim dan Syaukani mengikuti pendapatnya.

Kitab *Ash-Shahihah* (253/6/bab. I).

Masalah:

Termasuk sunah mempercepat berbuka dan bersegera solat Maghrib

Jawapan:

Benar, telah datang anjuran mempercepat berbuka di dalam beberapa hadis, di antaranya sabda Rasulullah s.a.w,

"Umatku masih dalam keadaan baik-baik selama mereka mempercepat berbuka."

Iaitu dengan cara bergegas untuk berbuka dengan beberapa potong makanan yang mengisi kekosongan

perutnya, kemudian mendirikan solat, lalu jika dia mahu, dia boleh kembali makan untuk memenuhi hajatnya. Dan hal ini juga telah ada di dalam sunah amaliyah, di mana Anas r.a. berkata, "Rasulullah s.a.w berbuka sebelum solat dengan beberapa kurma kering jika tidak dengan kurma kering maka dengan kurma basah atau matang, jika tidak dengan kurma matang, maka dia meneguk beberapa teguk air.

Kitab Ash-Shahihah (93/2).

Masalah:

Makanan yang dianjurkan untuk berbuka.

Jawapan:

Rasulullah s.a.w berbuka dengan beberapa kurma kering sebelum solat, jika tidak dengan kurma kering, maka dengan kurma matang, dan jika tidak, maka dengan beberapa teguk air."

Kesimpulan yang dikatakan oleh Syeikh adalah sebagai berikut, "Ini adalah peringatan sunah Nabi s.a.w yang telah diremehkan oleh kebanyakan orang yang berpuasa, dan khususnya dalam beberapa undangan umum di mana disediakan segala yang lazat dan baik daripada makanan dan minuman. Manakala kurma kering atau kurma matang walaupun sedikit, tidak disebut-sebut, dan yang lebih buruk daripada itu adalah mereka meremehkan berbuka dengan beberapa teguk air, maka beruntunglah orang yang termasuk dalam ayat ini:

"Yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah orang-orang yang telah diberi Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal."

(Az-Zumar (39): 18)

Kitab (Ash-Shahihah 181/6/bab. I).

Masalah:

Tidak boleh berpuasa dalam perjalanan, apabila membahayakan orang yang berpuasa

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a., dia berkata,

"Nabi s.a.w pernah melintasi seorang lelaki yang membalik (menekuk) punggungnya ke perutnya, maka baginda bertanya tentang orang itu, maka mereka (sahabat) menjawab, "Dia sedang berpuasa, wahai Nabi Allah," maka baginda memerintahkan untuk berbuka, sesuai dengan sabda baginda, "Tidakkah cukup kamu berada di jalan Allah dan bersama Rasulullah s.a.w hingga kamu berpuasa?"

Dalam hadis itu terdapat dalil yang jelas bahawa tidak boleh berpuasa dalam perjalanan apabila membahayakan orang yang berpuasa. Maka sabda Rasulullah s.a.w,

"Tidak termasuk kebijakan, berpuasa dalam perjalanan" Atau sabdanya,

"Mereka itulah orang-orang yang maksiat"

Adapun selain keadaan daripada itu seseorang boleh melakukannya jika mampu dan boleh meninggalkannya jika tidak mampu.

Masalah:

Apa yang paling utama bagi orang yang bepergian, puasa atau berbuka?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Hamzah bin Amru Al Islami r.a., bahawa dia bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang puasa dalam perjalanan, maka baginda menjawab, "Yang mana yang paling ringan bagimu, maka kerjakanlah."

Ertinya berbuka (tidak puasa) pada bulan Ramadan atau puasa dalam perjalanan”

Saya lebih mengutamakan men-takhrij lafaz ini di sini, pertama kerana kuatnya sumber kedua; kerana kandungannya tentang sebab Nabi s.a.w memberi keringanan dan pilihan untuk orang yang bepergian; berpuasa atau berbuka, dan itu adalah kemudahan. Dalam hal ini manusia berbeza-beza cara melaksanakannya sebagaimana fenomena yang ada dalam masyarakat sebahagian mereka menganggap bahawa yang teringan (termudah) baginya adalah berpuasa bersama manusia dan tidak mengqadha ketika orang-orang berbuka, sementara sebahagian yang lain tidak peduli terhadap hal tersebut, sehingga dia berbuka kerana ada keringanan, kemudian mengqadha. Semoga Allah s.w.t berselawat kepada Nabi yang ummi yang diturunkan kepadanya firman Allah s.w.t:

“Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.”

(Al-Baqarah (2): 185)

Masalah:

Hukum mencium isteri bagi orang yang berpuasa.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata,

“Nabi s.a.w pernah menciumku sementara baginda sedang puasa dan aku pun sedang puasa.”

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang berpuasa pada bulan Ramadan boleh mencium isterinya.

Ulama berselisih pendapat dalam hal ini hingga lebih daripada empat pendapat, namun yang paling rajih adalah pendapat yang membolehkannya, tetapi dengan memperhatikan keadaan orang yang mencium, di mana bila yang

mencium adalah anak muda yang mengkhuatirkan dirinya terjerumus kepada Jimak dan akan merosak puasanya, maka hal itu dilarang. Hal ini diisyaratkan oleh Aisyah r.a. di dalam riwayat berikut, “Siapa di antara kalian yang boleh menahan kegemarannya?”

Kitab Ash-Shahihah (383/1).

Masalah:

Hukum menyentuh wanita bagi orang yang berpuasa.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., bahawa Nabi s.a.w menyentuhnya manakala dia dalam keadaan berpuasa, lalu menjadikan di antara dirinya dan isterinya baju, maksudnya adalah (menghindari) kemaluan.”

Di dalam hadis ini terdapat faedah penting, iaitu tafsir makna menyentuh; maknanya adalah menyentuh tubuh wanita selain kemaluannya.

Hadis ini yang menjadi sandaran, kerana tidak ada dalil-dalil syariat yang mencabarnya bahkan kami telah mendapatkan perkataan orang-orang salaf yang mungkin mengambil pendapat di atas di antaranya adalah perkataan Aisyah sendiri, yang diriwayatkan oleh Ath-Thahawi (1/347) dengan sanad sahih daripada Hakim bin Aqqal bahawa dia berkata, “Aku bertanya kepada Aisyah, ‘Apa yang haram bagiku daripada isteriku sementara aku sedang berpuasa?’ (Aisyah) menjawab, ‘Kemaluannya.’ Hadis ini diulas oleh Al Bukhari (4/120) dengan shighat jazm (redaksi), bab “Sentuhan Bagi orang yang Puasa,” dan Aisyah r.a. berkata, “Diharamkan baginya kemaluannya (isterinya).”

Kitab Ash-Shahihah (386A).

Masalah:

Boleh bersiwak bila-bila masa bagi orang yang berpuasa.

Jawapan:

Alangkah indah apa yang diriwayatkan oleh Thabranī dalam kitab *Al Kabir* (29/79/133) dan *Musnad Asy-Syafieyyah* (2250) dengan isnad yang memungkinkan penilaian baik daripada Abdurrahman bin Ghunam, dia berkata, “Aku bertanya kepada Mu‘az bin Jabal, ‘Apakah boleh aku bersiwak sementara aku berpuasa?’ Dia menjawab, ‘Ya’, lalu saya bertanya, ‘bila aku boleh bersiwak pada siang hari?’ Dia menjawab, ‘bila-bila masa daripada waktu siang, pagi ataupun petang.’ Aku berkata, ‘Sesungguhnya manusia tidak menyukainya pada waktu petang, dan mereka berkata, ‘Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda, ‘Sungguh bau busuknya mulut orang yang berpuasa lebih baik di sisi Allah daripada wanginya misik.’ Maka dia menjawab, ‘Maha Suci Allah, baginda telah memerintahkan mereka bersiwak manakala baginda mengetahui orang yang berpuasa pasti mempunyai bau mulut, walaupun dia bersiwak, dan baginda tidak memerintahkan mereka untuk membuat mulut mereka secara sengaja....’”

Masalah:

Hukum memakai sifat mata (celak), suntik (dengan jarum), pada siang Ramadan.

Jawapan:

Yang benar adalah bahawa memakai sifat mata tidak membatalkan puasa; kerana memakai sifat mata seperti bersiwak; iaitu boleh dipakai bila-bila masa, hal ini beranggah dengan apa yang ditunjukkan oleh hadis daif, yang menjadikan secara langsung sebab manusia tidak mengambil hal yang benar. Hal ini seperti yang ditunjukkan oleh kajian ilmiah.

Alangkah banyaknya soalan tentangnya di zaman ini. Dan pertikaian mengenainya juga sangat panjang, iaitu hukum suntikan dengan jarum pada otot atau urat. Pendapat kami yang rajih adalah bahawa hal tersebut sama sekali tidak membatalkan puasa, kecuali jika maksud suntikan itu untuk memberi nutrisi kepada orang yang sakit maka hanya satu alasan ini sahaja yang membatalkan puasa -Wallahu alam.

Masalah:

Hukum orang yang melihat terbit fajar, namun bejana makanan atau minuman berada di tangannya.

Jawapan:

Sabda Rasulullah s.a.w, “Apabila salah seorang dari pada kamu mendengar panggilan azan, sedangkan bejana (makanan atau minuman) berada di tangannya, maka jangan dia letakkan sampai dia memenuhi keperluannya, (HR. Ahmad, Abu Daud, Al Hakim dan di-sahih-kan oleh Adz-Dzahabi).

Dalam hadis ini terdapat dalil bahawa orang yang ketika terbit fajar masih memegang bejana makanan atau minuman, maka boleh baginya untuk tidak meletakkannya sehingga dia memenuhi hajatnya. Ini adalah bentuk pengecualian daripada firman Allah s.w.t,

“...dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih daripada benang hitam, iaitu fajar.”

(Al-Baqarah (2): 187)

Tidak ada kontradiksi antara kedua-duanya dan hadis-hadis yang semakna dengannya, bahkan sekelompok sahabat dan yang lain berpendapat melebihi daripada apa yang ditunjukkan oleh hadis, iaitu dibolehkan sahur sampai fajar nampak jelas dan cahaya putih menyebar di jalan. Lihatlah kitab *Al Fath* (4/109-110).

Inti sari daripada hadis ini dan pembatalan bidaah

imsak sebelum fajar sekitar lima belas minit adalah bahawa mereka mengerjakan hal tersebut kerana takut dikumandangkan azan fajar sementara mereka sedang sahur. Sekiranya mereka mengetahui keringanan ini, nescaya mereka tidak akan terjerumus ke dalam bidaah ini, maka perhatikanlah!

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 417-418.

Masalah:

Diterimanya puasa Ramadan bergantung kepada pengeluaran zakat fitrah.

Jawapan:

Saya tidak mengetahui seorangpun daripada ulama yang mengatakan pendapat ini.

Kitab *Ad-Dha'ifah* (118/1).

Masalah:

Apakah mengeluarkan mani baik kerana suami mencium isteri atau memeluknya atau dengan tangan mengharuskan qadha?

Jawapan:

Tidak ada dalil yang menunjukkan atas batalnya puasa dengan sebab-sebab tersebut, begitu juga dengan memposisikannya seperti jimak. Oleh kerana itu Shan'ani berpendapat, "Yang paling zahir adalah tidak ada qadha dan juga kafarat kecuali bagi orang yang jimak." Menyamakan orang yang tidak jima' dengan orang jimak adalah jauh, dan Syaukani cenderung kepada pendapat ini, kerana ini adalah mazhab Ibnu Hazm. Lihat kitab *Al-Muhalla* (6/ 1759).

Di antara yang membuktikan kepadamu bahawa mengkiaskan pengeluaran mani dengan jimak merupakan pengkiasan yang jauh dan salah; bahawa sebahagian orang yang mengatakan bahawa hal itu membatalkan

puasa tidak mengatakan adanya kafarat; mereka mengatakan bahawa jimak itu lebih berat dan hukum asalnya tidak ada kafarat." Lihat kitab *Al-Muhazzab* dengan penjelasannya, karangan An-Nawawi (6/318).

Kita juga mengatakan, bahawa hal tersebut tidak membatalkan puasa, kerana jimak lebih berat daripada mengeluarkan mani; maka hal itu tidak boleh diqiyaskan kepadanya.

Kitab *Tamam Al Minnah*, (418-419).

Masalah:

Apakah qadha Ramadan wajib dilakukan secara langsung?

Jawapan:

Yang benar adalah wajib cepat-cepat mengqadha ketika mampu. Ini mazhab Ibnu Hazm (6/260). Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 421.

Masalah:

Orang yang membatalkan puasa dengan sengaja, apakah harus mengqadha atau tidak?

Jawapan:

Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah dalam kitab *Al-Iklitiyyarat* hal. 65 berkata, "Orang yang meninggalkan puasa atau solat secara sengaja tidak mengqadha dan juga tidak sah qadhanya." Sedangkan riwayat yang mengatakan bahawa Nabi s.a.w memerintahkan orang yang jimak pada siang Ramadan untuk mengqadha adalah riwayat yang lemah, kerana Al Bukhari dan Muslim meninggal-kannya. Ini adalah mazhab Ibnu Hazm, maka rujuklah ke kitab *Al-Muhalla* (680-185).

Akan tetapi alasan Ibnu Taimiyah dalam melemahkan hadis yang memerintahkan orang yang berjimak di siang Ramadan untuk mengqadha kerana Al Bukhari dan

Muslim meninggalkannya, bukan suatu alasan menurut saya, kerana berapa banyak hadis yang ditinggalkan oleh Syeikhani (Al Bukhari dan Muslim) tetapi mempunyai darjat sahih.

Yang benar adalah bahawa hadis itu sahih sebagaimana yang dikatakan oleh Al Hafidz Ibnu Hajar, dan salah satunya sahih mursal.

Jadi qadha orang yang berjimak termasuk kesempurnaan kafaratnya, orang-orang yang membatalkan puasanya secara sengaja selain jimak tidak boleh disamakan dengannya (jimak), dan perkataan Syeikh tentang selainnya (orang yang jimak) tetap benar.

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 425.

Masalah:

Larangan mengkhususkan puasa pada hari Jumaat sampaipun bertepatan dengan hari keutamaan seperti Asyura dan Arafah.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Laila, isteri Basyir bin Khashiyah, dia berkata, “Basyir menghabarkan kepada ku bahawa dia bertanya kepada Rasulullah s.a.w, dia berkata, ‘Aku puasa pada hari Jumaat dan aku tidak berbicara kepada sesiapapun pada hari itu?’ Baginda menjawab,

“Janganlah puasa pada hari Jumaat kecuali pada hari-hari di mana ia (Jumaat) salah satunya, manakala kamu tidak berbicara kepada sesiapapun, aku bersumpah, bahawa kamu berbicara dengan hal yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar lebih baik daripada kamu diam.”

(HR. Ahmad [5225])

Hadis ini menerangkan secara jelas bahawa tidak boleh

puasa pada hari Jumaat sahaja, walaupun bertepatan dengan hari keutamaan seperti hari Asyura dan Arafah kerana bercanggah dengan pendapat Al Hafidz.

Kitab *Ash-Shahihah* (1074/6/bab. II)

Masalah:

Larangan berpuasa pada hari Sabtu kecuali puasa wajib.

Jawapan:

Ketahuilah bahawa telah diriwayatkan dalam hadis sahih tentang larangan berpuasa pada hari Sabtu kecuali puasa fardu, dan Nabi s.a.w tidak mengecualikan yang lain.”

Kitab *Ash-Shahihah* (524/5).

Masalah:

Apakah memberi keluasan pada hari Asyura disyariatkan?

Jawapan:

Al Manawi menukil daripada Majdi Al-Lughawi bahawa dia berkata, “Apa yang diriwayatkan tentang keutamaan hari Asyura, solat, berinfak, mewarna kuku, memakai minyak rambut dan celak mata pada hari itu merupakan bidaah yang dibuat-buat oleh para pembunuhan Husain r.a.”

Kitab *Tamam Al Minnah*, hal. 412.

Masalah:

Apakah boleh berpuasa pada hari Khamis pada awal bulan dan berpuasa pada hari Isnin setelahnya?

Jawapan:

Saya tidak menemui sama sekali tentang hal ini dalam kitab-kitab Sunnah, dan Ibnu Qayim tidak menyebutkaninya di dalam kitab Hadyuhu Safi Shiyamih. Ini kerana sebagaimana yang sudah diketahui dalam Sunnah bahawa Nabi s.a.w berpuasa tiga hari setiap bulan: hari Isnin

daripada awal bulan, Khamis yang setelahnya kemudian Khamis yang setelahnya.”
(HR. An-Nasa'i [1/328] daripada hadis Ibnu Umar dan Ahmad daripada salah seorang isteri Nabi s.a.w dan sanadnya sahih)

Kitab Tamam Al Minnah, hal. 415.

Masalah:

Apakah disyaratkan berturut-turut dalam mengqadha puasa?

Jawapan:

Kesimpulan perkataannya adalah bahawa dalam permasalahan ini tidak ada hadis sahih baik secara negatif ataupun positif, dan perintah Al-Quran agar untuk mempercepat menghukumkan wajibnya berturut-turut kecuali ada uzur. Ini adalah mazhab Ibnu Hazm (6/261).

Dia berkata, “Maka jika dia tidak mengerjakannya, lalu mengqadhananya secara terpisah-pisah, maka hal itu sah sesuai dengan firman Allah s.w.t,

“Maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.”

(Al-Baqarah (2): 184)

Allah s.w.t tidak membatasi waktu yang membatalkan qadha kerana keluar darinya; dan ini adalah pendapat Abu Hanifah.

Masalah:

Orang yang tidak mampu berpuasa, lalu digantikan oleh orang lain semasa hidupnya.

Jawapan:

Ibnu Taimiyyah dalam kitab *Al Ikhtiyarat* hal. 64 berkata, “Jika seseorang beramal puasa (menggantikan) daripada orang yang tidak mampu mengerjakannya; kerana tua atau sebab yang lain, atau daripada orang yang telah meninggal manakala kedua-duanya orang susah,

maka hal itu dibolehkan; kerana ia lebih dekat dikerjakan daripada mengeluarkan harta.”

Dan saya telah menukilnya hanya untuk diperlihatkan bukan untuk membangun pendapat, maka saya tidak melihatnya benar, kerana bercanggah dengan firman Allah s.w.t,

“Tidaklah bagi manusia kecuali yang diusahakannya.”

Manakala dia mentakwilkan ayat ini dengan hal yang tidak berbenturan dengan mazhabnya.

Kitab Tamamu Al Minnah, hal. 427.

Masalah:

Syariat iktikaf pada bulan Ramadan dan yang lain.

Jawapan:

Iktikaf merupakan perbuatan sunah pada bulan Ramadan dan hari-hari selain Ramadan, berdasarkan firman Allah s.w.t, “(tetapi) janganlah kamu mencampuri mereka sedang kamu beriktikaf....”

(Al-Baqarah (2): 187)

Ditetapkan juga dalam hadis sahih bahawa Nabi s.a.w beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Syawal, dan Umar berkata kepada Nabi s.a.w, “Pada zaman Jahiliah aku bernazar akan beriktikaf satu malam di masjid haram? Baginda bersabda,

“Maka tunaikanlah nazarmu,”

Maka beriktikaf satu malam. Dan baginda menekankan pada bulan Ramadan, berdasarkan hadis Abu Hurairah r.a.: “Rasulullah s.a.w beriktikaf pada setiap Ramadan sepuluh hari, maka ketika pada tahun di mana baginda meninggal dunia, baginda beriktikaf dua puluh hari.”

(HR. Al Bukhari)

Yang paling utama adalah di akhir Ramadan, kerana Nabi s.a.w selalu berikikaf sepuluh hari terakhir daripada bulan Ramadan sampai Allah mewafatkannya.

(HR. Syeikhani)

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 34.

Masalah:

Pengkhususan iktikaf di masjid yang tiga (masjid haram Mekah, masjid Nabawi dan masjid Aqsa).

Jawapan:

Selayaknya iktikaf dilakukan di masjid jami' agar tidak terpaksa keluar darinya untuk solat Jumaat, kerana keluar untuk solat Jumaat wajib baginya, sesuai dengan hadis Aisyah r.a. dalam suatu riwayat darinya, sebagaimana tersebut dalam hadis yang lalu, "Tidak ada iktikaf kecuali di masjid jami'."

Kemudian saya mendapatkan hadis sahih yang sangat jelas mengkhususkan (masjid-masjid yang disebutkan di dalam ayat) dengan "Masjid yang tiga: Masjid Haram, Masjid Nabawi dan Masjid Aqsa, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w,

"Tidak ada iktikaf kecuali di masjid yang tiga."

(HR. Ath-Thahawi, Al Ismaili dan Al Baihaqi dengan sanad saih)

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 36.

Masalah:

Pensyariatan iktikaf bagi wanita dan mengunjungi suaminya di masjid.

Jawapan:

Bagi wanita boleh menziarahi suaminya di tempat iktikafnya, dan suaminya boleh menghantarnya sampai ke pintu masjid, sesuai dengan perkataan Shafiiyah r.a. bahawa 'Nabi s.a.w berikikaf di masjid pada sepuluh hari

terakhir di bulan Ramadan, lalu aku mendatanginya untuk menziarahnnya pada malam hari, dan pada saat itu isteri-isterinya ada di sisinya mereka bahagia, lalu aku berbincang-bincang dengannya selama satu jam, kemudian aku bangun untuk balik maka dia berkata;

"Janganlah kamu tergesa-gesa sehingga aku pergi bersamamu.

Lalu baginda bangun bersamaku untuk menciumku."

(HR. Syeikhani)

Bahkan boleh baginya berikikaf bersama suaminya atau sendirian; berdasarkan perkataan Aisyah r.a.:

"Ada wanita mustahadah berikikaf bersama Rasulullah s.a.w", dalam riwayat lain bahawa dia adalah Ummu Salamah (termasuk isterinya), maka wanita itu terlihat merah kuning, dan mungkin kami meletakkan baldi di bawahnya sementara dia sedang solat."

(HR Al Bukhari dan lihat Shahih Abu Daud [2138])

Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 40.

Masalah:

Apakah orang yang iktikaf wajib membayar kafarat, jika melakukan jima'?

Jawapan:

Jima' membatalkan iktikaf, sebagaimana difirmankan oleh Allah s.w.t, "(tetapi) janganlah kamu mencampuri mereka sedang kamu berikikaf...." (Al Baqarah (2): 187). Ibnu Abbas berkata, "Apabila orang yang iktikaf melakukan jimak maka batal i'tikafnya dan harus memulainya lagi." (HR. Abu Syaibah [3/92] dan Abdurazzak dengan sanad saih [4/63]). Namun dia tidak wajib membayar kafarat; kerana tidak ada hadis yang menerangkan hal itu baik daripada Nabi s.a.w dan juga daripada sahabatnya. Kitab Qiyam Ramadhan, hal. 41.

8

Haji, Umrah Dan Ziarah

Masalah:

Kewajipan berihram daripada miqat.

Jawapan:

Baihaqi meriwayatkan makruhnya berihram sebelum miqat daripada Umar dan Usman r.a., dan inilah yang sesuai dengan hikmah pensyariatan miqat-miqat.

Sungguh sangat baik apa yang disebutkan oleh Syathibi dalam kitab Al I'tisham (1/167) daripada Zubair bin Bakkar, dia berkata, "Sufyan bin Uyainah meriwayatkan kepadaku, dia berkata, 'Aku mendengar Malik bin Anas, 'Ketika seorang lelaki mendatanginya seraya berkata, 'Wahai Abu Abdullah, daripada mana saya berihram?' Dia menjawab, 'Dari Dzul Hulaifah di tempat di mana Rasulullah s.a.w berihram, maka orang itu berkata, 'Aku ingin berihram daripada masjid (Masjid Madinah) daripada sisi kubur (Baqi)'."

Imam Malik berkata, "Jangan kamu lakukan hal itu, kerana aku khawatir kamu terkena fitnah." Lalu dia bertanya, "Fitnah apa dalam hal tersebut? Bukankah aku telah menambahkan bermil-mil sebelumnya (miqat)? Dia menjawab; 'Fitnah apa yang lebih besar daripada mengejar

keutamaan yang tidak dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w.? Kerana aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: (membacakan firman Allah "... maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasulullah takut akan ditimpa cubaan atau ditimpa azab yang pedih." (An-Nuur 63)

Masalah:

Dbolehkan cepat-cepat dalam tawaf sampai hari Kiamat.

Jawapan:

Ada orang yang berkata, "Apabila illat (sebab) pembolehan bercepat-cepat dalam tawaf adalah untuk memperlihatkan kepada kaum musyrikin kekuatan kaum muslimin, maka bukankah boleh dikatakan bahawa illatnya telah hilang, jika demikian, maka hilang pula pembolehan bercepat-cepat?

Jawapannya: Tidak, kerana Nabi s.a.w juga bercepat-cepat dalam mengerjakannya, ketika melaksanakan haji Wada' sebagaimana diterangkan dalam hadis Jabir (yang panjang) juga hadis yang lain seperti hadis Ibnu Abbas pada riwayat Abu Thufail yang lalu. Oleh kerana itu Ibnu Hibban berkata di dalam Sahih-nya (6/47), "Maka hilang illat ini, tetapi bercepat-cepat (dalam tawaf) tetap wajib atas umat Nabi Muhammad s.a.w hingga hari Kiamat."

Kitab Ash-Shahwah (151/6/bab. II).

Masalah:

Solat tahiyyat baitulharam (masjidil haram) dua rakaat bagi selain orang yang berihram.

Jawapan:

Saya tidak mengetahui di dalam sunah perkataan atau perbuatan yang membuktikan makna hadis ini.

Bahkan keumuman dalil-dalil yang membicarakan tentang solat sebelum duduk di masjid mencakupi pula

Masjid Haram, dan pendapat yang mengatakan bahawa tahiyatnya adalah tawaf bercanggah dengan keumuman dalil-dalil yang mengisyaratkan hal tersebut, maka tidak boleh diterima kecuali setelah ditetapkan kesahihannya, dan itu mustahil. Lebih-lebih lagi telah ditetapkan melalui percubaan bahawa tidak mungkin setiap kali orang yang masuk ke Masjid Haram melakukan tawaf apalagi pada hari-hari musim haji. Maka kita memuji kepada Allah s.w.t yang telah menjadikan perkara ini sangat luas, Allah berfirman,

“Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.”

(Al Hajj (22): 78)

Hal yang perlu ditekankan di sini adalah hukum ini hanya untuk selain orang yang berihram, jika tidak, maka sunah yang perlu dikerjakan adalah dengan memulai tawaf kemudian setelahnya mengerjakan solat dua rakaat.

Kitab Ad-Da'ifah (73/3).

Masalah:

Di manakah tempat mengambil kerikil untuk melontar terletak?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Fadl bin Abbas r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda kepada manusia ketika mereka bangkit daripada Arafah pada petang hari dan paginya untuk mengumpulkan kerikil,

“Hendaklah kalian bersikap tenang” manakala baginda cukup di atas untanya sehingga apabila masuk ke Mina, maka baginda turun dalam keadaan letih, seraya bersabda,

“Hendaklah kamu mengumpulkan kerikil pelontar untuk melontar Jumrah.” (Perawi) berkata, “Dan, Nabi

s.a.w mengisyaratkan dengan tangannya sebagaimana manusia melontar.”

An-Nasa'i memberi tema pada pembahasan ini dengan tema “Dari Mana Kerikil Diambil?” Hadis ini mengisyaratkan bahawa mengambil kerikil adalah daripada Mina. Hadis ini juga memperjelaskan hal tersebut; sebab Nabi s.a.w memerintahkan mereka ketika turun daripada unta dalam keadaan letih iaitu daripada Mina, sebagaimana terdapat juga dalam riwayat Muslim dan Al Baihaqi. Zhahir hadi

Ibnu Abbas juga menunjukkan hal tersebut; dia berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepadaku pada pagi hari Aqabah, manakala baginda berada di atas kenderaannya, “Ambilkan (kerikil) untukku”, maka aku mengambilkan kerikil-kerikil untuk dilontar untuknya, dan ketika baginda meletakkan di tangannya, baginda bersabda:

“Batunya sebesar ini, dan jauhkanlah daripada sikap berlebihan dalam agama, kerana orang-orang sebelum kamu binasa kerana berlebih-lebihan dalam agama.”

(HR An-Nasa'i, Baihaqi dan Ahmad [215-247] dengan sanad saih)

Sisi yang ditunjukkan sebagai dalil adalah sabdanya, “Pagi hari Aqabah”, yang dimaksudkan adalah alat melontar jumrah Aqabah Kubra, dan makna yang boleh dipetik adalah bahawa perintah mengambil kerikil itu di Mina yang posisinya dekat dengan jumrah. Dan, apa yang dikerjakan oleh para jemaah haji saat ini -iaitu mengambil kerikil di Muzdalifah- termasuk ritual yang tidak berdasar bahkan bercanggah dengan dua hadis ini, kerana di dalamnya terkandung pembebanan dan pemberatan yang tidak ada faedahnya.

Kitab Ash-Shahihah (177-178/5).

Masalah:

Dengan melempar jumrah ketika haji, maka semua hal dihalalkan untuk jemaah haji kecuali berhubungan badan dengan wanita.

Jawapan:

Dari Ibnu Abbas r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, Jika engkau telah melempar jumrah, maka segala sesuatu dihalalkan kecuali wanita.”

Dalam hadis di atas terdapat satu dalil yang nyata bahawa para jemaah haji halal melaksanakan sesuatu yang tidak diperbolehkan sebelumnya kecuali berhubungan badan dengan wanita. Hukum ini disepakati oleh ijma' ulama.

Hadis Ash-Shahihah (1/428)

Masalah:

Umrah daripada Tan'im khusus untuk wanita haid yang belum melaksanakan umrah haji.

Jawapan:

Umrah seperti ini hanya dikhurasukan untuk wanita haid sahaja yang belum melaksanakan umrah haji. Hal ini tidak diperbolehkan untuk yang lainnya termasuk wanita yang suci, sebagai satu kelebihan yang dimiliki oleh wanita.

Namun daripada permasalahan ini muncul penolakan daripada para ulama salaf, dan sebahagian daripada mereka ada yang memberi hukum makruh. Dan, dalam hal ini Aisyah tidak mengiyakannya. Jika tetap melaksanakan haji, maka wanita tersebut mengenakan pakaian ihram kemudian keluar menuju Juhfah sebagai permulaan ihram untuk umrah. Untuk lebih jelas sila rujuk ke Majmu' Al fatawa, Ibnu Taimiyah (92/26)

Hadis Ash-Sahihah (257/6/bab. I)

Masalah:

Apakah keluar Mekah untuk mengerjakan Umrah sunah disyariatkan?

Jawapan:

Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah di dalam kitab Al-Ikhitiyar Al Ilmiyah (119) berkata, “Makruh hukumnya keluar daripada Mekah untuk mengerjakan umrah sunah, kerana hal itu bidaah yang tidak pernah dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w dan tidak juga oleh para sahabat pada zamannya, tidak pada bulan Ramadan dan tidak pula pada bulan yang lain, serta baginda tidak memerintahkan Aisyah mengerjakannya, tetapi mengizinkannya setelah berkali-kali diminta untuk membahagiakan hatinya. Tawaf di Baitullah lebih utama daripada keluar daripada Mekah. Hal ini menurut kesepakatan ulama, namun ada juga yang memakruhkannya.

Kitab Ash-Sahihah (258/6/bab. I).

9

Jual Beli, Usaha Dan Zuhud

Masalah:

Hukum jual beli kredit (jual beli untuk meninggikan harga barang).

Jawapan:

Ketahuilah wahai saudaraku bahawa muamalat yang sudah menyebar di kalangan para pedagang sekarang ini adalah jual beli dengan cara kredit, mengambil lebih untung dengan imbalan tempoh masa, dan semakin lama masa tempohnya, semakin besar kelebihannya. Hal itu tidak lain merupakan muamalat yang tidak dibolehkan, dan daripada sisi lain bercanggah dengan nilai-nilai Islam yang berdiri di atas dasar memberi kemudahan dan keringanan pada manusia, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w,

“Allah menyayangi hamba yang sabar apabila menjual dan sabar apabila membeli, serta sabar apabila membayar.”

(HR. Al Bukhari)

Dan Sabda Rasulullah s.a.w, “Sesiapa yang bersikap murah, lembut dan dekat, nescaya Allah mengharamkannya daripada api neraka.”

(HR. Hakim dan yang lainnya)

Sekiranya salah seorang daripada mereka takut kepada Allah s.w.t, dan menjual barang dagangan dengan cara hutang dan secara ansuran, di mana harga ansuran sama dengan harta tunai, nescaya akan lebih untung, kerana hal itu termasuk yang menjadikan manusia sangat tertarik untuk membeli darinya. Jika demikian, maka Allah akan memberkati hartanya, sesuai dengan firman Allah s.w.t,

“Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menjadikan baginya jalan keluar dan memberinya rezeki yang tidak disangka-sangka.”

Kitab Ash-Sahihah (425).

Masalah:

Bentuk-bentuk jual beli yang diharamkan oleh syariat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bin Ash r.a., bahawa Rasulullah s.a.w mengutus Itab bin Asyad ke Mekah, lalu baginda bertanya, “Tahukah kamu ke mana aku mengutusmu? Kepada Ahli (Bait) Allah, iaitu penduduk Mekah, maka laranglah mereka empat perkara; daripada jual beli dan salaf, dua syarat dalam jual beli, keuntungan selama tidak dijamin dan jual beli barang yang tidak ada di sisimu.” (Jual beli dan salaf) Ibnu Atsir berkata, “Iaitu seperti mengatakan, ‘Aku menjual kepadamu hamba sahaya ini dengan harga seribu dengan imbalan engkau boleh mensalaf suatu barang kepadaku, atau dengan syarat meminjamkanku seribu, kerana matlamat meminjamkannya adalah agar dia menyukai harganya, sehingga hal ini termasuk dalam batasan dan kerana setiap pinjaman yang menarik manfaat disebut riba.’” (Dua syarat dalam jual-beli) Ibnu Atsir berkata, “Iaitu seperti perkataan, ‘Aku menjual baju ini kepadamu satu dinar secara tunai, dan jika secara hutang menjadi

dua dinar, hal itu seperti dua akad dalam satu jual beli.”

(Keuntungan yang tidak terjamin) iaitu menjual barang salaf yang telah dibelinya, tetapi dia belum memegang barang tersebut, maka barang itu menjadi jaminan penjual yang pertama manakala hal itu bukan sebahagian dari pada jaminannya, maka barang itu tidak boleh dijual hingga dia memegangnya sampai barang tersebut menjadi jaminannya”, bentuk ini dikatakan oleh Al Khithabi dalam kitab *Ma’alim As-Sunnah* (5/144).

(Jual barang yang tidak ada padamu) Al Khithabi berkata, “Menginginkan untuk menjual barang tanpa menjual sifat; tidakkah kamu melihat bahawa ia membolehkan secara global, iaitu menjual barang yang tidak ada pada penjual saat itu. Dilarangnya menjual barang yang tidak ada pada penjual kerana ia termasuk satu penipuan, seperti seseorang menjual budaknya yang tiada di situ atau ternyata yang hilang.”

Kitab *Ash-Shahihah* (331/1).

Masalah:

Kebaikan menjadi sebab bertambahnya rezeki dan dipanjangkan umur.

Jawapan:

“Sesiapa yang ingin dilapangkan rezeki baginya dan namanya setelah diharamkan dia meninggal, maka hendaklah dia menyambung silaturahim.”

(*Sahih Abu Daud* [1489])

Hal ini menunjukkan bahawa kebaikan menjadi sebab bertambahnya rezeki dan dipanjangkan umur.

Hadis *Adh-Dhaifah* (1/331)

Masalah:

Khiyar (hak pilih) itu tiga hari bagi orang yang menipu dalam jual beli.

Jawapan:

Sabda Rasulullah s.a.w, bagi orang yang menipu. Dalam masalah ini terdapat perbezaan ulama. Untuk melihat perinciannya, maka rujuklah kitab *Al Fath*.

Kitab *Ash-Shahihah* (884/6/bab. II)

Masalah:

Boleh atau tidak menjual budak yang dimerdekaan tuannya setelah dia mati.

Jawapan:

Telah diriwayatkan dalam hadis sahih bahawa Nabi s.a.w menjual budak yang dimerdekaan setelah matinya, maka Jabir r.a. berkata bahawa ada seorang lelaki daripada golongan Ansar yang membebaskan budaknya setelah dia mati, padahal dia tidak mempunyai harta selain budak tersebut. Maka hal tersebut sampai kepada Rasulullah s.a.w, lalu baginda bertanya,

“Siapa yang akan membelinya dariku?” Maka budak itu dibeli oleh Nu’aim bin Abdullah dengan harga seratus dirham, lalu dia membayarkan kepadanya.”

(HR. *Bukhari* [5/25] dan *Muslim* [5/97] serta yang lain)

Kitab *Adh-Daifah* (305/1).

“Jika kamu menjual, maka katakanlah, ‘Tidak ada tipuan, kemudian kamu punya hak khiyar tiga hari pada setiap barang yang kamu beli, jika kamu reda dengan barang itu, maka peganglah, dan jika kamu kecewa, maka kembalikanlah kepada pemiliknya.’”

(HR. *Ibnu Majah* [2355])

Dalam hadis tersebut terdapat penetapan khiyar tiga hari.

Masalah:

Larangan menjual budak perempuan yang melahirkan anak tuannya.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah, dia berkata, "Kami menjual budak perempuan yang melahirkan anak tuannya pada zaman Rasulullah s.a.w dan zaman Abu Bakar, maka ketika Umar menjadi khalifah, dia melarang kami, sehingga kami tidak melakukannya lagi."

(HR. Abu Daud [2/163] dan Ibnu Hibban [1216])

Saya (Syeikh) mengatakan, "Yang nampak bagiku bahawa larangan Umar hanya merupakan ijtihadnya sendiri, bukan larangan yang bersumber daripada Nabi s.a.w, hal itu kerana penegasan Ali r.a. bahawa hal ini hanya merupakan pendapat Umar dan pendapatnya."

(HR. Abdurazzak [240])

Dengan sanadnya yang sahih daripada Ubaidah As-Salmani, dia berkata, "Aku mendengar Ali r.a. berkata, 'Kumpulan pendapatku dan pendapat Umar r.a. pada jemaah (persatuan) lebih aku suka daripada pendapatmu sendiri dalam perpecahan,' lalu dia berkata, 'Maka Ali tertawa.'

Al Hafidz Ibnu Hajar berkata, "Isnad ini tergolong paling sahih, dan juga di-takhrij oleh Al Baihaqi."

Yang mengukuhkan apa yang telah saya sebutkan adalah bahawa sekiranya Umar r.a. mengatakan hal tersebut bersumber daripada nas yang dimilikinya, nescaya Ali r.a. tidak akan menarik pendapatnya. Dengan demikian, maka hukum yang ada menjadi jelas. Ini tentunya tidak menafikan bahawa di sana ada larangan yang bersumber daripada Nabi s.a.w setelahnya, walau-pun Umar r.a. tidak menemuinya, tetapi inilah yang zahir daripada kumpulan hadis-hadis yang tertera dalam

permasalahan ini. Hadis-hadis itu walaupun satu persatunya tidak terlepas daripada kelemahan, akan tetapi kumpulannya termasuk yang menguatkan larangan.

Kitab Ash-Shahihah (543/5).

Masalah:

Larangan berhambur-hamburan.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a., bahawa, Rasulullah s.a.w bersabda, "Janganlah kamu mengambil sikap berhambur-hamburan sehingga kamu menyukai dunia." (Hadis ini diriwayatkan Ahmad bin Mas'ud, yang di-rafa' kepada Rasulullah s.a.w dengan lafaz, "Melarang daripada sikap berlebihan pada keluarga dan harta.)

Ketahuilah bahawa memperbanyak harta akan menyebabkan berpalingnya seseorang daripada kewajipan, -yang termasuk di antaranya jihad di jalan Allah- dan itulah yang dimaksudkan dengan kehancuran di dalam firman Allah s.w.t, "Janganlah kamu menceburkan dirimu pada kehancuran."

Ayat ini diturunkan kerana hal tersebut berbeza dengan yang disangka oleh kebanyakan manusia,

Kitab Ash-Shahihah (18/1).

Masalah:

Keutamaan kafaf (merasa cukup dengan rezeki yang diberikan) dan bersikap zuhud.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr bin Ash r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Sungguh beruntung orang yang masuk Islam dan diberi rezeki yang sekadar cukup dan Allah berikan kepuasan dengan rezeki yang diberikan."

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., “Ya Allah, jadikanlah rezeki keluarga Muhammad hanya qud (yang pokok-pokok sahaja)”

Dari hadis ini dan hadis yang sebelumnya terdapat dalil keutamaan kafaf; hanya mengambil sedikit daripada bahagian dunia dan bersikap zuhud daripada kelebihan dunia kerana mengharapkan kenikmatan di akhirat, hanya mengutamakan yang kekal daripada yang binasa. Dengan demikian semestinya umat ini mengikuti Nabi s.a.w.

Al Qurtubi berkata, “Makna hadis ini adalah bahawa Rasulullah meminta dicukupkan. Dan, qud adalah sesuatu yang diperlukan oleh badan, dan sesuai dengan keperluan, sebab hal yang demikian itu dapat menjadikan badan kita menjadi selamat daripada penyakit yang disebabkan oleh kekayaan. Demikian yang diungkapkan dalam *Fathul Baari* (11/5 -252).

Kitab Ash-Shahihah (203/1).

Masalah:

Bilakah bertanggung jawab terhadap Al Ariyah (membeli atau menukar sesuatu dengan yang berbeza bentuknya dengan cara ditentukan jumlah takarannya)?

Jawapan Syeikh: Diriwayatkan daripada Shafwan bin Umayyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w pernah berariyah pakaian pelindung perang ketika perang Hunain, lalu baginda ditanya, “Apakah ini ghashab, wahai Muhammad?” Baginda menjawab, “Tidak, tetapi ariyah yang dijamin.”

Ahmad dan yang lain menambahkan, “Maka sebahagian daripada yang diariyah itu hilang, lalu Rasulullah s.a.w menawarkan akan menjaminnya, lalu orang itu berkata, ‘Hari ini wahai Rasulullah.’”

Masalah:

Larangan menarik semula hibah.

Jawapan:

“Orang yang menarik semula hibahnya seperti anjing yang menjilat semula muntahnya.”

(HR. Muttafaq Alaih)

Masalah:

Wajib mengembalikan ariyah secara langsung.

Jawapan:

“Jika utusan-utusanku datang kepadamu, maka berikan kepada mereka 30 Dira’ dan 30 unta” maka saya mengatakan, “Ya Rasulullah, apakah ini ariyah tanggung jawab atau ariyah yang harus dibayar?” Baginda mengatakan, “Itu adalah ariyah yang harus dibayar langsung.”

Ini adalah pendapat mazhab Abu Hanifah, Ibnu Hazm dan yang dipilih oleh Ash-Shan’ani.

Hadis Ash-Shahihah (2/207)

Masalah:

Apakah dalam hibah disyaratkan harus memegang barang yang dihibahkan?

Jawapan:

Dalam Sunah tidak ada dalil yang menunjukkan atas pensyaratan memegang barang yang akan dihibahkan.

Kitab Adh-Daifah (536/1).

Masalah:

Akibat orang yang mengambil barang jatuh untuk dimiliki.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Syukhair, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, Barang orang muslim

yang hilang adalah bakaran api.” Sabdanya, “Bakaran api” ertiannya kobarannya, atau barang seorang muslim yang hilang apabila diambil oleh orang untuk dimilikinya akan menceburkannya ke dalam neraka

Kitab Ash-Shahihah (178/2)

Masalah:

Diperbolehkannya mukhabarah yang tidak ada penipuan di dalamnya.

Jawapan:

Mukhabarah dalam kamus disebut juga dengan ‘Muzara’ah’ ertiinya kerjasama dalam hal tanah garapan untuk dibahagi-bahagi hasil yang dikeluarkan darinya, di mana benih daripada pemilik tanah. Ada yang berpendapat bahawa mukhabarah adalah menanam tumbuhan untuk dibahagi setengah-setengah atau yang sebangsanya.

Di dalam hadis yang lain terdapat larangan mukhabarah daripada Jabir r.a., daripada Muslim (5/18/19) dan yang lain, permasalahan ini boleh juga diguna untuk hal lain yang menyebabkan adanya penipuan dan kebodohan bukan yang berdasarkan pinjam meminjam secara mutlak sampaipun pada emas dan perak; kerana telah ditetapkan bahawa apapun yang tidak ada penipuan di dalamnya maka diperbolehkan, sebagaimana yang ditetapkan dalam banyak hadis. Boleh dipelajari kitab yang bertajuk *Nail Al Authar* dan *Fath Al Bari* dan selain kedua-duanya.

Kitab Adh-Dhaifah (418/2)

10

Nikah Dan Pendidikan Anak

Masalah:

Lelaki yang meminang melihat wanita yang dipinangnya.

Jawapan:

Ibnu Qayyim di dalam kitab *Tahdzib As-Sunan* (3/25-26) berkata dan Daud juga berkata, “Lelaki peminang boleh melihat kepada seluruh tubuhnya, daripada Ahmad tiga riwayat:

Pertama: Hanya boleh melihat wajah dan kedua belah tangannya.

Kedua: Boleh melihat apa yang nampak secara umumnya seperti leher, kedua belah betis dan sebangsanya.

Ketiga: Boleh melihat kepada seluruh tubuhnya baik yang aurat atau bukan; kerana dia menetapkan bahawa boleh baginya melihat kepada wanita dalam keadaan telanjang.”

Saya (Syeikh) katakan, “Riwayat kedua adalah yang paling dekat kepada zahir hadis iaitu daripada Jabir r.a., dia berkata, “Aku meminang seorang budak perempuan, maka aku bersembunyi darinya sehingga aku melihat darinya apa yang mendorongku untuk menikahi dan

mengahwininya.” Redaksi hadis ini milik Abu Daud, dan Hakim berkata, “Ini hadis sahih sesuai dengan syarat Muslim dan disetujui oleh Dzahabi.”

Kitab Ash-Shahihah (156-157/1).

Masalah:

Mengahwinkan orang yang sekufu’

Jawapan:

“Wahai Bani Bayadhah, nikahkanlah Abu Hindun, dan nikahkanlah dia kepadanya, dia adalah seorang ahli bekam.”

(HR. Al Bukhari di kitab At-Tarikh 68)

Sabdanya, ‘Nikahkanlah Abu Hindun’ ertinya kahwin kanlah dia dengan anak-anak perempuanmu, (nikahkan lah kepadanya) ertinya pinanglah anak-anak perempuan nya, dan jangan keluarkan dia darimu untuk berbekam.

Kitab Ash-Shahihah (574/5).

Masalah:

Pengharaman nikah mutaah selamanya.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Sairah Al Jahmi r.a., dia berkata, ‘Rasulullah s.a.w melarang nikah mutaah pada masa Fathu Mekah, dan baginda bersabda, ‘Ingatlah! Sesungguhnya nikah itu diharamkan daripada harimu ini sampai hari kiamat.’

(HR. Muslim [4/134])

Saya (Syeikh) katakan, “Hadis ini merupakan nas yang jelas dalam pengharaman nikah mutaah, maka hendaknya tidak seorangpun terpedaya dengan fatwa sebahagian ulama yang membolehkannya kerana darurat, lebih-lebih lagi membolehkannya secara mutlak seperti perkahwinan, sebagaimana mazhab syiah.

Kitab Ash-Shahihah (8/3).

Masalah:

Apa yang dilakukan (pengantin) di pagi hari perkahwinannya?

Jawapan:

Dianjurkan baginya di pagi hari perkahwinannya menemui kaum kerabat yang mendatanginya. Dia menyalami, mendoakan, dan memberi sesuatu yang serupa, se- suni dengan hadis Anas r.a., dia berkata, ‘Rasulullah s.a.w pernah mengadakan walimah; ketika memulai hidupnya dengan Zainab, maka dia menjamu kaum muslimin dengan roti dan daging, kemudian keluar ke Ummahatul Mukminin; lalu menyalami dan mendoakan mereka dan merekapun menyalami dan mendoakannya, hal itu dilakukan pada pagi hari setelah perkahwinannya.’

(HR Ibnu Sa‘ad dan An-Nasa‘i [66/2] dengan sanad sahib)

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 66-67.

Masalah:

Haram menyebarkan rahsia persetubuhan.

Jawapan:

Diharamkan atas masing-masing suami-isteri menye barkan rahsia yang berkaitan dengan persetubuhan, hal itu sesuai dengan hadis yang disabdarkan Rasulullah s.a.w, ‘Sesungguhnya di antara orang yang paling buruk di sisi Allah darjatnya pada hari Kiamat; seorang lelaki yang menyetubuh isterinya dan isterinya menyetubuhinya kemudian dia menyebarkan rahsianya.’

(HR. Ibnu Abu Syaibah [7/67])

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 70.

Masalah:

Hukum waliyah ursy (majlis perkahwinan)

Jawapan:

Pengantin harus mengadakan walimah setelah duhul

dengan isterinya, kerana Nabi s.a.w memerintahkan Abdurrahman bin Auf untuk mengadakan hal tersebut. Hal ini berdasarkan hadis Burairah bin Khatib, dia berkata, "Ketika Ali r.a. meminang Fatimah r.a., dia berkata, 'Rasulullah s.a.w bersabda,

Pengantin lelaki (di dalam riwayat lain: Pengantin perempuan) harus mengadakan walimah.'

(HR. Ahmad [5/359] dan Thabrani [1/112/1])

Kitab Adab Az-Zafaf, hal. 72.

Masalah:

Sunah dalam mengadakan walimah.

Jawapan:

Perlu diperhatikan beberapa perkara:

Pertama: Diadakan tiga hari setelah duhul, kerana hal ini bersumber daripada Nabi s.a.w; Diriwayatkan daripada Anas r.a., dia berkata, "Ketika Rasulullah s.a.w memulakan hidup dengan seorang isterinya, maka baginda mengutusku untuk mengundang makan bagi kaum lelaki."

(HR. Bukhari [9/89])

Dan darinya pula dia berkata, "Rasulullah s.a.w mengahwini Shafiyyah, dan menjadikan mas kahwinnya adalah memerdekaannya, dan mengadakan walimah tiga hari."

(HR. Abu Ali dengan sanad-nya sebagaimana dalam kitab Al Path [9/199])

Kedua: Mengundang orang-orang soleh untuk datang ke walimah, baik orang miskin ataupun orang kaya, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w, "Janganlah kamu temani kecuali orang mukmin dan jangan memakan makananmu kecuali orang yang bertakwa."

(HR. Abu Daud, At-Timidzi dan Hakim [4428])

Ketiga: Mengadakan walimah dengan seekor kambing, atau lebih jika ada keluasan.

Kitab Adab Az-Zufaf, hal. 73-74.

Masalah:

Bolehnya walimah tanpa daging.

Jawapan:

Dbolehkan mengadakan walimah dengan apa sahaja makanan yang mudah baginya, walaupun tanpa menu daging. Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 79.

Masalah:

Hukum menghadiri undangan.

Jawapan:

Wajib atas orang yang diundang untuk menghadirinya, hal itu diterangkan dalam dua hadis:

Pertama: "Lepaskanlah penderitaan orang yang menderita, jawablah orang yang mengundang dan jenguklah orang yang sakit."

(HR. Al Bukhari [9/198])

Kedua: "Apabila salah seorang daripada kamu diundang ke walimah, maka datangilah, baik walimah perkahwinan atau walimah yang lain, dan sesiapa yang tidak menjawab undangan, bererti dia telah bermaksiat kepada Allah dan Rasul-Nya."

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 82.

Masalah:

Diperbolehkan berbuka bagi orang yang diundang, apabila sedang berpuasa sunah.

Jawapan:

Bagi orang yang diundang dibolehkan berbuka, jika puasa yang dia kerjakan adalah puasa sunah, lebih-lebih lagi jika yang mengundangnya memaksanya untuk makan, hal itu diterangkan oleh beberapa hadis, di antaranya:

Pertama:

“Apabila salah seorang daripada kamu diundang makan, maka jawablah; dan jika dia mahu, dia makan dan jika dia mahu, dia tinggalkan.”

(HR. Muslim)

Kedua:

“Orang yang berpuasa sunah pemimpin dirinya, jika dia mahu, maka meneruskan puasanya dan jika dia mahu, maka dia membatkannya.”

(HR. An-Nasa'i di dalam Al Kubra)

Kitab Adab Az-Zifaf 83-84.

Masalah:

Apakah wajib mengqadha puasa sunah?

Jawapan:

Tidak wajib baginya mengqadha puasanya, hal itu diterangkan dalam hadis daripada Abu Sa'id Al Khudri, dia berkata, “Aku membuat makanan untuk Rasulullah s.a.w, lalu baginda datang bersama para sahabatnya, maka ketika makanan itu diletakkan, salah seorang dari pada kaumnya berkata,

‘Sesungguhnya aku puasa, maka Rasulullah s.a.w bersabda, ‘Saudaramu mengundangmu, dan mengeluarkan biaya dan tenaga untukmu...’, kemudian baginda bersabda, ‘Berbukalah! Berpuasa di hari lain untuk mengantikannya, jika kamu mahu.’” (HR. Al Baihaqi [4/279] dengan isnad hasan, seperti dikatakan oleh Al Hafidz dalam kitab Al fath [4/70]).

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 87).

Masalah:

Diperbolehkan memukul rebana bagi wanita ketika majlis.

Jawapan:

Memukul rebana dalam kenduri dibenarkan, kerana hal tersebut ada pada zaman Nabi s.a.w.

Kitab Adh-Dhaifah (701/1).

Masalah:

Lelaki melihat aurat wanita.

Jawapan:

Pengharaman memandang aurat wanita pada waktu jumak merupakan pengharaman sarana (wasilah); maka apabila Allah s.w.t membolehkan bagi suami untuk menyebutuhi isterinya, maka apakah logik, Allah melarangnya melihat kepada kemaluannya (isterinya)? Tentu, tidak.

Hal ini diperkuat oleh hadis Aisyah r.a., “Aku dan Rasulullah s.a.w mandi dalam satu bejana antara dia dan aku, maka dia mendahului sampai aku berkata, ‘Biarkanlah aku duluan...biarkan aku duluan’.”

(HR. Syeikhani dan yang lain)

Yang tersurat dalam hadis ini adalah bahawa melihat kemaluannya dibolehkan.

Kitab Adh-Dhaifah (353/1).

Masalah:

Apakah boleh wanita menggunakan hartanya sendiri.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Watsilah bin Asqa' r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, “Wanita tidak boleh menggunakan sedikitpun daripada hartanya kecuali dengan izin suaminya.”

Hadis ini menunjukkan bahawa wanita tidak boleh mempergunakan hartanya sendiri kecuali dengan izin suaminya. Hal itu termasuk daripada kesempurnaan kepemimpinan yang diberikan oleh Allah s.w.t. Akan

tetapi tidak selayaknya bagi suami jika dia seorang muslim sejati- memanfaatkan hukum ini, sehingga bersikap kasar terhadap isterinya, dan melarangnya menggunakan hartanya sendiri dalam hal yang tidak membahayakan keduanya.

Masalah:

Mencabut alis mata dan yang lain

Jawapan:

Apa yang diperbuat oleh sebahagian wanita, seperti mencukur alis mata sehingga seperti busur atau bulan sabit, di mana mereka melakukannya untuk mempercantik (menurut persangkaan mereka!) adalah termasuk yang diharamkan oleh Rasulullah s.a.w dan dilaknat pelakunya, seperti yang tersebut di dalam sabdanya,

"Allah melaknat wanita-wanita memasang tatu, dan orang yang meminta ditatu, yang menyambungkan rambut, yang mencabut alis (atau yg lain) dan yang meminta dicabut, yang merenggangkan gigi untuk memperindah- dan wanita-wanita yang merubah ciptaan Allah."

Kitab Adab Az-Zifaf, hal: 129-130.

(HR. Al Bukhari)

Masalah:

Kewajipan memperlakukan isteri dengan baik.

Jawapan:

Wajib atas suami memperlakukan isteri dengan baik dan mengikutinya pada sesuatu yang dihalalkan oleh Allah s.w.t -bukan pada hal yang diharamkan- apalagi jika usia isteri masih muda, hal tersebut diterangkan dalam beberapa hadis di antaranya:

Pertama: Sabda Rasulullah s.a.w, "Sebaik-baik kamu adalah orang yang paling baik dengan keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik dengan keluargaku."

Kedua: Orang mukmin yang paling sempurna keimannya adalah orang yang paling baik akhlaknya dan sebaik-baik mereka adalah orang-orang yang paling baik dengan isterinya."

(HR. Ath-Thahawi dalam kitab Al Musykil [3/211])

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 197-199.

Masalah:

Kewajipan isteri berkhidmat kepada suami.

Jawapan:

Di antara ulama ada yang berkata, "Wajib baginya melayani dengan layanan ringan", dan di antara mereka ada yang mengatakan, "Wajib berkhidmat dengan cara yang selayaknya/ umumnya dipakai, dan inilah yang benar; maka wajib bagi wanita berkhidmat dengan khidmat yang umumnya dikenali daripada orang yang sepertinya (segolongan dengannya) terhadap orang seperti suaminya, walaupun orang yang demikian itu berbeza-beza sesuai dengan posisi dan keadaannya. Khidmat wanita Badui tidak seperti wanita kampung; dan khidmat wanita yang kuat tidak seperti khidmat wanita yang lemah.

Saya (Syeikh) mengatakan, "Inilah yang benar bahawa wajib bagi wanita berkhidmat dalam hal yang berkenaan dengan rumah tangga, dan ini adalah perkataan Malik dan Ashbag."

Kitab Adab Az-Zifaf, hal. 215-26.

Masalah:

Tidak boleh memberi nama dengan nama yang dapat menkuduskan diri atau yang buruk maknanya.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Samrah bin Jundub r.a. dari-pada Nabi s.a.w, dia berkata, "Janganlah kamu menama-

kan anakmu dengan nama Aflah, Najih, Rabah, Yasar kerana kamu mengatakan, ‘Apakah ada orang yang seperti itu? Tidak akan ada’, maka baginda mengatakan, Tidak.”

Di dalam hadis tersebut terdapat larangan menamakan anak dengan nama Yasar, Rabah, Aflah, Najih dan yang sama sepertinya; maka hal ini perlu diperhatikan. Di antara orang-orang salaf baik daripada tabi'in atau yang lainnya ada yang dinamai dengan nama-nama ini. Hal itu boleh terjadi kerana beberapa faktor, boleh terjadi disebabkan tidak ada pengetahuan mereka tentang hadis ini. Adapun adanya para sahabat yang menggunakan nama seperti ini, kerana mereka lahir sebelum larangan ini ada.

Masalah:

Pengharaman nama-nama yang disembah selain Allah.

Jawapan:

Ibnu Hazm menukil adanya kesepakatan ulama atas pengharaman setiap nama yang disembah selain Allah, seperti Abdul Uzza, Abdul Ka'bah... dan dikukuhkan oleh Ibnu Qayyim dalam kitab Tuhfah Al Maulud, hal. 37. Atas dasar itu, maka tidak dihalalkan memberi nama Abd Ali dan Abd Husein sebagaimana yang masyhur di kalangan syiah, dan juga tidak dihalalkan menggunakan nama Abdunnabi dan Abdurrasul sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian orang bodoh daripada kalangan ahlussunnah.

Kitab *Adh-Daifah* (596/1).

Masalah:

Apakah boleh seorang bapa dengan senangnya mengambil harta anaknya?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata,

Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesungguhnya anak-anak kamu merupakan pemberian Allah kepadamu -firman Allah, ‘Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberi anak-anak lelaki kepada siapa yang Dia kehendaki!” (Asy-Syuura (42): 49) maka mereka dan harta mereka adalah milik kamu, apabila kamu memerlukannya.”

Dalam hadis ini terdapat faedah penting dalam masalah fikih, yang mungkin tidak didapatkan pada yang lainnya, bahawa hadis yang masyhur “Kamu dan hartamu milik bapamu” yang juga di-takhrij dalam kitab Al Irwa' nombor 838, tidak dimaknai secara mutlak, di mana seorang bapa dapat mengambil harta anaknya sesukanya, sama sekali tidak demikian, akan tetapi dia hanya boleh mengambil yang dia perlukan.

Kitab *Ash-Shahihah* (138/6/bab. I).

Masalah:

Apakah boleh memberi julukan (kuniahan) dengan sebutan ‘Abul Qasim’?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda, “Janganlah kamu menyatukan antara namaku dengan kuniahanku (julukan): Aku Abul Qasim; Allah memberi dan aku membahagi-bahagikan.”

Ulama berselisih pendapat dalam permasalahan memberi julukan Abul Qasim, pendapat itu terbahagi kepada tiga sebagaimana dikisahkan oleh Al Hafidz dalam kitab *Al Fath*, dan mengeluarkan dalilnya lalu membin-cangkannya serta menerangkan kesan yang positif dan negatifnya. Saya tidak meragukan setelah itu bahawa yang benar adalah dilarang secara mutlak baik dia bernama Muhammad atau bukan; berdasarkan hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh Al Baihaqi (9/309),

“Tidak dibolehkan bagi seorangpun untuk diberi julukan Abul Qasim, baik namanya Muhammad atau bukan.”

Kitab Ash-Shahihah (1081/6/bab. II).

Masalah:

Bolehnya memberi julukan bagi orang yang tidak mempunyai anak.

Jawapan:

“Kaum muslimin telah meninggalkan -lebih-lebih orang-orang ajam (bukan Arab)- sunnah bangsa Arab dan Islam; kerana sedikit sekali yang mengambil julukan, walaupun dia banyak mempunyai anak, jika demikian, bagaimana dengan mereka yang tidak mempunyai anak?! Akan tetapi mereka justeru mengganti dengan julukan-julukan asing, seperti; Afandi, Biek, Basya, Sayyid, atau Ustadz... dan yang sama sepertinya dengan matlamat untuk menghindarkan diri daripada larangan yang ada dalam hadis-hadis.

Kitab Ash-Shahihah (74/1).

11

Sumpah Dan Nazar

Masalah:

Sumbah dengan selain nama Allah merupakan syirik secara lafadz atau hati?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, Setiap sumpah yang diucapkan dengan selain nama Allah adalah syirik.”

Ertinya -Wallahu alam- bahawa hal itu syirik secara lafadz bukan syirik secara akidah.

Pertama: Pengharamannya kerana termasuk masalah *sadud-dzara'i* (menutup pintu kejahanan).

Kedua: Haram secara isi. Hal seperti ini termasuk perkataan yang terarah dan kuat, namun tetap harus dikecualikan daripada hal tersebut bagi orang yang bersumpah atas nama wali, kerana orang yang bersumpah takut akan terkena musibah apabila mengingkari sumpahnya, namun dia tidak takut hal seperti itu menimpanya jika dia bersumpah bohong atas nama Allah; kerana sebahagian orang-orang bodoh yang tidak mengetahui hakikat tauhid, apabila mengingkari hak orang lain dan diminta untuk bersumpah dengan nama Allah, maka dia

melakukannya walaupun dia tahu bahawa dia berbohong dalam sumpahnya, dan apabila diminta untuk bersumpah atas nama wali fulan, maka dia tidak melakukannya, dan mengakui hak orang lain atasnya. Sungguh benar firman Allah s.w.t.

“Dan sebahagian besar daripada mereka tidak beriman kepada Allah, melainkan dalam keadaan mempersekuatkan Allah (dengan sembah-sembahan lain).”

(Yusuf (12): 106)

Kitab Ash-Shahihah (71/5).

Masalah:

Makruhnya bersumpah dengan amanat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Buraidah bin Hashib r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesiapa yang bersumpah dengan amanat, maka dia bukan golongan kami.”

Al Khithabi dalam *Ma'alim As-Sunan* (4/358) mengulas hadis ini, “Hal ini sama dengan hukum makruh; kerana kita diperintahkan bersumpah atas nama Allah dan sifat-sifat-Nya. Manakala amanat itu bukan sebahagian dari sifat-sifat-Nya, tetapi hanya merupakan perintah daripada perintah-Nya dan kewajipan daripada kewajipan-kewajipan yang diwajibkan oleh-Nya; maka mereka dilarang darinya kerana hal itu termasuk menyamakan antaranya (amanat) dan antara nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya.”

Kitab Ash-Shahihah (149/1).

Masalah:

Meninggikan diri kepada Allah menghapuskan amal baik.

Jawapan:

“Sesungguhnya seorang lelaki berkata, Demi Allah, Dia

tidak mengampuni fulan, dan sesungguhnya Allah berfirman, ‘Sesiapa yang bersikap tinggi, dengan mengatakan, Aku tidak mengampuni fulan’, maka sesungguhnya aku telah mengampuninya; dan aku hapuskan amalmu, au kama qala (ucapan untuk menjaga daripada kesalahan mengucapkan hadis)....”

(Al-Hadis)

Hadis ini merupakan dalil yang jelas bahawa sikap tinggi di hadapan Allah juga akan menghapuskan amal baik seperti apa yang dilakukan orang kafir, meninggalkan solat Asar dan yang sama sepertinya. Lihat ulasan atas kitab Sahih At-Targhib wa At-Tarhib (1/192).

Kitab Ash-Shahihah (256/1).

Masalah:

Berapa jeniskah nazar itu?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas bahawa Nabi s.a.w bersabda, “Nazar itu dua jenis; Ada yang untuk Allah, maka kafaratnya adalah menepatinya dan ada yang untuk syaitan, maka tidak boleh dipenuhi, dan dia terkena kafarat sumpah.”

Dalam hadis ini terdapat dalil atas dua perkara: Pertama: Nazar, apabila untuk Allah, maka wajib ditepati, kerana itu adalah kafaratnya; telah diriwayatkan dalam hadis sahih daripada Nabi s.a.w bahawa dia bersabda, “Sesiapa yang bernazar untuk taat kepada Allah, maka taatilah Dia, dan sesiapa yang bernazar untuk bermaksiat kepada Allah, maka janganlah kamu melakukan maksiat kepada-Nya.”

(HR. Muttafak Alaih)

Kedua, Sesiapa bernazar yang di dalamnya terdapat unsur kemaksiatan kepada Allah Yang Maha Pengasih, dan mentaati syaitan, maka tidak boleh

ditepati, dan dia wajib membayar kafarat, iaitu kafarat sumpah, dan apabila nazarnya itu makruh atau hal yang boleh, maka selayaknya juga dikenakan kafarat; kerana keumuman sabda Rasulullah s.a.w, ‘Kafarat nazar itu adalah kafarat sumpah.’

(HR. Muslim, dan di-takhrij di dalam Al Irwaa’ [8/210])

Kitab Ash-Shahihah (863-864/l/bab. II).

Masalah:

Kewajipan menepati nazar yang mubah.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Buraidah r.a., dia berkata, “Rasulullah s.a.w pernah keluar dalam suatu peperangan, ketika baginda pergi, datanglah seorang budak perempuan hitam, lalu dia berkata, ‘Ya Rasulullah, sesungguhnya aku telah bernazar, jika Allah mengembalikanmu dalam keadaan selamat, aku akan memukul rebana dan bernyanyi’, dan perawi (Buraidah) berkata, ‘Rasulullah s.a.w telah melarang, tetapi (baginda berkata) ‘Jika kamu telah bernazar, maka pukullah, dan jika tidak, maka tidak usah.’”

Memukul alat-alat muzik adalah diharamkan dalam Islam, dan telah disepakati keharamannya menurut para imam fikih yang empat dan yang lainnya. Semua jenis muzik tidak diperbolehkan kecuali memukul rebana sahaja dalam kenduri perkahwinan, hari raya aidil Fitri dan aidil Adha.

Jika demikian hukumnya, maka bagaimana Nabi s.a.w membolehkan wanita itu menunaikan nazarnya?

Jawapannya adalah kerana nazar yang diucapkan menunjukkan kebanggaannya atas kedatangan Nabi s.a.w daripada perang dalam keadaan selamat, maka Nabi s.a.w mengategorikannya sama dengan memukul rebana

dalam majlis perkahwinan dan hari raya.

Tidak diragukan bahawa gembira kerana keselamatan Nabi s.a.w lebih besar daripada kegembiraan dalam kenduri perkahwinan dan hari raya. Oleh kerana itu, hukum ini menjadi kekhususan Nabi s.a.w yang tidak boleh dikiyaskan dengan yang lainnya.

Kitab Ash-Shahihah (332-333/5).

Masalah:

Pengharaman memenuhi nazar maksiat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Tsabit bin Dahhak r.a., dia berkata, “Ada seorang lelaki bernazar pada zaman Nabi s.a.w untuk menyembelih korban di Bunannah, maka baginda bertanya kepadanya, ‘Apakah di dalamnya (daerah Bunannah) terdapat berhala daripada berhalaberkala jahiliyah yang disembah?’ Dia menjawab, Tidak.’ Baginda bertanya lagi, ‘Apakah di dalamnya terdapat hari raya daripada hari-hari raya mereka?’, Dia menjawab, ‘Tidak.’ Maka Rasulullah s.a.w bersabda, Tunaikanlah nazarmu; kerana tidak boleh menunaikan nazar dalam kemaksiatan kepada Allah dan juga tidak dalam memutuskan tali silaturahim serta tidak dalam hal yang tidak dimiliki oleh manusia.

Dalam hadis ini terdapat hal-hal fikh (hukum fikih), iaitu pengharaman menunaikan nazar maksiat, termasuk di antara nazar maksiat adalah melaksanakan nazar ketaatan pada suatu tempat yang di dalamnya terdapat nilai syirik kepada Allah, atau hari raya orang-orang kafir, ditambah lagi di tempat manusia berbuat kesyirikan atau kemaksiatan.

Masalah:

Makruhnya nazar ganjaran.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi s.a.w, baginda bersabda, “Allah s.w.t berfirman, ‘Tidak ada nazar atas anak Adam dengan sesuatu yang beliau kuasakan padanya, akan tetapi sesuatu yang saya keluarkan daripada orang bakhil diberikan kepada-Ku atas namanya dan tidak diberikan kepada-Ku atas kebakhilan.’

Di dalam riwayat lain, “Apa yang sebelumnya tidak pernah mendatangi-Ku. Hadis ini dengan sekumpulan lafaznya menjelaskan bahawa tidak disyariatkan bernazar bahkan makruh, dan zahir larangan di sebahagian jalur hadis menunjukkan hukumnya haram, demikian halnya dengan sebahagian kaum, mereka berpendapat demikian, akan tetapi firman-Nya, ‘Yang dikeluarkan daripada orang bakhil,’ memberi perasaan bahawa yang dihukumi makruh atau haram hanya khusus kepada nazar ganjaran atau nazar ganti kerana itu merupakan nazar untuk mendekatkan diri kepada Allah semata-mata; kerana orang yang bernazar mempunyai matlamat yang benar, iaitu agar dia diberi ganjaran dengan ganjaran wajib, yang tentu sahaja akan melebihi ganjaran sunah, dan nazar ini yang tepat dengan firman-Nya, ‘Mereka menuaikan nazar.’”

Masalah:

Meninggalkan pengulangan sumpah dan membayar kafarat dengan baik.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., dia berkata bahawa Nabi s.a.w bersabda:

“Sesiapa yang mengulang-ulang sumpah pada ke-

luarganya, maka hal itu dosa yang paling besar yang tidak boleh diganti dengan kafarat.”

Pada permasalahan ini ada juga riwayat daripada Al Bukhari dengan lafadz, “A’zam li yibirra” -yakni kafarat-, sebagaimana disebutkan dalam kitab *Al Fath* (11/5220). Dia berkata dalam *Tafsir Al-Lafzh Al Mahfudz*, “Jadi, seharusnya dia meninggalkan pengulangan sumpah dan menggantinya dengan kafarat, lalu dalam tafsir tersebut dia menafsirkan kata ‘Yibirra’ dengan kafarat, maksudnya adalah orang yang mengulang-ulang sumpah dan mengerjakan apa yang disumpahkan, maka dia tidak mendapat kebajikan itu kecuali dengan mengerjakan kafarat yamin yang dia ingkari ketika bersumpah.”

Masalah:

Nazar itu sumpah, kafaratnya adalah kafarat sumpah.

Jawapan:

Syeikhul Islam, Ibnu Taimiyah dalam *Al Fataawa* (3/358) berkata, “Dalil atas hal itu adalah sabda Rasulullah s.a.w, ‘Nazar itu sumpah.’”

Syeikh berkata, “Ya, memang benar, telah diterangkan dalam hadis yang terdapat dalam *Sahih Muslim* dan yang lainnya secara ringkas dengan lafadz “Kafarat nazar itu kafarat sumpah.” Dan ini merupakan penguat untuk hadis tersebut. Telah di-takhrij dalam kitab *Al Irwa’* (2586).”

Kitab Ash-Shahihah (858/6/bab. II)

12

Jihad

Masalah:

Di antara adab Nabi s.a.w ketika berpisah.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia mengatakan kepada seorang lelaki apabila hendak bepergian, “Mendekatlah kepadaku, aku akan melepaskanmu, sebagaimana dia mengatakan, ‘Rasulullah s.a.w melepaskan kami dengan mengucapkan, ‘Aku titipkan kepada Allah agamamu, amanatmu dan penutup amalmu.’”

Dari hadis sahih ini, ada beberapa hal yang dapat diambil pelajaran:

1. Dalam perpisahan disyariatkan untuk mengucapkan “Aku titipkan kepada Allah agamamu, amanatmu dan penutup amalmu,” dan orang yang bepergian menjawab, “Aku menitipkan dirimu kepada Allah Yang tidak hilang segala titipan-Nya.”
2. Mengambil satu tangan dalam bersalam tangan.
3. Bersalam tangan juga disyariatkan untuk berpisah, dan diperkuat dengan keumuman sabda Rasulullah s.a.w, “Termasuk kesempurnaan penghormatan

adalah bersalam tangan.”

Kitab Ash-Shahihah (22/1).

Masalah:

Pensyariatan bersalam tangan ketika berpisah, dan itu bukan bidaah.

Jawapan:

Orang yang mencari hadis-hadis yang membicarakan tentang bersalam tangan ketika bertemu, maka dia akan mendapat lebih banyak dan lebih kuat daripada hadis-hadis yang membicarakan tentang bersalam tangan ketika berpisah. Dan orang yang faham mengenai kejiwaan, dapat menyimpulkan daripada hadis-hadis tersebut; bahawa bersalam tangan yang kedua pensyariatannya tidak seperti yang pertama; kerana yang pertama sunah dan yang kedua dianjurkan, manakala pendapat yang mengatakan bahawa hal itu adalah bidaah tidak ada dalil yang menunjukkannya. Manakala bersalam tangan setelah solat adalah bidaah yang tidak diragukan lagi, kecuali antara dua orang yang belum pernah bertemu sebelumnya, maka itu sunah sebagaimana yang saya kerjakan.

Kitab Ash-Shahihah (23/1).

Masalah:

Kewajipan berperang untuk menyebarkan dakwah Islam.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a., dia berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi “Laa ilaaha illallah wa Anna Muhammad Rasulullah” (Tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad utusan Allah), mendirikan solat dan memberikan zakat, apabila mereka mengerjakannya, maka mereka terpelihara darahnya dan

hartanya dariku kecuali kerana hak Islam dan perhitungannya di tangan Allah.

Dalam hadis ini terdapat dalil yang jelas atas kewajipan berperang dalam rangka menyebarkan dakwah berbeza dengan pendapat sebahagian penulis di zaman ini.

Masalah:

Bagaimana melepaskan tentera.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Yazid Al Khatmi r.a. bahawa Nabi s.a.w apabila melepaskan tentera, baginda bersabda, "Aku titipkan kepada Allah agamamu, amanatmu dan penutup amalmu."

Sangat disayangkan sekali, adab Nabi ini sudah di tinggalkan bahkan tidak ada pengaruhnya sama sekali kepada para pemimpin tentera zaman kita ini, kerana yang sudah menjadi tradisi ketika menghantar pasukan yang hendak bertugas adalah alunan muzik. Hanya kepada Allah, kami mengeluhkan keanehan Islam, dan sedikitnya orang yang mengerjakan hukum-hukumnya di zaman ini.

Kitab Ash-Shahihah (137-138/4).

Masalah:

Akibat meninggalkan jihad

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Bakar As-Siddiq r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, "Tidaklah suatu kaum meninggalkan jihad kecuali Allah akan meratakan azab kepada mereka."

Hadis ini termasuk tanda kenabiannya sebagaimana yang disaksikan kaum muslimin di banyak negeri, dan peristiwa orang-orang Yahudi terhadap kaum muslimin

ketika mereka sedang sujud dalam solat Subuh hari Jumaat pada bulan Ramadan tahun 1414 H di masjid Al Khalil di Palestin. Sungguh benar firman Allah s.w.t, "Dan apa sahaja musibah yang menimpa kamu, maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu)."

(*Asy-syuura (42): 30*)

Aku memohon kepada Allah agar mengilhami kaum Muslimin untuk kembali kepada pemahaman agamanya secara benar dan juga mengerjakannya, agar Allah menguatkan mereka dan menolong mereka atas musuh-musuh mereka.

Masalah:

Allah menolong umat ini dengan orang lemah.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Darda' r.a., dia berkata, "Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: 'Harapkanlah aku menjadi orang-orang lemah; kerana kamu akan diberi dan ditolong oleh orang-orang lemahmu.'

Ada sebuah penafsiran tentang hadis yang tersebut di atas bahawa pertolongan itu bukan dengan diri orang-orang soleh, akan tetapi dengan keikhlasan mereka. Dalam sebuah hadis disebutkan, "Allah menolong umat ini dengan orang lemahnya; dengan dakwah dan keikhlasan mereka."

(*HR. An-Nasa'i [2/65] dan Abu Nu'aim dalam kitab Al Hityah [5/26]*)

Masalah:

Hijrah daripada negeri Kafir ke negeri Islam.

Jawapan:

Hijrah telah berlalu seperti jihad, dan Nabi s.a.w bersabda, "Hijrah tidak terputus selama musuh masih memerangi." Di dalam hadis lain disebutkan: "Hijrah tidak

terputus sehingga terputus taubat dan taubat tidak terputus sehingga matahari terbit di sebelah barat.”

(*Hadis ini di-takhrij dalam kitab Al Irwa' [1208]*)

Yang harus diketahui adalah bahawa hijrah itu bermacam-macam dan mempunyai sebab yang berbeza-beza. Bagi menjelaskan hal ini ia memerlukan pembahasan tersendiri, namun yang penting di sini adalah hijrah daripada negeri kafir ke negeri Islam atau tidak menerapkan hukum-hukumnya. Apapun perkaranya hal itu lebih baik (kebaikan yang tidak dapat diungkapkan) daripada negeri kafir, baik kerana akhlak, keagamaan dan perlakunya.

Kitab *Ash-Shahihah* (849/6/bab. II)

13

Hukum, Muamalat Dan Hudud

Masalah:

Hukum orang yang meninggalkan solat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Hudzaifah bin Yaman r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

Islam dipelajari seperti dipelajari hiasan baju sehingga tidak diketahui apa itu puasa, apa itu solat, apa itu haji dan apa itu sedekah, dan lenyap kitabullah dalam satu malam, sehingga tidak tersisa darinya satu ayatpun di muka bumi, dan tersisa kelompok-kelompok manusia, orang (lelaki) tua renta dan wanita renta, mengatakan; kami mendapati bapa-bapa kami mengucapkan kalimat ini, La ilaha illah, maka kami juga mengucapkannya.”

(*Kitab as-shahiha* 76)

Dalam hadis tersebut terdapat sesuatu yang penting, iaitu syahadat “*Laa ilaaha illallah*” yang menyelamatkan pengucapnya daripada hidup abadi di neraka pada hari Kiamat, walaupun sekiranya dia tidak mengerjakan sesuatupun daripada rukun-rukun Islam seperti solat dan yang lainnya.

Seperti sudah dimaklumi bahawa ulama berselisih pendapat tentang hukum orang yang meninggalkan solat walaupun dia mengimani pensyariatannya, maka jumhur ulama berpendapat bahawa dia tidak dikafirkan, tetapi dihukumi fasik.

Ahmad di dalam satu riwayat berpendapat bahawa orang yang meninggalkan solat dikafirkan dan dibunuh kerana murtad bukan kerana hadd, seperti mana yang telah diriwayatkan dalam hadis sahih daripada sahabat bahawa mereka tidak melihat sesuatu daripada amal perbuatan, yang meninggalkannya dihukumkan kafir kecuali solat.

(HR. At-Timidzi)

Manakala saya berpendapat bahawa yang benar adalah pendapat jumhur ulama, manakala yang diriwayatkan daripada sahabat bukanlah nas bahawa mereka memaksudkan kafir di sini adalah kafir yang menyebabkan orang yang mengerjakannya kekal di dalam neraka, dan tidak mengandungi kemungkinan Allah mengampuninya, bagaimana boleh begitu?

Huzaifah bin Yaman yang termasuk pembesar sahabat membantah Shilah bin Zufur, dan dia memahami perkara ini seperti pemahaman Ahmad, maka dia berkata, "Ucapan *Laa ilaaha illallah* tidak bermanfaat bagi mereka, kerana mereka tidak tahu apa itu solat." Maka Huzaifah menjawab setelah menolaknya, "Wahai Shilah, ucapan itu menyelamatkan mereka daripada neraka, diulang tiga kali." Ini adalah redaksi perkataan daripada Huzaifah r.a. bahawa orang yang meninggalkan solat dan juga yang seperti daripada sisa rukun Islam yang lain tidak dianggap kafir, tetapi sebagai Muslim yang selamat daripada hidup kekal di neraka pada hari Kiamat, maka jagalah ini, kerana mungkin kamu tidak akan mendapatkannya selain dari tempat ini.

Kitab *as-shahiha* (13/1)

Masalah:

Hukum orang fasik, jika mati sebelum bertaubat

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ubudah bin Shamit r.a., dia berkata dan di sekelilingnya terdapat sekumpulan sahabat, "Baiatlah aku agar kalian tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anakmu, tidak mendatangkan sesuatu yang dusta yang kamu buat-buat di antara tangan dan kakimu dan tidak menyalahiku dalam kebajikan, maka sesiapa di antara kamu menepatinya, maka ganjarannya di sisi Allah, dan sesiapa yang melanggarinya, nescaya Allah menutupinya, maka perintahkanlah dia kembali kepada Allah, jika Dia menghendaki, maka akan menghukumnya dan jika Dia menghendaki, maka Dia akan memaafkannya."

(lihat *as-shahiha* no 333)

Sepertimana dikatakan oleh sebahagian ulama bahawa Hadis ini membantah kelompok Khawarij yang mengkafirkan kerana dosa besar, dan juga kelompok Mu'tazilah yang mengharuskan adanya penyeksaan terhadap orang fasik apabila mati tanpa bertaubat; kerana Nabi s.a.w mengkhabarkan bahawa hal itu di bawah kehendak Allah, dan Allah tidak mengatakan, "Allah pasti mengazab mereka, dan yang sepertinya." Sesuai dengan firman Allah s.w.t,

"Sesungguhnya Allah tidak mengampuni orang yang menyekutukannya dan mengampuni selain itu bagi siapa yang dikehendaki-Nya."

(An-Nisaa' (4): 48)

Allah s.w.t telah membezakan antara syirik dengan dosa-dosa yang lain, maka Allah mengkhabarkan bahawa

syirik adalah dosa yang tidak boleh diampuni, manakala yang lainnya sesuai dengan kehendak-Nya; jika Dia menghendaki, maka Dia akan mengazabnya dan jika Dia menghendaki, maka Dia akan mengampuninya. Maka ayat ini harus diterapkan untuk orang yang tidak bertaubat, dan jika tidak, bererti orang yang taubat daripada syirik itu diampuni, dan jika demikian, maka dosa yang lainnya lebih utama/mudah untuk diampuni.

Ayat itu telah membezakan antara kedua-dua dosa tersebut. Jadi dengan berlandaskan pada ayat ini saya menghujah pemikiran/ aliran yang tumbuh di zaman ini, di mana mereka berpandangan bahawa terkadang seorang muslim dianggap kafir kerana telah berbuat dosa dan terkadang mereka memastikan bahawa dosa itu diampuni atau tidak, bukan kehendak Allah s.w.t, sebab dosa tidak diampuni dengan taubat. Dengan demikian mereka telah menyamakan antara kedua-duanya. Dan, bererti mereka telah mencabar Al-Quran dan Sunnah.

Kitab *ash-Shahiha* (91268/6/bab II)

Masalah:

Hukum orang yang menanam di tanah orang lain yang dighashab.

Jawapan:

(Hadis) Zahir hadis ini menunjukkan bahawa tidak ada hak baginya atas tanah itu, dan kemungkinan bahawa hal itu hak mutlak bukan pada tanah, dan juga bukan pada tumbuhan. Hadis tersebut diperkuat oleh hadis berikut, iaitu,

“Sesiapa yang menanam di tanah suatu kaum tanpa izin mereka, maka dia tidak berhak atas tumbuhan itu sedikitpun dan dikembalikan pembedayaannya kepadanya.”

(Lihat *ad-Daifah* no 88)

Masalah:

Apakah seorang muslim dibunuh kerana membunuh orang kafir?

Jawapan:

“Tidak dibunuh orang Islam kerana membunuh orang kafir.”

(HR. Al Bukhari [2/22] dan lainnya daripada Ali)

Jumhur ulama mengambil pendapat ini dan inilah yang benar.

Kitab *ash-Shahiha* (9671/1)

Masalah:

Apakah orang yang membunuh orang yang beriman secara sengaja boleh bertaubat?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id bin Jubair, dia berkata, “Aku berkata kepada Ibnu Abbas, ‘Apakah orang yang membunuh orang mukmin dapat bertaubat?’ Dia menjawab, ‘Tidak’, maka aku membaca ayat Al-Quran surah Al Furqaan’. Lalu dia menjawab, “Tidak, ini ayat Makkiyah yang telah dinasakh oleh ayat Madaniyyah ‘Sesiapa yang membunuh orang mukmin dengan sengaja, maka ganjarannya adalah neraka Jahannam’.”

(HR. Al Bukhari [4764] dan An-Nasa'i [4001] dan redaksinya adalah miliknya)

Dalam riwayat Al Bukhari yang lalu daripada Ibnu Abbas, dia berkata, “Tidak ada taubat bagi pembunuh orang mukmin secara sengaja,” dan ini riwayat masyhur darinya, dan mempunyai jalur-jalur yang banyak, seperti mana yang dikatakan oleh Ibnu Katsir dan Ibnu Hajar, manakala jumhur menyatakan tidak sependapat dengan hal itu, dan inilah yang benar, yang tidak ada keraguan di dalamnya, ayat dalam surah Al Furqaan sangat jelas tentang hal tersebut dan tidak bercanggah dengan surah An-Nisaa’, kerana ayat ini membicarakan tentang

hukuman pembunuhan bukan tentang taubatnya, dan ini sangat nampak sekali. Seakan-akan dia kembali kepadanya kerana sebab itu, sepetimana saya dapatkan di sebahagian riwayat darinya, "Seorang lelaki datang kepadanya seraya bertanya, 'Aku meminang seorang perempuan, tetapi dia menolak menikahiku, lalu dia dipinang oleh orang lain, maka dia menerima, aku lalu menerjangnya hingga membunuhnya, apakah aku dapat bertaubat?' Dia menjawab, 'Apakah ibumu masih hidup?' dia menjawab, Tidak', maka dia berkata, 'Bertaubatlah kepada Allah s.w.t dan dekatkanlah dirimu kepada-Nya semampumu', kemudian aku pergi.

Ibnu Abbas r.a. bertanya kepadaku, "Ketika aku menanyakan tentang kehidupan ibunya, maka dia menjawab, "Sesungguhnya aku tidak tahu pekerjaan yang lebih mendekatkan diri kepada Allah s.w.t daripada berbakti kepada kedua orang tua."

(HR. Al Bukhari dalam kitab Al Adab Al Mufrad dengan sanad sesuai syarat Al Bukhari dan Muslim)

Kitab ash-Shahiha (711)

Masalah:

Apakah boleh menikahi orang yang pernah melakukan perbuatan zina?

Jawapan:

Dalam sebuah hadis disebutkan: "Orang yang berzina yang telah didera tidak menikah kecuali dengan wanita yang sepertinya."

Makna daripada hadis "Yang telah didera", Syaukani (6/124) mengatakan, "Hal ini di luar kebiasaan yang terjadi, kalau bukan kerana nampak darinya perbuatan zina. Dalam hadis tersebut juga memberi kekuatan hukum bahawa wanita tidak boleh dinikahkan kepada orang yang nampak telah berbuat zina, begitu juga lelaki tidak boleh

menikahi wanita yang nampak telah berbuat zina. Hal tersebut ditunjukkan juga oleh firman Allah s.w.t,

"Wanita penzina tidak dinikahi kecuali oleh penzina lelaki atau orang musyrik."

(An-Nuur (24): 3)

Kitab ash-Shahiha (573/5)

Masalah:

Apakah zina juga berkesan pada keluarga pezina?

Jawapan:

Ya, jika seorang lelaki terang-terangan berbuat zina, dan melakukan di rumahnya, maka mungkin sahaja hal itu menular kepada keluarganya, semoga Allah melindungi kita -akan tetapi hal itu tidak pasti seperti yang diterangkan hadis ini-, maka hal ini batil.

Kitab ash-Shahihah (155/2).

Masalah:

Pengharaman alat-alat muzik.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda,

"Dua suara yang dilaknat; suara seruling ketika bernyanyi dan suara celaka ketika musibah." Kitab Ash-Shahihah no 226.

Hadis ini menunjukkan atas pengharaman alat-alat muzik; kerana seruling adalah alat yang digunakan untuk bersiul. Hadis ini salah satu daripada hadis-hadis yang banyak membantah pendapat Ibnu Hazm yang membolehkan alat-alat muzik.

Masalah:

Ancaman keras bagi orang yang menyentuh wanita yang tidak dihalalkan baginya.

Jawapan:

“Benang daripada besi yang dimasukkan pada kepala lelaki lebih baik baginya daripada menyentuh wanita yang tidak dihalalkan baginya.” Kitab Ash-Shahihah no 226

Dalam hadis tersebut terdapat ancaman keras bagi orang yang menyentuh wanita yang tidak dihalalkan baginya, dan di dalamnya mengandungi dalil atas pengharaman menjabat tangan wanita; kerana hal itu jelas termasuk kategori menyentuh, dan terlihat bahawa kaum muslimin di zaman ini telah dicuba dengan hal tersebut.

Kitab Ash-Shahihah 396

Masalah:

Pengharaman menjabat tangan wanita.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

Setiap manusia pasti pernah berbuat zina, mata zinanya melihat, tangan zinanya menyentuh, jiwa cenderung membicarakannya dan hal itu dibenarkan atau didustakan oleh kemaluan” Kitab Ash-Shahihah no 2804

Di dalam hadis ini terdapat dalil yang jelas atas pengharaman menjabat tangan wanita asing, kerana melihat kepadanya termasuk salah satu jenis zina.

Kitab ash-Shahihah (721 bahagian II)

Masalah:

Apa hukuman orang yang selalu berzina?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru r.a. dari pada Nabi s.a.w, baginda bersabda,

“Tidak masuk syurga orang yang derhaka kepada

orang tua, pencandu minuman dan anak hasil zina.”

Makna hadis di atas, “*Tidak masuk syurga anak hasil zina*” bukan secara zahirnya, tetapi maksudnya adalah orang yang melampaui (kecanduan melakukan) zina sehingga dikalahkan oleh perbuatan maksiat itu, sehingga dia patut dinisbatkan kepadanya, oleh kerana itu dapat dikatakan bahawa dia adalah “anak zina” sepertimana orang-orang yang berhak dengan dunia dinisbatkan kepadanya, sehingga dikatakan sebagai, “anak-anak dunia” kerana pengetahuan dan apa yang mereka kerjakan, dan sepertimana dikatakan untuk orang yang musafir (bepergian) dengan sebutan “*Tbnu sabil*” (anak jalan), maka di antaranya pula adalah “Anak (lelaki) zina” dan “Anak (perempuan) zina”

Dan dikatakan kepada orang yang selalu berzina dengan sebutan, “Anak zina”, maka itulah maksud daripada sabdanya, “*Tidak masuk syurga*” yang dimaksudkan bukanlah anak daripada hasil zina dan dia bukan golongan orang-orang pezina.

Kitab Ash-Shahihah (283/2).

Masalah:

Sunah bagi seseorang yang sedang melaksanakan solat untuk menjawab salam dengan menggunakan isyarat, manakala menjawab dengan ucapan, dalilnya telah dihapuskan.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abu Sa'id Al Khadri r.a., bahawa seorang lelaki mengucapkan salam kepada Rasulullah s.a.w padahal baginda sedang melaksanakan solat, maka Nabi s.a.w menjawabnya dengan menggunakan isyarat, dan tatkala Nabi mengucapkan salam, baginda bersabda kepada orang itu,

“Sesungguhnya kami dahulu menjawab salam ketika dalam solat, kemudian kami dilarang untuk melakukan hal itu lagi.”

Dalam hadis ini terdapat dalil yang sangat jelas bahawa menjawab salam ketika sedang melaksanakan solat secara lafaz atau ucapan diperbolehkan pada awal-awal Islam ketika di Mekah-, kemudian hukum ini dihapuskan, dengan keharusan menjawab salam menggunakan isyarat ketika di Madinah-.

Dalam konteks ini juga terdapat perkara yang disukai, mengucapkan salam kepada orang yang sedang melaksanakan solat sepetimana yang disepakati oleh Ibnu Mas'ud dan juga yang lainnya. Banyak diulas tentang hal ini dalam hadis-hadis yang masyhur.

Kitab *ash-Shahihah* (999/6/bah. II)

Masalah:

Hukum gerakan lain dalam solat, walaupun sedikit.

Jawapan:

Tidak setiap pekerjaan dalam solat dapat menjadikan solatnya batal. Telah diriwayatkan daripada Aisyah r.a., dia berkata, “Aku pernah datang kepada Rasulullah s.a.w, ketika itu baginda sedang melaksanakan solat di rumah, manakala pintu rumah baginda dalam keadaan tertutup, maka baginda berjalan kesebelah kanan atau ke kiri sehingga baginda membuka pintu, kemudian baginda kembali pada posisinya semula, dan Aisyah menerangkan bahawa kedudukan pintu berada di arah kiblat. Hal ini diriwayatkan oleh pemilik *As-Sunan* dalam *sahih Abu Daud* (885).

Masalah:

Seseorang yang memperlihatkan senjatanya kemudian menggunakannya untuk membunuh manusia.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Az-Zubair r.a. berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesiapa yang memperlihatkan pedangnya kemudian menggunakaninya, maka darahnya sia-sia.”

Erti hadis tersebut bahawa kalimat “*man syahara*” (*Sesiapa yang memperlihatkan*) boleh juga dengan menggunakan *Tasydid* yang bererti, menghunuskan pedangnya kemudian menggunakaninya terhadap manusia atau membunuh mereka, maka “*Darahnya sia-sia*” atau tidak ada *diyat* ataupun *qishaash* dalam membunuhnya. Imam An-Nasa'i menterjemahkan hal ini dengan ungkapannya, “Barang siapa yang memperlihatkan pedangnya kemudian menggunakaninya terhadap manusia.”

Masalah:

Diangkatnya hukuman had daripada orang yang telah taubat dengan taubat yang benar.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Wa'il bin Hajar r.a. bahawa suatu ketika seorang wanita keluar untuk melaksanakan solat, maka seorang lelaki mendatanginya dan menutupinya (wanita) dengan bajunya lalu melakukan keinginannya terhadap wanita itu, kemudian lelaki itu pergi. Setelah itu ada seorang lelaki lain datang menghampiri wanita itu, maka si wanita memberitahu kepadanya, “Sesungguhnya seorang lelaki telah melakukan terhadapku hal ini... dan ini...” maka lelaki itu pun pergi untuk mencari lelaki tersebut.

Kemudian datang segerombolan lelaki daripada kaum Ansar menghampiri wanita itu, maka si wanita itu pun berkata kepada mereka, “Sesungguhnya seorang lelaki telah melakukan terhadapku hal ini... dan ini...,” maka mereka pun pergi untuk mencari lelaki tersebut, lalu

mereka kembali datang dengan membawa seorang lelaki yang pergi untuk mencari lelaki yang melakukan kejahanan terhadap wanita itu, lalu mereka pergi menghadap Nabi s.a.w, lalu wanita itu berkata, "Inilah orangnya." Dan tatkala Nabi s.a.w memerintahkan untuk merejamnya, lelaki itu berkata, "Akulah orangnya (pelakunya). Maka Nabi berkata kepada wanita itu, "Pergilah kamu, Sesungguhnya Allah telah mengampunimu," dan baginda berkata kepada lelaki itu (pelaku) dengan perkataan yang baik.

Ada yang mengatakan, "Wahai Nabi Allah, tidakkah kamu merejamnya?" Maka baginda bersabda,

"Sesungguhnya dia telah bertaubat dengan taubat yang apabila orang-orang Madinah melakukan taubat tersebut, maka taubat mereka akan diterima"

(Lihat as-Sahiha no 900)

Dalam hadis tersebut terdapat kesimpulan yang sangat penting iaitu bahawa hukuman had dapat diangkat tidak diperlakukan terhadap seseorang yang bertaubat dengan taubat yang benar.

Ibnu Qayyim pun berpendapat demikian dalam kitab al-ilam lihat semula (3/17-20) percetakan as-Saadah.

Kitab Ash-Shahihah (569/2)

Masalah:

Bolehnya memberi syafaat selain untuk hukuman had.

Jawapan:

Diriwayatkan oleh Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

"Ringankanlah kesalahan orang-orang yang mempunyai keadaan khusus dalam perkara selain hudud."

Al Hafiz Ibnu Hajar dalam kitab *Al Fath* (12/88) setelah menyebutkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud

daripada Aisyah r.a. dia terdiam sebagai tanda yang menunjukkan penguatan beliau terhadap masalah tersebut; daripada sini dapat diambil kesimpulan bahawa boleh adanya Syafaat atau pertolongan terhadap perkara yang mengharuskan terjadinya Ta'zir; Ibnu Abdul Barr dan yang lainnya sepakat dengan hukum ini. Dan, hadis yang berkenaan dengan hal ini adalah satu rangkaian dengan bolehnya menutupi kesalahan seorang muslim, hal itu mencakupi suatu perkara yang belum diketahui oleh Imam.

Kitab Ash-Shahihah (239/2)

Masalah:

Larangan membawa senjata pada hari raya, di kota Mekah dan Madinah kecuali (ada) musuh.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Jabir r.a., dia berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda,

"Tidak dibolehkan bagi sesiapapun membawa senjata di dalam kota itu untuk berperang -iaitu kota Madinah." Lihat as-Sahiha 638

Zahir ini melarang membawa senjata di Mekah untuk matlamat berperang, atas dasar itu, maka hadis ini wajib ditafsirkan terlebih dahulu, jika benar kejadiannya, kerana hadis itu mutlak yang perlu untuk diikat, mudah-mudahan ini adalah maksud daripada perkataan Al Bukhari dalam *Sahihnya* (13/A dan 9-Bab "Dimakruhkan Membawa Senjata pada hari raya dan Tanah Haram.).

Hasan berkata, "Meraka dilarang pada hari raya kecuali jika takut adanya musuh.

Kesimpulan daripada perbahasan yang lalu adalah bahawa diharamkan membawa senjata di Mekah dan Madinah untuk tujuan berperang, dan mafhumnya

diperbolehkan membawanya kerana takut adanya musuh atau terjadinya fitnah -wallahualam-

Masalah:

Tetangga tidak mempunyai hak melarang tetangganya untuk mendirikan bangunan.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a., bahawa Nabi s.a.w bersabda:

“Sesiapa yang mendirikan bangunan, maka hendaklah diperkujuh oleh dinding tetangganya.”

Dalam riwayat lain:

“Sesiapa yang diminta tetangganya untuk memperkujuh dindingnya, maka perkukuhlah.”

Ulama berselisih pendapat dalam permasalahan yang ada dalam hadis, apakah hal itu wajib atau sunah? Imam Ahmad dan yang lainnya berpendapat bahawa hal tersebut adalah wajib, manakala jumhur ulama berpendapat bahawa hal itu hanya merupakan anjuran. Imam Thabari cenderung kepada pendapat ini sepertimana disebutkan pada awal pembahasannya yang diterangkan secara panjang lalu membincangkannya, akan tetapi di akhir pembahasannya, ia menyimpulkan bahawa tetangga tidak mempunyai hak untuk melarang tetangganya mendirikan bangunannya. Maka aku (Syeikh) berpendapat, “Akhir kesimpulan Thabari inilah yang benar-insya Allah.”

Kitab Ash-Shahihah (1083-1084)

Masalah:

Bagaimanakah kehidupan para nabi dalam perkuburan mereka, kehidupan alam barzakh atau kehidupan alam dunia?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi s.a.w bersabda,

“Para nabi hidup di dalam kubur mereka dan mereka mengerjakan solat.”

(Lihat as-Sahiha 1824)

Ketahuilah bahawa kehidupan para nabi yang disebutkan dalam hadis ini adalah kehidupan alam barzakh, sama sekali bukan kehidupan alam dunia, maka daripada itu kita wajib mengimaninya tanpa harus mengambil perumpamaan tentang hal itu, dan usaha memposisikan serta menyamakannya dengan yang diketahui dalam kehidupan dunia.

Inilah sikap yang harus diambil oleh seorang Mukmin dalam masalah ini, iaitu beriman dengan apa yang dijelaskan oleh hadis tanpa harus menambahkan pendapat sepertimana yang dilakukan oleh orang-orang pelaku bidaah, di mana sebahagian mereka mendakwa bahawa kehidupan Nabi Muhammad s.a.w di dalam kuburnya adalah kehidupan yang sebenarnya; baginda minum, makan dan menggauli isteri-isterinya, akan tetapi kehidupannya adalah kehidupan alam barzakh, tidak ada yang mengetahui hakikatnya kecuali Allah s.w.t.

Masalah:

Matahari dan bulan masuk neraka pada hari Kiamat?

Jawapan:

“Matahari dan bulan adalah kobaran api neraka pada hari Kiamat.” Maksud daripada hadis ini bukanlah seperti yang terlintas dalam fikiran Hasan Bashri bahawa matahari dan bulan diazab dalam neraka, kerana Allah s.w.t tidak mengazab seorangpun yang taat daripada hamba-Nya, termasuk di antaranya matahari dan bulan sepertimana dinyatakan dalam firman-Nya;

"Apakah kamu tiada mengetahui, bahawa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohon, binatang-binatang yang melata, dan sebahagian besar dari pada manusia? Dan banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya. Dan barang siapa yang dihinakan Allah, maka tidak seorangpun yang memuliakannya. Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki."

(Al-Hajj (22): 18)

Allah s.w.t mengkhabarkan bahawa azabnya hanya patut untuk selain orang yang sujud kepada-Nya di dunia sepertimana yang dikatakan oleh Ath-Thahawi, "Atas dasar itu, maka kedua-duanya (matahari dan bulan) diletakkan dalam neraka kerana mempunyai dua kemungkinan; Pertama: Kedua-duanya menjadi bahan bakar api neraka. Ismaili berkata, "Tidak setiap yang diletakkan di neraka itu diazab, kerana Allah juga mempunyai malaikat-malaikat dan bebatuan serta yang lainnya berada dalam neraka agar menjadi penyeksa bagi penghuninya. Adapun tanda daripada tanda-tanda seksaan yang ada adalah sesuai dengan kehendaknya, jadi mereka itu tidak diazab.

Kedua, kedua-duanya diletakkan di neraka untuk menghinakan para penyembahnya. Al Khathabi berkata, "Kedua-duanya berada dalam neraka tidak bererti diazab, akan tetapi untuk menghinakan orang-orang yang menyembahnya di dunia agar mereka mengetahui bahawa penyembahan mereka terhadap kedua-duanya adalah suatu kebatilan." Dan inilah yang lebih dekat kepada makna hadis daripada lafaz hadis ini.

Masalah:

Apakah ular yang ada ketika ini termasuk golongan jin yang dikutuk?

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a., bahawa Nabi s.a.w bersabda,

"Ular itu adalah wajah kutukan jin, sepertimana dikutuknya kera dan babi daripada Bani Israil."

Ketahuilah bahawa hadis di atas tidak memaksudkan bahawa ular-ular yang ada ketika ini termasuk daripada golongan jin yang dikutuk, sebab jin yang terkena kutukan menjadi ular terjadi pada kaum Yahudi, di mana mereka juga terkena kutukan menjadi monyet dan babi, akan tetapi mereka tidak berketurunan, sepertimana yang diterangkan dalam hadis sahih, "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan keturunan bagi sesuatu yang dikutuk dan tidak juga penerus, dan sebelumnya mereka dikutuk menjadi monyet dan babi, namun kedua-duanya telah ada."

Masalah:

Apakah bumi itu berbentuk bundar?

Jawapan:

Zahir hadis⁽²⁾ itu berdarjah *munkar* menurut saya, kerana bumi berbentuk bulat secara pasti, sepertimana yang ditunjukkan oleh fakta ilmiah dan tidak bercanggah dengan dalil-dalil syara' berbeza dengan orang yang mengingkari hal tersebut. Jika demikian, maka di mana bahagian kanan dan kiri bumi? Kedua-duanya adalah perkara yang semu (nisbi), sama seperti posisi timur dan barat.

Kitab Ash-Shahihah (158-159/4).

2. Awal bumi-bumi yang lebih dulu binasa, kemudian bahagian kirinya kemandian bahagian kanannya. (ad-Daifah no 1659)

Masalah:

Hikmah larangan berjalan dengan satu selipar.

Jawapan:

Yang benar dalam pendapat-pendapat ini adalah yang diceritakan oleh Ibnu Arabi; bahawa itu adalah bentuk jalan syaitan.

Kitab *ash-Shahihah* (617/1).

Masalah:

Hukum orang yang memakan harta orang lain tanpa izin, ketika dalam keadaan darurat.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Umair -Maula Abu Lahm r.a., dia berkata, "Aku dan tuan-tuanku ingin berhijrah, sehingga kami telah mendekati ke kota Madinah, (Umar) berkata, 'Maka mereka masuk kota Madinah dan meninggalkanku di belakang mereka, (Umair) berkata, 'Aku merasa sangat lapar sekali, (Umair) berkata, 'Lalu melintaslah orang yang keluar daripada kota Madinah, mereka berkata kepadaku, 'Sekiranya kamu masuk ke kota Madinah, lalu kamu memakan kurma kebun-kebunya', maka aku memasuki salah satu kebun, setelah itu aku petik dua tangkai, maka pemilik kebun itu mendatangiku dan membawaku kepada Rasulullah s.a.w, lalu dia memberitahunya kepada baginda dan pada waktu itu aku memakai dua baju, maka Nabi s.a.w bertanya kepadaku,

'Manakah yang lebih kamu sukai?' maka aku tunjuk salah satu daripada dua tangkai itu, lalu baginda bersabda, *Ambillah, dan berikan kepada pemilik kebun itu harganya*, lalu baginda melepaskan kanku." Hadis ini menunjukkan bahawa dibolehkan memakan harta orang lain ketika darurat sahaja tanpa izinnya, tetapi diwajibkan membayar ganti rugi, sepetimana yang dikatakan oleh Al Baihaqi,

diceritakan pula oleh Syaukani (8/128).

Hadis ini sebagai dalil atas pembebanan ganti rugi kepada pencuri dengan membayar apa yang telah diambil daripada hal-hal yang tidak mengharuskan hukum had. Hadis itu juga sekaligus sebagai dalil agar tidak sembarang mengambil barang orang lain, bila dalam diri pencuri ada sesuatu yang dapat dimanfaatkan atau masih memungkinkan baginya untuk hidup, walaupun hal tersebut sangat diperlukan oleh manusia. Di dalam hadis ini, Umar mengambil salah satu daripada dua bajunya dan membayarnya kepada pemilik kurma.

Kitab *ash-Shahihah* (16 bah. I).

Masalah:

Pengharaman khamar dan menjualnya.

Jawapan:

"Sesungguhnya Allah mengharamkan khamar, maka sesiapa yang terkena ayat ini, dan di sisinya ada sesuatu daripada (khamr) maka janganlah dia minum dan jangan pula menjualnya. (lihat as-Sahiha no 348)

Dalam hadis di atas terdapat pelajaran penting, iaitu isyarat bahawa khamar itu suci walaupun diharamkan, dan jika tidak demikian, maka sahabat tidak akan menuangnya di jalan-jalan dan lorong-lorong rumah mereka, jika tidak, pasti mereka menuangnya di tempat yang jauh sepetimana mereka biasa membuang benda-benda yang najis. Sabda Rasulullah s.a.w, "Takutlah kamu daripada dua orang yang melaknat!" Mereka bertanya, "Siapa itu dua orang yang melaknat?" Baginda menjawab, "Orang yang buang hajat di jalan-jalan dan tempat teduhan manusia."

(HR. Muslim dan yang lain)

Kitab *as-Sahihihah* (460)

Masalah:

Had peminum khamar.

Jawapan:

Diriwayatkan daripada Muawiyah bin Abu Sufyan r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Apabila mereka minum khamar, maka deralah mereka, kemudian apabila mereka minum lagi, maka deralah mereka, kemudian apabila mereka minum lagi, maka deralah mereka, kemudian apabila mereka minum kali keempat, maka bunuhlah mereka.”

(lihat as-Sahiha no 1360)

Dikatakan bahawa hadis ini telah dinasakh, sementara tidak ada dalil atas hal tersebut, bahkan hadis muhkam tidak mansukh, seperti yang ditahqiq oleh Ulama Besar Ahmad Syakir terhadap kitab Musnad (9 - 49-92). Akan tetapi kami melihat hal itu termasuk dalam bab “Ta’zir (bukan had).” Apabila imam melihat bahawa dia harus dibunuh, maka dia dibunuh, sebaliknya jika tidak, maka tidak dibunuh. Hal ini berbeza dengan dera (cambuk), kerana hal itu harus dilakukan setiap kali minum khamar; demikian pendapat yang dipilih oleh Ibnu Qayim.

Kitab Ash-ShahHiah (348/3).

14

Makanan

Masalah:

Hukum bangkai binatang laut

Jawapan:

Dari Abu Hurairah r.a., dia berkata, telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w lalu berkata, “Wahai Rasulullah sesungguhnya kami pernah berlayar di laut dan kami hanya membawa sedikit air, maka bila kami berwuduk dengan air itu kami akan kehausan apakah boleh berwuduk dengan air laut?”

Rasulullah s.a.w bersabda,

“Laut itu suci airnya dan halal bangkainya.”

Faedah penting yang diambil daripada hadis ini adalah: halalnya semua bangkai yang mati di laut di mana kehidupannya di air laut walaupun melayang dalam air.

Hadis yang diriwayatkan oleh ibnu Umar, bahwasanya beliau pernah ditanya tentang hal ini, lalu dia berkata, Rasulullah bersabda, “Sesungguhnya air laut itu suci dan bangkainya halal.”

(HR. Daru Quthni [538] dan adapun hadis yang melarang daripada memakan bangkai yang terapung di atas air tidak sahih)

Kitab Ash-Shahihah (1/788).

Masalah:

Haramnya daging himar ahli (yang diguna untuk kenderaan dan segala binatang buas yang bertaring)

Jawapan:

Dari Abu Tsa'labah Al Khasyani r.a., dia berkata, "Aku pernah datang kepada Rasulullah s.a.w dan bertanya, "Ya Rasulullah beritahulah kepadaku apa yang halal bagiku daripada apa yang diharamkan," Rasulullah s.a.w bersabda,

"Janganlah kamu memakan daging himar ahli dan segala binatang buas yang bertaring."

Adapun hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dengan lafadz, "Segala binatang buas yang memiliki taring, maka haram untuk dimakan dapat menguatkan masalah ini."

Lihat as-Shahiha (475-476)

Hadis ini merupakan dalil diharamkannya daging himar ahli dan semua binatang buas yang bertaring bukan hanya makruh seperti yang diyakini oleh sebahagian orang. Ini kerana Tsa'labah sendiri bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang apa-apa yang halal baginya dan apa pula yang haram baginya. Maka dijawab oleh Rasulullah dengan sabdanya, "Jangan makan"lafaz ini sebagai nas yang menunjukkan bahawa sesungguhnya larangan itu menunjukkan keharamannya.

Kitab Ash-Shahihah (1/778)

Masalah:

Bolehnya memakan daging kuda

Jawapan:

Dari Jabir r.a., dia berkata, "Bahawasanya pada hari

terjadinya perang Khaibar Nabi s.a.w melarang daripada memakan daging himar ahli dan membolehkan memakan daging kuda." daripada Asma binti Abu Bakar r.a., dia berkata, "Kami telah menyembelih seekor kuda pada zaman Rasulullah s.a.w dan kami memakannya di Madinah." Hadis ini menunjukkan dibolehkannya memakan daging kuda (pendapat jumhur ulama: imam Malik, Syafie dan Imam Ahmad). Manakala imam Abu Hanifah berpendapat haram hukumnya memakan daging kuda. Namun dua imam daripada mazhab Abu Hanifah mengikuti pendapat jumhur ulama dan inilah pendapat yang hak (benar) sesuai dengan hadis *sahih* dan diikuti oleh imam Abu Ja'far Ath-Thahawi.

Kitab Ash-Shahihah (1/634)

Masalah:

Makruh memakan biawak (adh-dabb) bagi sesiapa yang merasa jijik terhadapnya.

Jawapan:

Dari Abdurrahman bin Syubal r.a. dengan darjat hadis marfu dilarangnya memakan biawak. Hadis ini dinisbatkan kepada Abdurrahman bin Syubal.

Kesimpulannya makruh hukumnya memakan daging biawak dan bukan haram. Hal ini berlaku pula pada mereka yang merasa jijik terhadapnya. At Thabari juga berpendapat demikian.

Kitab as-Shahiha (456)

Masalah:

Disyariatkan bertanya (tentang makanan) kepada sesiapa yang tidak berhati-hati daripada hal-hal yang diharamkan

Jawapan:

Dari Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, "Apabila seseorang di antara kamu datang

kepada saudara muslimnya yang lain, jika dia memberinya makan, maka makanlah dan apabila dia memberi minum, maka minumlah dan janganlah kamu bertanya kepadanya tentang apa yang dihidangkan.'

Hadis ini menjelaskan bahawa hal ini berlaku bagi sesiapa yang kita yakini akan halal sesuatu yang dimiliki oleh saudara kita yang muslim, akan tetapi bila kita meraguinya, maka kita boleh bertanya dan bahkan wajib hukumnya terhadap saudara-saudara kita (kaum muslimin) yang tinggal di negara kaum kafir. Maka bagi mereka sebaiknya bertanya padanya. Misalnya tentang daging apakah disembelih dan dengan menyebut nama Allah atau tidak.

Kitab *as-Shahihah* (1/204)

Masalah:

Hukum seorang Muslim berburu dengan anjing dan burung kepunyaan orang majusi

Jawapan:

Imam Malik telah menjelaskan masalah ini dalam kitabnya *Al muwatha'* (2/41) dia berkata, "Hal yang telah kami sepakati bahwasanya apabila seorang muslim berburu dengan menggunakan anjing kepunyaan orang majusi yang telah diajar kemudian anjing itu mendapatkan (membunuh) buruannya, maka halal hukumnya memakan hasil buruan itu walaupun tidak sempat disembelih olehnya. Hal ini sama seperti seorang muslim yang menyembelih haiwan dengan menggunakan pisau kepunyaan orang Majusi atau memanah buruan dengan menggunakan busur dan anak panah kepunyaan majusi pula. Maka hasil buruannya itu hukumnya halal dan boleh dimakan sepetimana dia (muslim) menyembelih sendiri dengan menyebut nama Allah.

Hal ini berbeza apabila seorang Majusi berburu dengan

menggunakan anjing kepunyaan seorang muslim yang telah diajari kemudian anjing itu membunuh atau mendapatkan buruannya, maka tidak dibolehkan memakan daging buruan itu kecuali terlebih dahulu disembelih oleh orang muslim (dengan menyebut nama Allah).

Dan, sesungguhnya permisalan itu sama seperti seorang Majusi menggunakan busur dan panah kepunyaan orang muslim dan mendapatkan buruan, maka sama juga dengan seorang majusi menyembelih binatang dengan menggunakan pisau kepunyaan orang muslim, maka tidak boleh (haram) memakan daging tersebut.

Kitab *Adh-Dhai'fah*, (1/22)

Masalah:

Bacaan apa yang disyariatkan ketika hendak makan.

Jawapan:

Dari Umar bin Abu Salamah r.a. berkata, "Di masa kecil aku berada dalam didikan Rasulullah s.a.w, ketika makan tanganku selalu berpindah-pindah mengambil makanan dalam cawan besar (nampan), maka Rasulullah s.a.w bersabda,

"Wahai anak kecil apabila kamu hendak makan maka bacalah bismillah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah apa yang dekat denganmu daripada makanan tersebut"

Hadis ini merupakan dalil bahawa sesungguhnya sunah yang dibaca ketika hendak makan adalah lafadz bismillah sahaja tanpa ada tambahan. Dan, tidak ada yang lebih afdal daripada sunah Rasulullah s.a.w dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad s.a.w. Jadi bila tidak ada lafadz (bacaan) yang tsabit daripada Rasulullah s.a.w ketika hendak makan kecuali bismillah, maka tidak diperbolehkan menambah lafadz setelah

bismillah. Apalagi tambahan itu dianggap lebih baik daripada sekadar bismillah. Ini kerana pendapat demikian bercanggah dengan hadis Rasulullah s.a.w yang ertiannya, Sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Nabi Muhammad saw.

Kitab *as-Shahihah* 1/611-612)

Masalah:

Hukum makan dengan menggunakan sudu

Jawapan:

Di antara hal aneh yang terjadi di kalangan sebahagian kaum Muslimin yang enggan makan dengan menggunakan sudu kerana mereka berpendapat bahawa hal itu menyalahi sunah Rasulullah s.a.w. Sementara hal ini merupakan kebiasaan dan bukan urusan ibadah (ta'abudiyah). Seperti memandu kereta, naik kapal terbang dan sebagainya.

Kitab *Adh-Daifah* (3/347)

Masalah:

Menjilat jari-jari tangan dan membersihkan cawan tempat makan dengan tangan merupakan adab makan yang wajib.

Jawapan:

Dari Jabir bin Abdillah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Apabila salah seorang di antara kamu makan maka janganlah dia membersihkan jari tangannya hingga dia menjilatnya atau meminta orang lain untuk menjilatinya dan janganlah membersihkan cawan hingga dia membersihkan dengan jarinya lalu menjilatnya atau meminta orang lain menjilatinya kerana sesungguhnya pada makanan yang terakhir itu ada berkat.”

Dalam hadis itu terdapat salah satu adab daripada banyak adab makan yang wajib; menjilat jari-jari tangan, membersihkan piring yang diguna untuk makan dengan jari tangan lalu menjilatnya. Hal ini telah banyak ditinggalkan oleh sebahagian kaum muslimin zaman sekarang yang terpengaruh dan mengikuti adab dan kebiasaan orang-orang Eropah (barat) yang tidak memiliki adab atau tatacara kecuali hanya berdasarkan pada material, dan tidak pernah mengakui adanya pencipta yang telah memberikan limpahan nikmat kepada mereka.

Oleh kerana itu hendaklah seorang Muslim untuk selalu berhati-hati dan tidak mengikuti kebiasaan-kebiasaan mereka yang nantinya akan digolongkan dalam hadis Rasulullah s.a.w,

“*Sesiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk daripada golongan mereka.*”

Sesungguhnya saya mengatakan wajib kerana berdasarkan kepada perintah Rasulullah s.a.w tentang hal itu dan adanya larangan mengikuti adat kebiasaan mereka. Maka jadikanlah dirimu seorang mukmin yang selalu menjalankan segala perintah Rasulullah s.a.w dan meninggalkan apa yang dilarangnya. Dan janganlah mengikuti mereka yang selalu ter dorong oleh hawa nafsu nya daripada jalan Allah s.w.t baik mereka merasakannya ia adalah baik ataupun tidak.

Kitab *as-Shahihah* (1/675-676)

Dari Abu Al'yan radhiyallahu anhu, ketika ditanya tentang nabi zulqarnain disimpan dalam tembikar dia berkata: “Rasulullah s.a.w melarang daripada saudara yang disimpan dalam tembikar.”

238

15

Minuman

Masalah:

Diharamkan segala yang memabukkan baik itu diperbuat daripada buah anggur, kurma, jagung atau yang lainnya

Jawapan:

Dari Abdullah bin Umar r.a. daripada Rasulullah s.a.w bersabda,

“Allah mengharamkan khamar dan segala yang memabukkan.”

Hadis ini merupakan salah satu daripada sekian dalil yang kuat tentang haramnya segala yang memabukkan baik itu diperbuat daripada buah anggur, kurma, jagung atau yang lain, baik sedikit atau banyak. Ini kerana membezakan khamar antara satu sama lain berdasarkan sedikit dan banyaknya adalah batil

Kitab *as-Shahihah* (3/492)

Masalah:

Kenapa khamar itu diharamkan

Jawapan:

Allah s.w.t mengharamkan khamar bagi kaum lelaki dan wanita, kerana sesungguhnya khamar itu adalah

minuman penghuni syurga baik daripada kaum lelaki maupun wanita. Sepertimana Allah s.w.t menjelaskan dalam firman-Nya,

“Apakah perumpamaan (penghuni) syurga yang dijanjikan kepada orang-orang bertakwa yang di dalamnya ada sungai-sungai daripada air yang tiada berubah rasa dan baunya,” sungai-sungai daripada air susu yang tiada berubah rasa dan baunya, sungai-sungai daripada khamar (arak) yang lazat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai daripada madu yang disarang dan mereka memperoleh di dalamnya segala macam buah-buahan dan ampunan daripada tuhan mereka sama dengan orang-orang yang kekal dalam neraka, dan diberi minum dengan air yang mendidih sehingga memotong-motong ususnya.”

(Muhammad (47:15)

Sesiapa yang menginginkan kesenangannya dipercepat di dunia tanpa mengendahkan larangan Allah serta tidak kembali bertaubat kepadanya maka menyebabkan Allah s.w.t akan mengharamkan baginya kesenangan tersebut di akhirat nanti.

Kitab *as-Shahihah* 1/667

Masalah:

Haramnya nabidz (anggur kering) yang disimpan dalam tembikar dan sebab (illat) diharamkannya

Jawapan:

Dari Abu Aliyah rahimahullah berkata, Abu Sa'id Al Hudri r.a. ketika ditanya tentang nabidz aljar yang disimpan dalam tembikar, dia berkata, “Rasulullah s.a.w melarang daripada nabidz yang disimpan dalam tembikar.”

Dari hadis ini sangat jelas haramnya nabidz al jar (anggur kering yang disimpan dalam tembikar) dan Ibnu

Umar telah memperjelaskan masalah ini sebagaimana terdapat dalam riwayat muslim. Al Jarr adalah segala sesuatu yang diperbuat daripada madar.⁽³⁾

Syeikh Al Albani berkata, "Menurut saya (wallahu alam) sesungguhnya larangan tersebut kerana apabila dikhuatirkan nabidz itu cepat berubah menjadi khamar (arak) bila disimpan dalam tembikar. Maka apabila sebahagian orang mengkhuatirkannya atau di sebahagian negara, maka secara pasti muncul larangan tersebut. Dan, yang dibolehkan dalam hal ini sepertimana sabda Rasulullah s.a.w,

"Dan saya melarang kamu daripada minuman, jangan kamu minum kecuali dalam bejana daripada kulit, maka minumlah dalam segala bejana (tempat air) dan janganlah minum daripada yang memabukkan (khamar)."

(HR. Muslim dan yang lainnya)

Kitab Ash-Sahihah (1097/6/bah. II)

Masalah:

Larangan minum dalam keadaan berdiri kecuali ada uzur (sebab)

Jawapan:

Dari Anas bin Malik r.a. daripada Nabi s.a.w, bahawa Malik berkata, "Rasulullah s.a.w melarang minum dalam keadaan berdiri."

Para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini, "Jumhur ulama berpendapat bahawa larangan yang dimaksudkan adalah agar kita meninggalkan kebiasaan itu. Adapun perintah untuk minum merupakan hal yang

3. Madar adalah tempayan (tembikar) yang terbuat daripada tanah liat. Maksud daripada larangan tersebut adalah melalui dinding bahagian dalam dengan tembikar yang dicat untuk mempercepat proses pembuatan khamar.

sunah (istihbab)."

Ibnu Hazm lebih condong untuk mengharamkan, sebab hal ini lebih dekat kepada kebenaran. Kemudian Syeikh Al Albani berkata, "Adapun hadis-hadis tentang minum dalam keadaan berdiri mungkin ditafsirkan kepada uzur (sebab) kenapa dia minum berdiri. Misalnya kerana tempat duduknya sempit, atau kerana tempat air daripada kulit tergantung. Dan ada pula beberapa hadis yang menjelaskan tentang hal ini. Wallahu alam."

Kitab Ash-Shahihah (1/289)

Masalah:

Bolehnya minum dengan satu nafas.

Jawapan:

Dibolehkannya meminum dengan satu nafas sebab Nabi s.a.w tidak mengingkari (melarang) seorang pemuda ketika dia berkata, "Sesungguhnya saya tidak puas dengan satu nafas." Sekiranya meminum dengan satu nafas itu dilarang, maka Rasulullah s.a.w pasti telah menjelaskan padanya. Boleh jadi dia berkata padanya (misalnya), "Apakah boleh meminum dengan satu nafas." Hal ini lebih baik daripada dia berkata padanya, "Di mana lengkungan tempat air," kalau hal itu belum dibolehkan maka maksud daripada perkataan itu adalah bolehnya minum dengan satu nafas dan apabila dia hendak bernafas maka bernafaslah di luar tempat minum tersebut.

Hal itu dijelaskan juga oleh hadis daripada Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

"Apabila salah seorang di antara kamu minum, maka hendaklah dia tidak bernafas di dalam tempat air itu, apabila dia mahu mengulanginya, maka hendaknya dia menjauhi tempat air daripada mulutnya kemudian boleh mengulanginya kalau dia mahu."

Dalam kitab *Al Fath*, Al Hafidz berkata, Imam Malik berpendapat bahawa meminum dengan satu nafas adalah boleh, ibnu Abi Syaibah pun membolehkan. Daripada Sa'id bin Al Musayyib dan golongan terkuat. Umar bin Abdu Aziz berkata,

"Sesungguhnya larangan yang dimaksudkan adalah bernafas dalam tempat minum, maka bagi siapa yang belum bernafas diperbolehkan dia minum dengan satu nafas."

Kitab *Ash-Shahihah* (1/670-671)

Masalah:

Larangan bernafas di dalam minuman (tempat minum air)

Jawapan:

Dari Abu Sa'id Al Khudri r.a. bahawa Sesungguhnya Nabi s.a.w melarang meniup ke minuman (tempat minum), salah seorang sahabat berkata kepada Rasulullah s.a.w, "Ya Rasulullah Sesungguhnya aku tidak merasa puas apabila minum dengan satu nafas." Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya,

"Jauhkanlah cekungan (lengkungan) tempat air itu daripada mulutmu kemudian bernafaslah." sahabat itu berkata, "Sesungguhnya saya melihat kotoran mata ada di dalamnya." Maka Rasulullah s.a.w bersabda, "Tuangkanlah air itu."

Al Hafidz telah menjelaskan dalam kitab *Al Fath* (80/10), "Ada banyak hadis yang menjelaskan larangan meniup ke dalam tempat air ketika hendak minum. Dan, banyak pula hadis yang melarang bernafas di dalamnya kerana mungkin akan menyebabkan perubahan, mungkin kerana orang yang bernafas dalam air itu sebelumnya telah memakan sesuatu yang menyebabkan perubahan

bau yang tidak enak atau kerana dia belum bersiwak ataupun berkumur-kumur atau kerana nafas yang keluar itu daripada bau perut yang tidak enak, maka meniup ke dalam tempat air pada keadaan seperti ini lebih fatal akibatnya bila dibandingkan dengan sekadar bernafas di dalamnya."

Kitab *Ash-Shahihah* (1/670).

Masalah:

Larangan minum daripada tempat air yang diperbuat daripada emas atau perak

Jawapan:

Rasulullah s.a.w bersabda,

"Sesiapa di dunia memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera, dia tidak akan memakainya di akhirat. Dan, sesiapa yang meminum khamar di dunia, maka dia tidak dapat meminumnya di akhirat. Dan, sesiapa yang meminum daripada tempat air yang diperbuat daripada emas dan perak, maka dia tidak dapat menggunakan lagi di akhirat."

Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda,

"Pakaianya penghuni syurga, minumannya ahli syurga dan tempat minumnya penduduk syurga."

Dari sabda Rasulullah s.a.w "*Tempat minumnya penduduk syurga*" yang merupakan *illat* daripada hadis ini adalah bahawa Allah s.w.t melarang minum daripada tempat air yang diperbuat daripada emas dan perak bagi kaum lelaki dan wanita, kerana tempat minum tersebut adalah tempat minum di syurga. Allah s.w.t berfirman,

"Masuklah kamu ke dalam syurga kamu dan isteri-isteri kamu digembirakan. Diedarkan kepada mereka piring-piring daripada emas dan piala-piala."

(Az-Zukhruf (43): 70-71)

Sesiapa terburu-buru untuk bersenang-senang dengannya tanpa mengendahkan larangan Allah atau tidak mahukembali bertaubat kepadanya, maka dia akan diazab dengan diharamkan meminum daripada tempat air emas dan perak di akhirat kelak sebagai balasan yang setimpal atas perbuatannya.

Kitab Ash-Sahihah (1/667)

16

Pengubatan

Masalah:

Pengubatan ala Nabi s.a.w berdasarkan wahyu daripada Allah s.w.t

Jawapan:

Pengubatan ala Nabi Muhammad s.a.w tidak seperti pengubatan para doktor, akan tetapi pengubatan Nabi s.a.w berdasarkan pada keyakinan ilahi yang pasti melalui wahu Allah, petunjuk kenabian, kesempurnaan akal. Manakala pengubatan yang lainnya hanyalah berupa fikiran, percubaan dan dugaan. Namun sesungguhnya yang lebih bermanfaat bagi pesakit adalah *iktikad* (keyakinan) akan kesembuhan itu hanya dari-Nya, kesempurnaan *talaqqi* (memperoleh langsung tanpa perantara) kepada Allah s.w.t dengan keimanan dan kepatuhan hati.

Keengganan sebahagian orang untuk menggunakan pengubatan ala Nabi s.a.w, seperti mereka enggan *ber-istisyfa'* (meminta kesembuhan dengan Al-Quran) padahal Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa Al-Quran adalah ubat (*Asy-Syifa'*). Hal ini bukan bererti tidak berkesannya ubat yang digunakan oleh pesakit. Akan tetapi adanya kebiasaan buruk dan tempat yang kurang baik serta

enggan menerima kebenaran Al-Quran (Ibnu Qayim dalam kitab *Zad Al ma'ad* (3/97-98).

Kitab Ash-Shahihah (1/434)

Masalah:

Bagaimana mengubati sakit perut (pengenduran)

Jawapan:

Dalam *Zad Al Ma'ad* (3/90-98) Ibnu Qayim berkata, "Madu adalah yang paling mujarab untuk mengubati penyakit ini, apalagi bila dicampur dengan air hangat. Dan, bila berlanjutan, maka hendaklah meminum madu yang asli, dan tentu hasilnya akan lebih baik. Sepertimana ubat yang diberikan harus sesuai dengan penyakit yang ditanggung.

Kitab Ash-Shahihah (1/434)

Masalah:

Makruhnya ber-iktiwa' (*penyembuhan dengan menggunakan besi panas*), al istirqa (*penyembuhan dengan perantaraan bomoh atau mantera-mantera*)

Jawapan:

Dari Al Mughirah bin Tsau'bah r.a., bahawasanya Nabi s.a.w bersabda,

"*Sesiapa yang berubat dengan menggunakan besi panas atau meminta untuk dibacakan mantera-mantera, maka dia telah dianggap berlepas diri daripada tawakal kepada Allah s.w.t.* Dari hadis ini jelas bahawa makruh hukumnya berubat dengan menggunakan besi panas, kerana harus menyakiti anggota tubuh dengan api ataupun meminta untuk dibacakan mantera-mantera sebab dia mengharapkan kurnia atau bantuan pada orang lain di mana manfaat yang diharapkan tidak ada kepastian. Hal itu hanya praduga ataupun prakiraan tanpa keyakinan. Maka merupakan salah satu sifat atau ciri orang yang masuk

surga tanpa dihisab adalah mereka yang tidak pernah meminta untuk dibacakan mantera-mantera (berubat dengannya) dan tidak pula berubat dengan menggunakan besi panas, tidak meramal nasibnya dengan burung dan hanya kepada Allah s.w.t mereka bertawakal (berserah diri). Sepertimana yang dijelaskan dalam hadis Ibnu Abbas yang diriwayatkan oleh Al Bukhari dan Muslim.

Kitab Ash-Shahihah (1/435)

Masalah:

Di antara sebab untuk mengubati diri dengan menahan lapar.

Jawapan:

Rasa lapar sangat berguna untuk menyembuhkan penyakit *imtilaiyyah* (penyakit yang disebabkan oleh kelebihan makanan dalam tubuh) Sepertimana dijelaskan oleh Ibnu Qayim dan juga dapat bermanfaat pada penyakit yang lain sepertimana yang telah dicuba oleh banyak orang. Akan tetapi cara ini bukan boleh digunakan kepada semua penyakit. Di mana adanya perbezaan daya tahan tubuh antara satu dengan yang lain.

Kitab Ash-Shahihah (1/419-420)

Masalah:

Menetapkan suatu penyakit, apakah menular atau tidak dan bagaimana pencegahannya.

Jawapan:

Dari Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

"Janganlah penyakit orang yang sakit ditularkan pada orang sihat."

Adapun lafadz hadis yang menjelaskan pentingnya mengetahui penyakit menular atau tidaknya itu sesuai

dengan percubaan dan kaji selidik serta kenyataan daripada pelbagai hadis yang lain tidak menafikannya. Akan tetapi yang dinafikan adalah yang berhubungan dengan kelalaian kita daripada Sang Pencipta Allah. Dan, hari ini sama sahaja dengan yang kelmarin. Sesungguhnya para doktor daripada negara Eropah sangat lalai dan jauh daripada Allah disebabkan kekafiran, kemosyrikan dan kesesatan mereka pada Allah s.w.t serta kepercayaan mereka akan menularnya suatu penyakit dengan kaedah jahiliah, maka sepatutnya mereka diajukan pertanyaan siapakah yang paling dahulu menularkan penyakit tersebut?

Kitab Ash-Shahihah (2/ 660)

Masalah:

Hakikat masuknya jin ke tubuh manusia

Jawapan:

Dari Utsman bin Abu Al 'Ash Ats-Tsaqafi r.a., dia berkata,

"Saya mengadu pada Rasulullah tentang *nisyam* Al-Quran (sering lupa akan hafalan Al-Quran), maka Rasulullah memukul dadaku dengan tangannya sambil bersabda,

"Hai syaitan! Keluarlah daripada dadanya Utsman." Rasulullah melakukannya sebanyak tiga kali.

Hadis di atas menjelaskan bahawa sesungguhnya syaitan itu selalu menggoda manusia dan masuk ke dalam tubuhnya walaupun dia seorang mukmin lagi soleh.

Kitab Ash-Shahihah (1002/6/bah.II)

Masalah:

Disyariatkannya merukyah orang sakit

Jawapan:

Dari 'Aisyah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w berlindung diri (membaca) dengan doa ini,

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ لِأَنْتَ رَبِّ النَّاسِ أَذْهِبْ إِلَيْكَ الْبَأْسَ وَأَشْفِقْ وَأَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَائُكَ لَكَ لَا يُغَادِرْ سَقَمًا

Ertinya:

"Ya Allah tuhan sekalian manusia, hilangkanlah kesedihan (takut) dan sembahkanlah kerana Sesungguhnya Engkau Maha Penyembuh, tiada kesembuhan kecuali kesembuhan-Mu ya Allah, kesembuhan yang tidak meninggalkan rasa sakit."

Dari hadis ini menunjukkan disyariatkannya merukyah orang sakit dengan doa yang mulia ini. Itu merupakan bukti daripada pengamalan hadis Rasulullah s.a.w sepertimana sabdanya,

"Sesiapa yang dapat memberikan manfaat pada saudaranya (muslim), maka hendaklah dia melakukannya (merukyahnya)."

(HR. Muslim dan Imam Al Bukhari telah menetapkan atau menjelaskan dalam bab khusus; "Ruqyah Nabi s.a.w")

Kitab Ash-Shahihah (1/6/643)

Masalah:

Disyariatkan merukyah dengan kitabullah (Al-Quran)

Jawapan:

Dari Aisyah r.a., dia berkata, "Bahwasanya ketika Rasulullah s.a.w masuk ke bilikku aku sedang mengubati salah seorang wanita (merukyahnya), maka Rasulullah s.a.w bersabda,

“Ubatilah dia dengan menggunakan Al-Quran.”

Dari hadis ini. Nabi s.a.w menjelaskan disyariatkannya meruqyah dengan Al-Quran (membaca ayat-ayat Al-Quran pada orang yang sakit).

Adapun selain daripada *rukyah*, maka tidak dibolehkan dalam syariat ini apalagi yang hanya berupa kumpulan tulisan daripada beberapa huruf hijaiyyah yang ditulis secara terpisah atau rumus-rumus yang digantungkan yang tidak memiliki erti dan makna yang benar lagi jelas.

Kitab Ash-Shahihah (4/566)

Masalah:

Tidak dilarang merukyah selama perbuatan itu tidak mengandungi perbuatan syirik

Jawapan:

Salah seorang sahabat yang meriwayatkan hadis ini berkata, "Ketika kami duduk bersama Rasulullah s.a.w ada seorang pemuda yang disengat kala jengking, maka salah seorang di antara kami berkata, "Ya Rasulullah apakah boleh saya merukyahnya?" Rasulullah s.a.w bersabda,

“Sesiapa yang dapat memberi manfaat pada saudaranya maka hendaklah dia melakukannya.”

(HR, Muslim)

Kandungan hadis ini: *istihbab* (bolehnya) seorang muslim *merukyah* saudara muslimnya yang lain walau hanya dengan *rukyah* yang biasa. Di mana bacaannya dapat difahami dan tidak melanggar syariat, namun bila *rukyah* atau bacaannya tidak difahami maknanya, baik daripada tulisan maupun lafaznya, maka hal ini yang tidak dibolehkan atau dilarang.

Al Mannawi berkata, "Kebanyakan daripada umat manusia hanya berpandukan pada keumuman hadis yang

membolehkan merukyah, zahirnya mereka membolehkan segala bentuk dan cara merukyah yang jauh dan menyimpang daripada maksud yang sebenarnya bahkan dia sendiri tidak memahami ertinya. Akan tetapi maksud daripada hadis di atas bahawa apabila hal itu mengarah kepada perbuatan syirik maka itulah yang dilarang manakala hal yang difahami ertinya namun tidak ada jaminan untuk tidak terjerumus ke dalam kemosyrikan, maka sebaiknya dilarang sebagai antisipasi kita terhadapnya

Kitab Ash-Shahihah (1/765)

17

Pakaian Dan Perhiasan

Masalah:

Haramnya lelaki memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera dan emas

Jawapan:

Dari Abu Umamah Al Bahili r.a., bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda,

Barang siapa yang beriman pada Allah dan hari akhir, maka janganlah dia memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera dan emas.

Perlu diketahui bahawa hadis ini merupakan dalil yang kuat lagi jelas akan haramnya menggunakan sutera dan emas dengan redaksi yang universal (umum) di mana mencakup kaum lelaki dan wanita namun ada pula beberapa hadis yang menjelaskan pengecualian bagi kaum wanita (dibolehkan). Hadis-hadis yang mengharamkan seperti hadis yang masyhur yang ertinya, "Kedua-dua benda ini (sutera dan emas) haram bagi kaum lelaki dan halal bagi kaum wanita daripada umatku"

Kitab Ash-Shahihah (1/597)

Masalah:

Mengapa memakai pakaian daripada sutera diharamkan bagi kaum lelaki.

Jawapan:

Sabda Rasulullah s.a.w, "Pakaianya penduduk syurga," yang zahir daripada lafaz ini adalah merupakan illat diharamkannya, yakni sesungguhnya Allah khusus mengharamkan sutera bagi kaum lelaki kerana itu merupakan pakaian mereka di syurga. Sepertimana firman Allah, "Dan, pakaian mereka di syurga adalah sutera."

(Al-Hajj (22): 23)

Maka sesiapa yang mempercepat atau bersenang-senang dengannya tanpa mengendahkan peringatan Allah serta tidak bertaubat kepadanya, maka akan diharamkan baginya di akhirat sebagai balasan yang setimpal.

Kitab Ash-Shahihah (1/667)

Masalah:

Model sutera yang diharamkan

Jawapan:

Perlu diketahui bahawa sutera yang diharamkan adalah sutera yang bahan dasarnya daripada haiwan yang dikenali di negeri Syam dengan sutera asli. Manakala sutera yang bahan dasarnya daripada tumbuh-tumbuhan (atau daripada jenis tumbuhan) maka tidak diharamkan darinya.

Kitab Ash-Shahihah (1/668)

Masalah:

Haramnya cincin emas bagi kaum lelaki

Jawapan:

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w pernah mengambil sebentuk cincin lalu memakainya kemudian

baginda bersabda, ‘Sejak hari ini aku telah disibukkan oleh cincin daripada kamu sekalian ini. Kadang saya memperhatikannya, dan sewaktu-waktu saya memperhatikan kamu sekalian.’ kemudian Rasulullah s.a.w melemparnya.

Dari hadis ini jelas haram hukumnya memakai cincin emas bagi kaum lelaki.

Kitab Ash-Shahihah (3/190)

Masalah:

Haram hukumnya sutera dan emas bagi kaum lelaki kecuali ada keperluan darurat

Jawapan:

Emas dan sutera diharamkan bagi kaum lelaki kecuali ada keperluan mendesak (darurat) berdasarkan hadis Urfajah bin Sa‘ad dia telah memakai hidung palsu yang diperbuat daripada emas dengan persetujuan Rasulullah s.a.w dan juga hadis Abdurrahman bin Auf yang memakai baju daripada sutera dengan persetujuan daripada Rasulullah s.a.w juga.

Kitab Ash-Shahihah (4/481)

Masalah:

Hukum duduk di atas sutera bagi kaum lelaki

Jawapan:

Yang benar dalam masalah ini adalah haram hukumnya bagi kaum lelaki duduk di atas sutera sepetimana diharamkan memakainya berdasarkan hadis yang diriwayatkan Al Bukhari daripada Hudzaifah, dia berkata, ‘Rasulullah s.a.w melarang kami minum daripada gelas yang diperbuat daripada emas, perak dan juga makan dengannya serta daripada memakai kain sutera dan duduk di atasnya.’

Kitab Adh-Dha‘ifah (2/29)

Masalah:

Wajibnya mengangkat kain (sarung hingga di atas buku lali)

Jawapan:

Dari ibnu Umar r.a. berkata, ‘Ketika aku menemui Rasulullah s.a.w sarung saya bergoyang jatuh menutupi buku laliku, lalu Rasulullah s.a.w bersabda,

“Siapakah ini?” aku menjawab, “Ibnu Umar, saya Abdullah bin Umar,” Rasulullah s.a.w bersabda, “Apabila kamu Abdullah, maka angkatlah sarungmu.” Maka Ibnu Umar pun berkata, “Saya mengangkat sarung hingga pertengahan betis.” Hal itu dilakukan hingga dia meninggal dunia.

Dari hadis ini jelas bahawa wajib bagi seorang muslim untuk tidak memanjangkan (menurunkan) kainnya hingga menutupi kedua buku lalinya. Akan tetapi hendaklah dia mengangkatnya hingga melewati buku lali walaupun dia menurunkan kain tersebut tidak bermaksud untuk riak (sombong).

Kitab Ash-Shahihah (4/95)

Masalah:

Larangan memakai pakaian menyerupai orang kafir

Jawapan:

Dari Abdullah bin Umar r.a., bahwasanya Rasulullah s.a.w ketika melihat dua baju berwarna kuning (yang dicelupkan dengan usfur) baginda bersabda,

“Sesungguhnya pakaian seperti ini adalah kepunyaan orang kafir, maka janganlah engkau memakainya.”

Dari hadis ini jelas bahawa tidak dibolehkan seorang

muslim memakai pakaian orang-orang kafir dan juga berdandan dengan hiasan mereka.

Kitab Ash-Shahihah (4/281)

Masalah:

Apakah imamah (penutup kepala daripada serban) merupakan sunah atau kebiasaan

Jawapan:

Sesungguhnya sangat berlebihan kalau kita mengatakan bahawa imamah itu disunahkan untuk memakainya. Yang rajih dalam masalah ini adalah bahawa itu hanyalah merupakan kebiasaan dan bukan merupakan sunah daripada Rasulullah s.a.w.

Kitab Ash-Shahihah (1/253)

Masalah:

Al Imamah adalah syiar muslim yang membezakan dengan orang kafir

Jawapan:

Hendaknya keperluan seorang muslim pada imamah tersebut di luar solat lebih banyak jika dibandingkan di waktu solat dengan dalil merupakan syiar Islam yang dapat membezakan dengan orang kafir yang lain apalagi di zaman sekarang ini, di mana banyak berbaur dengan pakaian orang-orang kafir hingga seorang muslim susah untuk mengucapkan salam baik pada orang yang dikenali mahupun yang belum.

Kitab Adh-Dhaifah (1/254)

Masalah:

Apakah maksud daripada khimar itu, kain yang menutupi kepala sahaja atau juga menutupi muka

Jawapan:

Sesungguhnya khimar apabila disebutkan sendirian

(mutlak), maka yang dimaksudkan adalah penutup kepala (kerudung) dan tidak termasuk di dalamnya makna penutup wajah.

Kitab Ash-Shahihah (1039/6/bah.II)

Masalah:

Larangan bagi wanita merubah ciptaan Allah dengan matlamat memperindah dan mempercantik

Jawapan:

Dari Ibnu Mas'ud r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

"Allah s.w.t melaknat wanita yang bertatu atau yang meminta dibuatkan tatu, wanita yang menyambung rambut, wanita yang mencukur alis mata dan wanita yang meminta untuk dicukur alisnya, wanita yang meratakan gigi (susunannya) untuk memperindah dan mempercantik. Ini kerana semua itu termasuk dalam kategori merubah ciptaan Allah s.w.t."

Tidak dibolehkan bagi kaum wanita merubah apa yang ada pada dirinya daripada ciptaan Allah s.w.t baik dengan mengurangi ataupun menambahnya bertujuan memperindah dan mempercantik baik untuk suami ataupun yang lainnya. Seperti mereka yang menyambung alis matanya yang terpisah setelah dicukur mahupun sebaliknya, orang yang memiliki kelebihan gigi lalu dicabutnya, atau giginya kepanjangan lalu dipotongnya, mencukur janggut dan misai, memiliki rambut yang pendek lalu dipanjangkan untuk memperindahnya dengan menyambungkan pada rambut lain (palsu) semuanya itu dengan tujuan memperindah dan mempercantik diri, maka termasuk dalam kategori larangan ini (merubah hasil ciptaan Allah s.w.t), kecuali hal tersebut boleh menyusahkan atau menyulitkan oorang tersebut seperti kelebihan gigi yang menyusahkan dia ketika makan maka mencabutnya demi kemaslahatan

itu dibolehkan dan tidak termasuk dalam larangan ini.

Kitab *Ash-Shahihah* (694/6/bah. I)

Masalah:

Larangan mencukur janggut ataupun memendekkannya
Jawapan:

Dari ibnu Umar r.a. berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,
“Selisihilah kaum musyrikin dengan mencukur misai
dan memanangkan janggut.”

(HR Muslim [1538])

Al hafidz dalam kitabnya *Al Fath* (10/296) dia berkata, “Sesungguhnya ini yang dimaksudkan dalam hadis Ibnu Umar kerana sebahagian daripada kaum musyrikin mencukur dan memotong janggutnya. Daripada hadis ini ada isyarat yang kuat bahawa sesungguhnya mencukur janggut sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian kelompok sania (*musyabbih*) dengan apa yang dilakukan oleh kaum musyrikin adalah hal yang tidak dibolehkan. Ini kerana sesungguhnya sunah Rasulullah s.a.w yang berlaku pada zaman sahabat yang lainnya adalah membiarkannya atau memanangkan janggutnya kecuali sampai melewati saru kepalan tangan maka dibolehkan untuk mencukur lebihnya.”

Kitab *Adh-Dha'ifah* (5/125);

Masalah:

Apa erti daripada al irfah

Jawapan:

Bahwasanya Rasulullah s.a.w telah melarang kami daripada *al irfah*, maka kami bertanya, “Apa yang dimaksudkan dengan *al irfah* itu,” Rasulullah s.a.w menjawabnya, “*Al Irfah adalah bermegah atau bermewahan, atau hidup berfoya-foya.*”

Al irfah juga dinterpretikan berlebih-lebihan atau berlapang-lapang dalam makan dan minum. Maksud yang diinginkan adalah meninggalkan bersenang-senang, berfoya-foya dan kehidupan yang senang; kerana hal tersebut termasuk pakaian ajam (orang asing bukan Arab) dan pengagung dunia,”

Kitab *Ash-Shahihah* (21/2).

Masalah:

Apakah wajah kaum wanita termasuk aurat?

Jawapan:

Dari Aisyah r.a., dia berkata, “Kami telah dilihat ketika melakukan solat Subuh bersama Rasulullah s.a.w dan ketika pulang daripada masjid, kami berjalan dengan cepat dan tidak melihat di antara wajah kami satu dengan dengan lain.

Hadis ini merupakan dalil yang jelas (zahir) bahawa sesungguhnya wajah kaum wanita itu bukan aurat dan banyak lagi dalil yang berkaitan dengan masalah ini. Dan makna wajah kaum wanita itu bukan aurat bererti boleh membukanya akan tetapi lebih afdal dan menjaga diri (hati-hati) agar ditutupnya apalagi kalau dia cantik bahkan bila kecantikan itu dapat menyebabkan kepada perbuatan zina maka wajib untuk ditutupnya.

Kitab *Ash-Shahihah* (1/586)

Masalah:

Apa yang boleh dilihat daripada seorang wanita di hadapan mahramnya

Jawapan:

Dari Anas bin Malik r.a. bahwasannya Rasulullah s.a.w datang kepada anaknya Fatimah r.a. dengan membawa seorang hamba sahaya yang *dihibahkan* (hadiahkan) kepadanya. Anas berkata dan Fatimah r.a. mempunyai

sebuah baju panjang yang apabila dia menutup kepalanya maka kelihatan kakinya dan apabila dia menutup kedua belah kakinya maka terbuka kepalanya, ketika Nabi s.a.w melihat hal ini, lalu baginda bersabda,

“Sesungguhnya dia (hamba sahaya) tidak mengapa bagimu sesungguhnya yang ada adalah ayahmu dan budakmu.”

Hadis ini merupakan dalil yang jelas bahawa anak perempuan boleh membuka penutup kepalanya dan kakinya di hadapan bapanya serta hamba sahayanya.

Kitab Ash-Shahihah (869/6/bah. II)

Masalah:

Apakah kedua belah kaki perempuan itu (tumit) merupakan aurat

Jawapan:

Dari ummi Salamah r.a., bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda tentang hujung kain yang ditarik, maka Aisyah r.a. berkata, “Ya Rasulullah bagaimana dengan kami?” Rasulullah s.a.w bersabda,

“Turunkan sehengkal”, Ummi Salamah berkata, “Kalau begitu, maka kedua belah kakinya kelihatan”, Rasulullah s.a.w bersabda, *“Turunkanlah hingga sehasta.”*

Dalam hadis ini merupakan dalil bahawa kedua belah kaki (tumit) wanita adalah aurat dan hal ini merupakan perkara yang sudah diketahui oleh kaum wanita pada zaman kenabian sepertimana ketika Rasulullah s.a.w bersabda, “Turunkan” atau “Tariklah sehengkal.” Ummi Salamah pun berkata, “Kalau begitu maka kedua belah kakinya kelihatan” sepertimana dia mengetahui bahawa kedua belah mata kaki itu (bagi wanita) adalah aurat yang harus ditutup dan dilarang untuk membukanya, hal inipun dipersetujui oleh Rasulullah s.a.w dan menyuruh-

nya untuk menarik (menurunkan) hingga sehasta agar kedua belah kakinya pun tertutup. Allah s.w.t pun menjelaskan (menekankan) dalam Al-Quran,

“Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan.”

(An-Nur (24): 31)

Kitab Ash-Shahihah (1/750)

Masalah:

Apakah ada perbezaan antara aurat bagi budak perempuan dengan kaum wanita yang bukan budak

Jawapan:

Perlu diketahui bahawa sesungguhnya belum ada yang tsabit daripada sunah Rasulullah s.a.w tentang perbezaan antara aurat hamba sahaya perempuan dan wanita yang bukan budak daripada kaum mukminat. Masalah ini sudah saya jelaskan secara terperinci dalam buku saya yang bertajuk *Hijab Wanita Muslimah* hal. 44-45.

Kitab Adh-Dha'ifah (1/614)

Masalah:

Hukum memakai rambut palsu

Jawapan:

Dari Mu'awiyah bin Abu Sufyan r.a. berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Siapa di antara kaum wanita yang memasukkan dalam rambutnya rambut orang lain (memakai rambut palsu) maka sesungguhnya dia telah berbuat kebohongan (kepalsuan).”

Kalau ini merupakan hukum bagi seorang wanita untuk menggunakan rambut palsu, maka bagaimana hukumnya seorang wanita yang menutup kepalanya dengan sanggul yang terkenal saat ini dengan sebutan al

barukah.

Kitab Ash-Shahihah (3/7)

Masalah:

Dibolehkannya al hidhab (mewarnai)

Jawapan:

Dari Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda,

“Sesungguhnya orang yahudi dan nasrani tidak suka mewarnai maka selisihkanlah mereka.”

(HR. Al Bukhari [10/261] dan muslim [6/155])

Dalam kitab *Nail Al Authar* (1/105) Asy-Syaukani berkata, *‘llat* (sebab) yang terdapat dalam hadis yang dibolehkan mewarnai adalah untuk menyelisihi kaum Yahudi dan Nasrani. Maka daripada itu adanya penekanan dibolehkannya *al hidhab*, di mana Rasulullah s.a.w pun menyuruh kita kaum muslimin agar selalu menyelisihi mereka dalam pelbagai urusan.”

Imam Ahmad bin Hanbal berkata, “Ketika dia melihat seorang pemuda yang menyemir (mewarnai) janggutnya, sesungguhnya saya telah melihat seorang pemuda yang menghidupkan sunah Rasulullah s.a.w yang telah hilang dan dia gembira ketika melihat dia menyemirnya.

Kitab Hijab Al Mar‘ah Al Muslimah hal. 95

Masalah:

Haramnya memakai pakaian yang menarik perhatian/menjolok mata.

Jawapan:

Dari Ibnu Umar r.a. Rasulullah s.a.w, bersabda,

“Sesiapa memakai pakaian yang menarik perhatian orang (dengan niat pamer) di dunia ini maka Allah akan memakaikan pakaian kehinaan di akhirat

kemudian dibakar dengan api neraka.”

(HR. Abu Daud [2/172])

Asy-Syaukani berkata, “Hadis ini merupakan dalil diharamkannya memakai pakaian kebanggaan (menarik perhatian orang) bukan bererti hadis ini menjelaskan khusus pada pakaian itu sahaja, tetapi berlaku juga bagi orang yang memakai pakaian yang mengundang perhatian orang padanya (menyelisihi kebiasaan masyarakat) jadi tidak ada perbezaan antara pakaian yang mahal dan murah dalam masalah ini

Kitab Hijab Al Mar‘ah Al Muslimah, hal. 111.

Masalah:

Haramnya wanita menggunakan emas yang melingkar.

Jawapan:

Perlu diketahui bahawa kaum wanita dan kaum lelaki masuk dalam keumuman haramnya memakai cincin daripada emas yang sering digunakan oleh kaum wanita. Seperti gelang, kalung yang diperbuat daripada emas berdasarkan beberapa hadis di antaranya: sabda Rasulullah s.a.w,

“Sesiapa yang menginginkan teman dekatnya dipakaikan anting daripada api neraka, maka silakan dia memakaikan anting daripada emas, sesiapa yang menginginkan teman dekatnya dikalungkan kalung daripada api neraka, maka silakan dia mengalungkannya dengan kalung daripada emas dan sesiapa yang menginginkan teman dekatnya dipakaikan pada lengannya gelang daripada api neraka, maka silakan dia memakaikannya dengan gelang daripada emas.”

Dalam riwayat yang lain dijelaskan:

“Maka hendaklah memakaikan gelang daripada

emas, akan tetapi hendaklah dia menggunakan daripada perak.”

(HR. Abu Daud [2/119] dan Ahmad [2/378])

Dan hadis Aisyah r.a., bahawasanya Nabi s.a.w melihat di tangan Aisyah dua *kilbain malubain* (dua gelang dari-pada emas) lalu Nabi s.a.w bersabda,

“Lepaskan kedua-duanya daripada tanganmu pergunakanlah kedua-duanya daripada perak atau celukan keduanya dengan za’faran (warna kuning).”

(HR. An-Nasai [2/85] dan Al Bazzar [3007])

Kitab Adab Az-Zafaf, (hal. 150-167)

Masalah:

Larangan mewarna dan memanjangkan kuku (manycure/padcure)

Jawapan:

Perbuatan ini merupakan kebiasaan buruk lagi jelek daripada sebahagian kaum muslimah yang mengikuti adat kebiasaan wanita-wanita Eropah di mana mereka memanjangkan serta mewarna kuku jari mereka dengan perekat (cat merah) yang dikenali ketika ini dengan sebutan (manycure/padcure).

Hal inipun telah ditiru oleh sebahagian kaum pemuda kita. Sesungguhnya perbuatan ini termasuk dalam kategori merubah ciptaan Allah s.w.t yang akibatnya adalah Allah melaknatnya serta tasyabuh dengan orang-orang kafir di mana Rasulullah s.a.w pun melarangnya dalam hadisnya; baginda bersabda, “Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum maka dia termasuk daripada golongan mereka.”

(HR. Abu Daud dan Ahmad)

Begitu juga menyalahi fitrah manusia sepetimana Allah menjelaskan dalam Al-Quran, “Tetaplah atas fitrah Allah yang menciptakan manusia menurut fitrah itu.”

Rasulullah s.a.w telah bersabda,

“Ada lima hal yang merupakan fitrah manusia: khitan, mencukur bulu kemaluan, mencukur misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak.”

Anas bin Malik r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w menetapkan bagi kami: mencukur misai, memendekkan kuku, mencabut bulu ketiak, mencabut bulu kemaluan dan hendaklah jangan sampai melebihi 40 hari.

(HR. Muslim [1/153])

Kitab Adab Az-Zafaf (132-135)

Masalah:

Haramnya menggantung gambar di dinding

Jawapan:

Menggantung gambar di dinding baik yang berbentuk atau tidak, yang memiliki bayangan atau tidak, digambar dengan tangan atau fotografi, yang demikian itu tidak dibolehkan, maka wajib bagi yang berkuasa untuk mencabut/menanggalkan/melucutkan walaupun tidak sampai mengoyaknya, Hal tersebut berdasarkan hadis yang menjelaskan keharamannya seperti, daripada Aisyah r.a., dia berkata, “Rasulullah s.a.w pernah mendatangiku, aku lalu menutup tempat air dengan kain yang bahagian luar-nya ada gambar patung -dalam riwayat lain dikatakan ada padanya gambar kuda yang bersayap, maka ketika Rasulullah s.a.w melihatnya, baginda langsung mengoyaknya dan berubahlah wajah baginda lalu bersabda,

Aisyah, sesungguhnya manusia yang paling berat seksaannya di hari Kiamat adalah manusia yang meniru atau mencontohi ciptaan Allah.”

Dalam riwayat lain dikatakan,

“Sesungguhnya pemilik gambar-gambar itu akan